



**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 21

Selasa

18 Disember 2018

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
UCAPAN TAKZIAH Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim	(Halaman 29)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 30)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2019	(Halaman 30)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

Selasa, 18 Disember 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam sejahtera, salam sehati sejiwa.*

Bersyukur saya dapat berjumpa dengan keluarga saya, Ahli Yang Berhormat. Semalam kita berjuang sampai pukul 10.30 malam. Tahniah... *[Tepuk]* Dan saya nampak wajah-wajah Ahli Yang Berhormat saya pagi ini masih segar lagi. Jiwa dia itu, jiwa orang berjuang ini selalu segar. Jadi orang dari Sabah, Sarawak, ada termasuk kita punya Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, ada lagi, ramai lagi. So saya mengucapkan terima kasih banyak dan syabas, dan tahniah sekali lagi... *[Tepuk]*

Saya hendak mulakan hari ini dengan pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan ya. Saya minta Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, dipersilakan.

1. Tuan Adrian Banie Lasimbang minta Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim menyatakan, apakah status kadar pelepas Gas Rumah Hijau terkini dan apakah program yang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan komitmen Malaysia di *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) dipenuhi dalam mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: *Kopisanangan om kotouladan.*

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pelepasan gas rumah kaca, *greenhouse gases (GHG)* negara pada tahun 2014 yang dilaporkan di dalam Laporan

Malaysia's Third National Communication (NC3), and Second Biennial Update Report (BUR2) yang dikemukakan kepada *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)* adalah sebanyak 317.63 juta tan karbon dioksida setara ataupun *carbon dioxide equivalent*, penyerapan GHG oleh hutan adalah sebanyak 267.15 juta tan *CO2 equivalent*. Ini bermaksud, jumlah keseluruhan pelepasan pada tahun 2014 setelah ditolak penyerapan oleh hutan adalah sebanyak 50.48 juta tan *CO2 equivalent*.

Pelepasan GHG negara hanya menyumbang kepada 0.7 peratus daripada pelepasan GHG global. Malaysia telah menandatangani *Paris Agreement* pada 22 April 2016 dan meratifikasikan perjanjian ini pada 16 November 2016. Justeru itu, kementerian akan meneruskan komitmen Malaysia dalam *Paris Agreement* melalui pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi dalam menyumbang kepada sasaran *Paris Agreement*.

Bagi memenuhi komitmen perubahan iklim di bawah *Paris Agreement*, Kerajaan Malaysia melalui kementerian dan agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai program dan inisiatif untuk mengurangkan pelepasan GHG di bawah sektor-sektor utama GHG negara seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian seperti berikut:

- (i) menggalakkan penjanaan tenaga boleh baharu melalui mekanisme *feed-in tariff*;
- (ii) menggalakkan penjanaan tenaga elektrik boleh baharu di luar mekanisme FiT ataupun *feed-in tariff*;
- (iii) menggalakkan pembangunan loji biogas;
- (iv) menggalakkan aktiviti kitaran semula bagi mengelakkan penjanaan dan pelepasan gas metana akibat daripada pembuangan sisa organik di dalam tapak pelupusan;
- (v) mempertingkatkan kawasan hutan simpan yang mampu menyerap gas rumah kaca;
- (vi) membangunkan sistem pengangkutan awam darat berunsurkan rel;
- (vii) menggalakkan penggunaan gas asli sebagai bahan api kenderaan pengangkutan awam;
- (viii) membangunkan program biodiesel B5;
- (ix) mewujudkan dan menggalakkan penggunaan sistem pengiktirafan kecekapan bangunan;

- (x) menggalakkan penggunaan kenderaan cekap tenaga, *energy efficiency vehicles*;
- (xi) menetapkan sasaran pengurangan penggunaan tenaga lima peratus dari bangunan-bangunan kerajaan; dan,
- (xii) menggalakkan penggunaan teknologi hijau menerusi Program *Green Technology Financing Scheme* (GTFS).

Kerajaan juga telah mula melaksanakan langkah-langkah mitigasi tambahan seperti berikut:

- (i) pelaksanaan Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga ataupun kita panggil NEEAP sebagai pemangkin kepada penggunaan tenaga yang lestari;
- (ii) pelaksanaan Program *Large Scale Solar* yang memanfaatkan status Malaysia selaku salah satu peneraju industri solar; dan
- (iii) menumpukan usaha kepada sektor sisa kepada sektor yang berpotensi menyumbang kepada sumber tenaga boleh baharu dan kitar semula buangan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Memandangkan rakyat juga mempunyai peranan yang penting dalam membendung masalah ini, adakah kementerian mempunyai program kesedaran mengenai kesan negatif gas rumah hijau ini? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Satu soalan yang baik. Terima kasih Yang Berhormat. Dalam kita menangani soal-soal pencemaran dan tentang alam sekitar, memang sebenarnya ini bukan terletak kepada tanggungjawab kerajaan semata-mata tetapi juga kepada rakyat keseluruhan. Perancangan kita ada banyak daripada segi alam sekitar. Cumanya mungkin saya boleh beri jawapan bertulis kepada soalan Yang Berhormat.

Di samping itu, kerajaan turut melaksanakan usaha-usaha kesedaran awam dalam isu perubahan iklim yang melibatkan ramai. Antaranya penerapan elemen perubahan iklim dalam silibus pendidikan rendah, menengah dan tinggi. Perbincangan juga akan diteruskan bersama kementerian dan agensi yang bertanggungjawab bagi mengemas kini maklumat. Kita sentiasa untuk berusaha menambah baik kaedah penyampaian maklumat kepada seluruh masyarakat. Terima kasih.

■1010

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih di atas jawapan tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama sekali saya menyambut baik usaha kementerian dalam melaksanakan komitmen Malaysia ini terhadap *Paris Agreement*. Saya juga ucapkan syabas kepada Yang Berhormat Menteri MESTECC baru-baru ini yang telah membuat komitmen yang lebih besar di *convention* baru-baru ini di Poland yang baru sahaja siap.

Apa yang ingin saya tanyakan di sini adalah berkenaan dengan usaha Malaysia untuk memastikan bahawa komitmen ini- sebab salah satu daripada usaha untuk memastikan pengurangan pelepasan gas rumah kaca ini adalah berkenaan dengan *forestry*. Oleh sebab, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab tadi, kebanyakan usaha kerajaan ini lebih kepada *energy*, industri dan sebagainya. Akan tetapi, saya belum melihat bagaimana kerajaan mahu memastikan bahawa sektor pertanian khususnya dalam usaha untuk mengurangkan impak *land used change* itu dan juga *forestry*. Oleh sebab, ada beberapa kementerian yang terlibat di dalam hal ini. Adakah usaha kementerian untuk memastikan *inter-agency process* untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau ini? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan Gundohing Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Beliau seorang yang saya tahu memang sangat- tentang alam sekitar ini.

Ya, kita akui bahawa tentang pelepasan GHG ini bukannya terletak di bawah MESTECC sahaja. Kalau mungkin MESTECC, kita terlibat secara langsung kerana sektor tenaga. Akan tetapi, industri dan juga perhutanan di bawah kementerian-kementerian lain. Kita memang menjalankan dan juga sedia untuk berbincang kalau ada lagi maklumat-maklumat yang perlu kita berbincang antara sesama kementerian-kementerian ini.

Selain itu juga, sektor pertanian, untuk makluman Yang Berhormat Senator Gundohing Tuan Adrian Banie Lasimbang, sektor pertanian hanya menyumbangkan sebanyak empat peratus. Sektor hutan juga hanya sebanyak satu peratus kepada pelepasan GHG. Jadi, kementerian akan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bagi kita memanfaatkan lagi dan memperbaiki lagi tahap pelepasan GHG kita. Terima kasih.

Datuk Haji Husam bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan banyak galakan, galakan itu, galakan ini. Saya hendak tahu bahawa apakah bentuk galakan-galakan tersebut? Terima kasih.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa di atas soalan tambahan. Ya, kita berikan pelbagai galakan dalam- kita memberikan pelbagai galakan untuk kita mengurangkan pelepasan GHG ini di bawah sektor-sektor utama. Tadi yang saya sebut antaranya seperti menggalakkan penjana tenaga boleh baharu di bawah mekanisme FiT, ada juga penjana tenaga elektrik boleh baharu di luar mekanisme FiT.

Saya rasa hari itu mungkin saya pernah jawab soalan Yang Berhormat Senator dalam bentuk *net energy metering* kalau tidak silap saya. Itu juga salah satu galakan kita untuk- tetapi itu di bawah sektor tenaga. Selain itu juga, menggalakkan aktiviti kitaran semula bagi mengelakkan penjana pelepasan gas metana akibat daripada pembuangan sisa organik. Kalau boleh saya ulang balik jawapan saya tadi.

Salah satu juga yang kita dalam kementerian...

Datuk Haji Husam bin Musa: Adakah insentif, ada potongan cukai atau apa-apa bentuk? Tadi senarai-senarai galakan ya. Akan tetapi bentuk-bentuk galakan tersebut ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya boleh sebutkan di sini juga, salah satu dia adalah *Green Technology Financing Scheme* (GTFS). Akan tetapi ini kalau boleh saya mohon jawapan bertulis sebab ini di bawah- bersangkutan paut juga dengan Kementerian Kewangan. Perkara ini akan memberikan rebat kepada pemain industri. Cuma saya mohon kepada Yang Berhormat Senator untuk kita berikan jawapan secara bertulis kepada soalan ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa.

Datuk Haji Husam bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, selamat pagi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya minta izin, saya tidak tahu adakah sesuai ataupun tidak sebelum saya panjangkan pertanyaan saya nombor dua. Kita telah menerima berita kematian anggota bomba saudara Muhammad Adib. Saya kira adalah wajar untuk Dewan ini sebelum diteruskan untuk bertafakur dan bagi rakan-rakan beragama Islam menghadihkan Al-Fatihah kepada Allahyarham.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, kita memang...

Datuk Haji Husam bin Musa: Saya tidak tahu, adakah...

Timbalan Yang di-Pertua: Kita mahu buat sekarang, masa...

Datuk Haji Husam bin Musa: Oh, okey Tuan Yang di-Pertua.

2. Tuan Haji Husam Bin Musa minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah langkah-langkah pembaharuan bagi meningkatkan kebajikan anggota tentera termasuk anggota yang telah bersara.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa. Kementerian Pertahanan sentiasa memberikan keutamaan yang tinggi ke atas isu kebajikan sama ada melibatkan anggota yang masih dalam perkhidmatan ataupun yang telah menamatkan perkhidmatan.

Justeru, dasar kebajikan serta usaha kerajaan dalam menjaga kebajikan kepada anggota tentera yang dalam perkhidmatan dan veteran akan diteruskan serta akan ditambah baik. Antara pembaharuan terkini yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah meluluskan bantuan kewangan kepada persatuan bekas tentera sebanyak RM500,500 untuk diagihkan kepada 140 buah persatuan bekas tentera. Bagi meningkatkan peluang pekerjaan baharu kepada veteran ATM pula, melalui perkhidmatan baru-baru ini telah menandatangani MOU dengan *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM) di Pulau Pinang yang melibatkan pertukaran MOU bersama 28 buah syarikat dan 13 persatuan industri.

Kolaborasi ini menawarkan kira-kira 2,000 peluang pekerjaan baharu kepada veteran ATM dalam pelbagai bidang dari operator pengeluaran juruteknik sehingga ke peringkat pengurusan yang melibatkan pelbagai industri seperti telekomunikasi, produk elektrik, teknologi maklumat dan lain-lain. Pihak kementerian juga merancang untuk mewujudkan Kertas Putih Pertahanan dan akan dibentangkan di Parlimen pada persidangan Parlimen tahun hadapan. Kertas Putih ini merupakan satu dokumen yang akan menjadi satu pernyataan niat kemampuan, juga menggariskan hala tuju dan strategi pertahanan dan keselamatan negara.

Bagi memastikan kemapanan, keterangkuman dan daya tahan serta keseimbangan keupayaan pertahanan masa hadapan, aspek industri pertahanan, saiz dan teknologi inovasi dan juga sumber manusia yang meliputi aspek kebajikan warga, anggota dan veteran ATM. Ini semua akan di bawa di dalam Kertas Putih.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga akan mengadakan mesyuarat Majlis Veteran Kebangsaan yang pertama kali pada 24 Disember 2019 semenjak Akta Veteran 2012 diluluskan. Ini adalah salah satu langkah yang tidak pernah dibuat. Walaupun Akta Veteran diluluskan pada tahun 2012 di mana satu Majlis Veteran Kebangsaan harus ditubuhkan. Ini

telah ditubuhkan dan Mesyuarat pertama akan berlaku pada minggu hadapan. Senarai ahli Majlis Veteran Kebangsaan adalah seperti berikut:

- (i) Menteri Pertahanan sebagai Pengerusi
- (ii) Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan sebagai Timbalan Pengerusi;
- (iii) Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran sebagai Setiausaha; dan
- (iv) *Assistant* Ketua Staf Perkhidmatan Anggota sebagai Ahli.

Ini merupakan ahli-ahli tetap. Menteri Pertahan juga di bawah seksyen 3(2) Akta Veteran 2012 diberikan kuasa untuk melantik tidak lebih daripada lima orang ahli untuk menganggotai Majlis Veteran Kebangsaan (MVK). Ahli yang telah dilantik adalah seperti berikut:

- (i) Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli Bin Haji Zainal Abidin, Panglima Angkatan Tentera;
- (ii) Kapten Datuk Sharuddin bin Hj Omar, bersara. Presiden Persatuan Veteran ATM;
- (iii) Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, TLDM, Presiden Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia;
- (iv) Jeneral Tan Sri Dato' Sri Rodzali Bin Daud, Presiden Persatuan Veteran Tentera Udara Diraja; dan
- (v) Mejar Anuar bin Abdul Hamid, Veteran ATM.

■1020

Kementerian Pertahanan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM juga sedang membuat kajian jurang pencen pesara ATM sebelum tahun 2004 dan selepas tahun 2004. Hasil kajian akan dibawa ke agensi Pusat untuk pertimbangan selanjutnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Husam bin Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan ini. Saya ingin rakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga anggota Kabinet atas inisiatif-inisiatif ini. Saya berharap Kertas Putih ketenteraan yang dicadangkan itu akan meliputi perbelanjaan-perbelanjaan besar yang tidak perlu ke atas perbelanjaan ketenteraan.

Dengan penubuhan Majlis Veteran Angkatan Tentera Malaysia tadi, saya berharap kebajikan bekas tentera dapat juga diambil berat oleh Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu. Saya kira tentulah majlis ini akan menentukan semula seperti yang disebutkan oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai dengan kadar pencen. Sebahagian bekas anggota tentera yang tidak sama terdahulu dan kemudian, ini adalah antara rungutan bekas anggota tentera.

Saya juga berharap elaun anggota Tentera Laut Diraja Malaysia apabila mereka singgah berlabuh di luar negara, sekarang ini hanya sebanyak RM20 sehari dengan maksimum selama empat hari sahaja. Sedangkan tentera laut negara-negara seperti India, Bangladesh, Indonesia dan Filipina, mereka diberikan elaun sebanyak RM40 sehari dengan maksimum selama 10 hari. Saya berharap ini dapat dimasukkan dalam cadangan yang akan ditingkatkan oleh kerajaan. Oleh sebab rakan saya Yang Berhormat Senator Laksamana akan ada dalam majlis ini, saya berharap isu-isu lain saya akan panjangkan melalui beliau untuk kebajikan veteran tentera dan tentera yang sedang bertugas. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa. Isu tentang elaun pelayaran untuk tentera laut saya bersetuju dan saya akan bawa balik untuk buat kajian. Sememangnya elaun kita kurang daripada tentera laut yang lain. Ini memang adalah salah satu isu yang telah lama dan walaupun kewangan kerajaan terhad tetapi saya rasa isu ini kementerian akan buat kajian dan berharap kita boleh buat perubahan dan tambahan. Mungkin tidak sampai apa yang dihasratkan tetapi saya harap boleh tambah sedikit.

Mengenai jurang pencen ini, saya sudah banyak kali jawab dalam Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat. Jurang pencen ini bukan sahaja jurang pencen di antara tentera tetapi juga melibatkan Ahli Parlimen sebelum tahun 2004 dan selepas tahun 2004. Ia melibatkan pegawai-pegawai kerajaan sebelum dan selepas tahun 2004.

Akhirnya, agensi Pusat mesti membuat keputusan bagaimana hendak mengendalikan isu ini yang bukan sahaja melibatkan tentera tetapi untuk menangani isu ini, Jabatan Hal Ehwal Veteran ini telah diarahkan untuk membentangkan kertas kerja. Untuk Kertas Putih, salah satu isu jangka panjang ialah bagaimana kita *pack* peruntukan untuk pertahanan dengan peratusan GDP. Itu kalau kita boleh capai sampai tahap itu di mana kita *pack* dengan GDP, itu akan jadi satu pencapaian yang besar. Terima kasih.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas penjelasan. Cuma saya mohon penjelasan lanjut. Sebagai anak bekas tentera, saya rasa antara bebanan anggota-anggota tentera, baik bekas ataupun pesara ialah terpaksa mencari nafkah yang sesuai untuk

pendidikan anak-anak. Saya rasa di dalam kawasan memang ramai dan banyak kadang-kadang mereka buat kerja di masjid dan buat kerja macam-macam.

Ini saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, setakat hari ini, ada atau tidak cadangan untuk memastikan kebajikan anak-anak anggota tentera atau bekas anggota tentera? Ini sebab bagi saya untuk mereka yang bekerja di Kementerian Luar, anak-anak mereka mendapat pembiayaan di sekolah antarabangsa dan sebagainya. Malah, itu pun perlu difikirkan kerana kebanyakan mereka tidak kembali berkhidmat kepada Malaysia.

Akan tetapi anak-anak tentera ini yang berjuang bukan di luar negeri tetapi di dalam hutan dan sebagainya, saya rasa perlu diberi perhatian khusus kepada pendidikan anak-anak tentera ini. Mohon penjelasan sedikit.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Yusmadi. Memang di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran, ada bantuan persekolahan, bantuan kolej vokasional kebangsaan, bantuan kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam atau politeknik dan juga bantuan-bantuan lain yang telah diperuntukkan buat masa sekarang. Akan tetapi cadangan-cadangan untuk menambah baik dan cadangan-cadangan untuk memberikan lebih banyak peluang kepada anak veteran, saya rasa kementerian senantiasa bersedia untuk mendengar. Terima kasih.

Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan. Baru-baru ini Menteri Pertahanan Singapura, Dr. Ng Eng Hen telah mengeluarkan satu kenyataan dengan berkata bahawa dia memberi peringatan tegas ataupun *stern reminder* sebagai respons kepada pertikaian sempadan maritim di antara Malaysia-Singapura. Beliau mengatakan bahawa kapal-kapal Malaysia telah menceroboh kawasan perairan Singapura.

Akan tetapi apa yang mengejutkan kita, *statement* berikutnya ialah dia berkata, *Singapore Air Force stands ready*. Membawa erti pasukan bersenjata angkatan tentera ataupun *air force* ia sedang bersiap sedia untuk mengambil sebarang tindakan. Ini merupakan bagi saya satu ugutan halus. Jadi, soalan saya ialah, apakah respons kita ataupun kenyataan daripada Yang Berhormat Menteri Pertahanan Malaysia mengenai ugutan halus ini? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun soalan ini tidak berkaitan dengan soalan asal tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk menjawab dan saya telah menjawab dalam sidang akhbar minggu lalu. Bahawa Malaysia, terutamanya Kementerian Pertahanan tidak ingin masuk dalam *war of words* ataupun konfrontasi secara

mulut dengan Singapura. Singapura memang ada pertimbangannya, ia mungkin ada pilihan raya tahun hadapan, ia ada pertimbangan tersendiri.

Akan tetapi bagi pihak Kerajaan Malaysia, kita tidak ingin ada *war of words*, peperangan secara mulut dengan negara Singapura. Kita tidak masuk perangkap tersebut. Memang tentera kita senantiasa bersiap siaga tetapi isu ini telah ditangani oleh Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri juga akan bertemu dengan Singapura pada bulan Januari. Ini pendirian kita, memang kita bersiap siaga tetapi kita tidak ingin menjawab provokasi Singapura. Terima kasih.

3. Dato' Isa bin Ab. Hamid minta Menteri Pendidikan menyatakan, Pelan Hala Tuju Pendidikan TVET bagi menjayakan Revolusi Perindustrian 4.0 dalam merealisasikan Wawasan 2020.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperkenalkan pelbagai inisiatif dalam usaha memastikan sistem pendidikan sentiasa maju ke hadapan dan selari dengan kepantasan perkembangan dunia teknologi masa kini.

■1030

Inisiatif-inisiatif ini juga dilaksanakan bagi memastikan institusi pendidikan tinggi (IPT) dan graduan yang dilahirkan kekal relevan dan memenuhi keperluan negara dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) seiring Wawasan 2020. Melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan mulai tahun 2012, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) telah mula mendedahkan murid kepada elemen asas IR 4.0 terutamanya dalam aspek asas pengaturcaraan mudah meliputi algoritma, *pseudocode* dan carta alir dengan penggunaan perisian seperti *Scratch*, *Arduino*, *micro:bit* dan sebagainya. Murid juga didedahkan kepada elemen robotik dalam pembelajaran mereka.

Di peringkat menengah rendah, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 turut memberi pendedahan kepada murid mengenai pengaturcaraan yang lebih kompleks melalui mata pelajaran RBT. Murid perlu menghasilkan projek elektronik menggunakan pengaturcaraan serta diperkenalkan dengan sistem kawalan. Murid juga diberikan peluang mempelajari mata pelajaran Asas Sains Komputer yang memberi lebih penekanan kepada kemahiran pemikiran *communicational* melalui pengekoran atau pengaturcaraan.

Pada peringkat menengah atas, murid boleh memilih salah satu mata pelajaran elektif yang menjurus kepada bidang teknikal dan vokasional berdasarkan kepada minat dan kecenderungan murid tersebut. Antara mata pelajaran yang ditawarkan adalah seperti Sains Komputer, Reka Cipta, Automotif, Pengajian Kejuruteraan Elektrik, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Pengajian Kejuruteraan Awam. KPM juga terus memperkasakan institusi TVET dalam melatih dan menyediakan tenaga kerja mahir bagi keperluan negara dalam jangka masa yang panjang.

Dengan komitmen enam kementerian yang melaksanakan program TVET, KPN yakin keperluan tenaga kerja yang bakal dilahirkan pada 30 tahun akan datang dapat dipenuhi. Bagi menghadapi IR 4.0, langkah strategik yang perlu diambil adalah meningkatkan latihan *upskilling* dan *reskilling* kepada graduan agar mereka bersedia menghadapi gelombang teknologi ini.

Berkaitan dengan trend perniagaan atas talian- *business online*, KPM berpandangan trend tersebut telah menjadi suatu kemestian dalam dunia perniagaan pada masa sekarang. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melancarkan kerangka kerja dasar nasional mengenai Industri 4.0, *industry forward*, dengan izin, pada 31 Oktober 2018. Di bawah dasar industri *forward* ini, KPM bersama Kementerian Sumber Manusia akan menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modal Insan- *Talent and Human Capital Development*, dengan izin.

Jawatankuasa ini berperanan untuk mengenal pasti keperluan pasaran buruh dan kemahiran yang diperlukan serta menyelaras dan melaksanakan usaha-usaha dalam memperkukuhkan potensi sumber manusia bagi menghadapi IR 4.0 melalui dua strategi utama iaitu pertama, meningkatkan keupayaan tenaga kerja sedia ada melalui perkembangan kebangsaan yang direka khusus bagi sektor pembuatan dan membantu dalam penambahan kemahiran *reskilling* dan peningkatan kemahiran *upskilling*.

Kedua, memastikan ketersediaan bakat masa hadapan dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran terkini untuk bekerja dalam suasana Industri 4.0. Sekian jawapan saya, terima kasih.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya anggap menarik dan lengkap. Cuma soalan tambahan saya, apabila kita melihat bahawa asas-asas TVET telah didedahkan di peringkat sekolah rendah lagi dalam KSSR, soalan saya, adakah kerajaan tidak bercadang untuk mendedahkan TVET untuk kemasukan daripada Tingkatan 1? Ini sebab kalau kita

melihat di Indonesia, telah bermula lebih awal daripada itu. Kita lihat Sekolah Seni Malaysia pun dalam memperkembangkan bakat seni lakon, tari, muzik dan seni visual juga bermula pengambilan tingkatan satu. Soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memulakan lebih awal bagi perkara ini?

Kedua ialah berkaitan dengan pengambilan pelajar TVET Tingkatan 3. Kalau kita melihat statistik daripada 2015 hingga 2018, secara puratanya tidak lebih tujuh peratus pengambilan pelajar Tingkatan 3 yang memasuki TVET ke Tingkatan 4. Secara puratanya pada 2018 ialah 19,206, lebih kurang 5.10 peratus dan agak tinggi pada 2017 iaitu 27,000 lebih pelajar iaitu 7.9 peratus. Kadar bawah tujuh peratus ini agak rendah kalau berdasarkan kepada hala tuju kita untuk mendasari negara perindustrian 4.0 sebab kita melihat tenaga kerja yang lebih ramai, lebih luas perlu ditingkatkan. Adakah pihak kerajaan akan menambah bilangan ini menjadi lebih 10 peratus? Sekian, terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Isa atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya mata pelajaran ataupun konsep TVET adalah diajar, dilaksanakan di sekolah menengah sejak tingkatan satu iaitu melalui mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi.

Melalui mata pelajaran ini, kita percaya bahawa kita telah mendedahkan murid-murid kita, pelajar-pelajar kita mengenai pengaturcaraan yang lebih kompleks. Apa yang mereka belajar daripada sekolah rendah dan akan disambung di sekolah menengah sejak Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Pada Tingkatan 4, dan 5, mereka ada mata pelajaran elektif yang membolehkan mereka membuat pilihan supaya mereka lebih boleh membuat pilihan mengikut minat dan juga kecenderungan mereka.

Kita memang berhasrat untuk menambahkan lagi pelajar-pelajar yang menceburi TVET kerana kita rasa kita perlu sumber manusia yang berkemahiran untuk memenuhi keperluan pada masa yang akan datang. Oleh sebab itu pelbagai inisiatif telah diambil. Seperti di peringkat pendidikan tinggi, kita telah banyak bekerjasama dengan pihak swasta, kita ada *private partnership* supaya kita boleh membawa industri ini masuk ke dalam kampus untuk menawarkan kursus-kursus supaya akhirnya pelajar-pelajar tersebut boleh mendapat sijil.

Selain daripada itu, kita juga ada konsep 2u2i di mana kita menggalakkan bahawa universiti apabila menawarkan kursus mereka, dua tahun di dalam kampus, di dalam universiti tetapi dua tahun kita membuat *internship* dengan industri. Jadi ini adalah antara pelbagai usaha kita untuk memperbanyakkan lagi pelajar-pelajar yang menceburi bidang TVET. Kita harap bahawa dengan semua usaha ini, kita boleh melahirkan sumber manusia yang

berkemahiran, yang memenuhi keperluan pada masa yang akan datang. Setakat itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan TVET ini yang diperkenalkan pada tahun 1982 walaupun mempunyai pelbagai cabaran iaitu pelbagai kebuntuan disebabkan oleh tadbir urus yang tidak selaras pada masa itu dan *accreditation* atau pengiktirafan daripada MQA serta JPK. Ada juga wujud masalah dengan JPK di mana mereka meminjam wang daripada JPK dan sebagainya dan juga kurang- ini yang penting, kurang mendapat pengiktirafan daripada ahli teknologi dan juga tidak dianggap sebagai profesional, dikategorikan sebagai bukan profesional.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan khasnya pendidikan, bercadang untuk mendapatkan bantuan kepakaran dari negara maju seperti di negara Jepun, Korea dan sebagainya untuk memantapkan lagi pendidikan TVET di negara Malaysia? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Ananthan atas soalan tambahan tersebut.

■1040

Kita memang menyedari bahawa banyak kursus yang ditawarkan di kolej vokasional setakat ini tidak dapat akreditasi penuh daripada MQA. KPM di bawah Pakatan Harapan memang tengah berusaha untuk dapatkan akreditasi penuh supaya graduan-graduan kita sekarang setakat ini tidak ada masalah untuk mencari dapat pekerjaan di pihak swasta. Akan tetapi apabila mereka berhasrat untuk bekerja di kerajaan, memang mempunyai masalah sedikit kerana kursus yang ditawarkan di kolej vokasional kita banyak lagi yang tidak dapat akreditasi penuh.

Akan tetapi kita memang dalam usaha untuk mengatasi masalah ini dan harap bahawa pada tahun depan isu ini dapatlah diatasi. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator untuk kita mendapat bantuan kepakaran daripada negara-negara maju seperti Jepun dan juga negara-negara lain. Kita memang terbuka Tuan Yang di-Pertua, untuk meminta bantuan kepakaran daripada apa-apa negara maju. Apabila Perdana Menteri dan juga Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee pergi ke Jepun, kita juga memang ada kerjasama dan ada bincang tentang perkembangan TVET, bagaimana membantu pembangunan TVET Malaysia.

Jadi, memang kita selalulah terbuka untuk dapat bantuan dengan negara maju, tidak terhad kepada Jepun. Akan tetapi seperti negara Jerman juga salah satu negara yang amat canggih dalam TVET. Jadi, kita juga berhasrat untuk mempelajari daripada mereka. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih atas cadangan tersebut. Kita sentiasa boleh bekerjasama, bukan

sahaja dengan kepakaran dalam negeri tetapi juga di luar negara yang sudi bantu kita, kita memang terbuka. Sekian jawapan saya, terima kasih.

4. Dr. Zaiedi Haji Suhaili minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apakah persiapan terakhir kerajaan untuk menjayakan program Tahun Melawat Malaysia 2020.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili.

Tuan Yang di-Pertua, penganjuran Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020) adalah masih di peringkat penelitian bagi memastikan ia selaras dengan visi dan misi kementerian untuk memajukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan bertaraf dunia. Sektor pelancongan dan kebudayaan akan dipacu sebagai pemangkin pertumbuhan sosioekonomi yang mampan melalui pemerksaan, pemuliharaan dan pemeliharaan seni, budaya dan warisan negara.

Sehubungan itu, perancangan bagi merencanakan hala tuju VM2020 ini perlu diperhalusi dan diberikan penelitian yang khusus bagi mengoptimumkan pulangan kepada negara. Untuk itu, kementerian akan meneliti strategi yang memberi impak tinggi dan memfokuskan kepada pasaran-pasaran yang berpotensi tinggi. Perbincangan yang lebih lanjut di peringkat kementerian dan agensi-agensi kerajaan adalah perlu bagi mendapat maklum balas-maklum balas tersebut supaya hala tuju bagi VM2020 dapat dikenal pasti. Terma rujukan ataupun *terms of reference*, dengan izin, akan dijadikan sebagai panduan dalam memastikan perancangan yang dibuat tidak tersasar dan hala tuju yang digariskan.

Bagi mewujudkan daya saing yang lebih komparatif, produk-produk pelancongan yang ada perlu diberi penelitian yang khusus bagi menjana kedatangan pelancong ke Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, di samping itu semasa lawatan rasmi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia ke China pada 20 Ogos 2018, melalui kenyataan rasmi bersama telah mengumumkan tahun 2020 sebagai tahun kebudayaan dan pelancongan Malaysia-China.

Kerjasama dua hala ini bertujuan untuk memperkukuh, mendalami dan memperluas kerjasama di antara Malaysia dan China dalam bidang kebudayaan dan pelancongan. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sedang merangka beberapa inisiatif strategik serta program promosi dan pemasaran pelancongan khas yang bersepadu bagi menarik kedatangan lebih ramai pelancong daripada negara China untuk melancong ke Malaysia bagi

mencapai sasaran 3.48 juta pelancong China pada tahun 2020 dan seterusnya menyemarakkan lagi Kempen VM2020.

Saya yakin bahawa penganjuran Kempen VM2020 akan memberi manfaat besar kepada pelbagai lapisan masyarakat serta pertambahan pendapatan tukaran asing kepada negara. Kempen ini juga berupaya untuk mewujudkan kesan limpahan kepada sektor-sektor ekonomi lain yang berkaitan, termasuk meningkatkan pendapatan rakyat, terutamanya di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi. Di mana penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui sejauh mana persiapan kementerian dan juga persiapan negara kita untuk kita menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2020. Secara *countdown*, kita hanya ada 379 hari lagi untuk kita melangkah ke tahun 2020. Jadi, beberapa persoalan harus kita perjelaskan di sini. Di mana sasaran utama kita untuk menarik pelancong ke negara kita, walaupun tadi sudah disebut bahawa kita akan fokus kepada negara China mungkin juga di Jepun, Taiwan dan Korea.

Akan tetapi apakah *approach* kita untuk menarik pelancong dari India, dari Timur Tengah, dari Eropah, Australia dan New Zealand? Seterusnya ialah apakah kekuatan *national airlines* kita untuk kita memperkuatkan *air connectivity* kita kepada destinasi-destinasi pelancongan supaya dapat membawa pelancong-pelancong ini ke negara kita ataupun kita membuat lebih banyak penerbangan yang kita sebut sebagai *chartered flights* ke negara kita. Oleh kerana kita mungkin *national airlines* kita, *national carrier* kita mungkin tidak berkemampuan untuk membawa pelancong-pelancong sebanyak itu.

Seterusnya, apakah kita bergantung kepada apa yang disebut sebagai *culture, adventure and nature* (CAN) sebagai merupakan produk pelancongan yang untuk kita menjadi *niche* kepada produk pelancongan di negara kita menjelang tahun 2020? Sudah tentu rakyat menunggu apakah limpahan ekonomi yang boleh menguntungkan rakyat ataupun sektor-sektor di luar bandar mahupun di dalam bandar hasil daripada Tahun Melawat Malaysia 2020 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, satu soalan yang baik dan komprehensif. Sememangnya sektor pelancongan negara merupakan satu sektor yang menyumbang kepada ekonomi negara.

Sebanyak 14.9 *percent* disumbangkan kepada GDP, dengan izin, daripada sektor pelancongan dan juga mengajikan ataupun mengambil pekerja seramai 3.4 juta rakyat Malaysia bekerja dalam sektor pelancongan iaitu lebih kurang 20 *percent* daripada industri pekerja-pekerja di Malaysia.

Ini menunjukkan bahawa sektor pelancongan adalah merupakan satu sektor yang penting dan sektor yang menyumbang kepada ekonomi negara. Jadi dengan itu, kita hendaklah memastikan bahawa sektor ini terus subur. Soalan tadi tentang bagaimana program yang kita telah rancang dan infra itu. Kita sebenarnya VM2020 daripada segi perancangannya walaupun kita punyai lebih kurang setahun untuk kita merancang VM2020 tetapi daripada segi infranya, daripada segi program-programnya telah pun kita rancang. Setelah Kabinet telah meluluskan VM2020 ini, maka kita akan mengerakkan, kita akan *activate* semua program-program tadi dan infra-infra yang kita telah jalankan tadi.

Memang kita telah juga banyak berjumpa dengan beberapa *stakeholders*, pemain industri pelancongan. Kita berjumpa mereka di Kota Kinabalu, Labuan, Johor Baru, Langkawi sepanjang Mac-April tahun 2018. Kita juga mengadakan promosi kempen di pameran pelancongan antarabangsa seperti di Dubai, di Kazakhstan, di Australia, di India, China, Thailand, antara Januari sehingga Mei tahun 2018.

■1050

Jadi, kita telah pun mengerakkan beberapa kempen sebelum ini dan cuma kita menunggu arahan daripada Kabinet untuk kita lancarkan secara lebih mendalam TM ataupun VM 2020.

Antara pasaran yang kita sasarkan selain daripada ASEAN- ASEAN merupakan antara pelancong yang ramai datang ke Malaysia, *Singapore*, Brunei, Thailand, Indonesia adalah *top five* iaitu *visitors* ataupun *tourist arrival* di Malaysia. *Singapore* sahaja mempunyai 12.2 juta rakyatnya melawat Malaysia dan China juga merupakan antara pelancong yang ramai di negara ini.

China sahaja pada tahun ini pada bulan September telah pun mencapai kedatangan pelancong sebanyak sama macam jumlah pelancong China yang datang pada tahun 2017. Ini menunjukkan ada peningkatan kepada pelancong daripada China.

Begitu juga dengan pelancong daripada Korea. Korea pada tahun lepas kita mempunyai 484,528 tetapi pada tahun bulan September telah pun mencapai *number* yang sama pada tahun 2017. Ini menunjukkan ada peningkatan dalam pelancong-pelancong asing terutama daripada negara-negara yang saya sebut tadi.

Termasuklah daripada India. Sebenarnya, saya pun baru pulang daripada India ini, kelmarin dulu. Jadi India memang adalah sasaran kita kerana kalau ikut jumlah pelancong Malaysia ke India cuma 300 ribu tetapi jumlah pelancong India ke Malaysia sebanyak 600 ribu. Kita sasarkan ia mungkin mencapai 700 ribu pada tahun hadapan ataupun tahun 2020.

Antara pasaran yang pelancong India suka ialah seperti di Langkawi. Di mana kalau tidak silap saya salah satu hotel di Langkawi menganjurkan sebanyak 26 *events wedding* ataupun majlis resepsi perkahwinan. Di India memang *wedding is a big thing*, dengan izin, *something* yang memang kalau kita lihat perkahwinan antara Priyanka dengan Nick Jonas baru-baru ini bagaimana *lavish wedding* tersebut.

Diberitakan juga pada minggu lepas di salah satu sebuah hotel di Langkawi ditempahnya seluruh hotel tersebut berjumlah RM2 juta dan dibawanya penari ataupun artis-artis daripada India termasuk juga chef ataupun tukang masak daripada India dan keseluruhannya satu *wedding* memakan belanja sebanyak RM10 juta.

So, ini adalah antara *target market* kita iaitu *wedding* dan tahun depan pada bulan Januari, *insya-Allah* saya akan ke New Delhi untuk menghadiri ekspo pelancongan yang dinamakan SATTE yang kita juga akan memfokuskan kepada *market* ataupun pasaran *event* khususnya *wedding*.

Kita juga bercakap ataupun sedang berbincang dengan beberapa platform digital. Saya tidak boleh namakan beberapa platform itu sebab masih dalam peringkat perbincangan tetapi kita akan *leverage*, kita akan gunakan digital teknologi dalam memasarkan secara holistik antara pasaran-pasaran yang lebih fokus antaranya pasaran *Europe*. Di mana kita tahu Eropah ini membawa satu pasaran yang lebih berkualiti ataupun *affluent tourist* dan mereka berminat kepada *cultural, adventure, nature* tadi CAN dan mereka juga antara mereka yang menyumbang daripada segi *tourism revenue*. Daripada segi *average spending* memang *Europe* lebih tinggi daripada negara lain.

Jadi, ini antara *target market* yang fokus termasuklah pasaran Timur Tengah dan sebagainya dan juga ditanya berkenaan dengan *connectivity*. Saya akui memang *Malaysia Airlines* mempunyai beberapa- membawa kesan kepada *connectivity* kita terutamanya pasaran *Europe*. Dahulunya *Malaysia Airlines* terbang ke Frankfurt, Amsterdam, Paris, Stockholm dan sebagainya. Cuma sekarang ini ia terbang di London sahaja.

Jadi kita- saya sempat berbincang dengan CEO *Malaysia Airlines* Kapten Izham, berbincang bagaimana kita boleh memperkasakan lagi ataupun meng-*activate*-kan lagi

beberapa *routes* terutamanya Paris-Kuala Lumpur. Jadi antara Paris ini merupakan hab di negara Eropah.

Kita juga mempunyai smart partnership dengan beberapa *airlines*- *Emirates Airlines*, *Etihad Airways*, *Singapore Airlines* dan *Turkish Airlines* dan juga seperti *Qatar Airways*. *Qatar Airways* sekarang ini sejak Februari 2018 terbang *direct* daripada Doha ke Penang, tiga kali seminggu dan diberitakan *load* dia lebih daripada 77 *percent*. Ini adalah satu yang membanggakan dan *Qatar Airways* akan terbang *direct* daripada Doha ke Langkawi pada tahun depan pada bulan tiga- dijangkakan.

Ini adalah satu *smart partnership* ataupun di antara kita dengan beberapa *airlines*. Di samping masih juga bekerjasama dengan *local airlines* seperti *Malaysia Airlines*, *AirAsia* dan *Malindo*.

Baru-baru pada November 2018, *Condor Airlines* terbang daripada Frankfurt ke Kuala Lumpur, tiga kali seminggu. So, *connectivity is key* memang betul apa yang Yang Berhormat Senator cakap tadi. Memang kita perlukan *connectivity*. Kalau tidak ada *connectivity* maka *loading capacity*, *sitting capacity* kita akan berkurangan.

Jadi penting bagi untuk kita mencapai sasaran 30 juta. Kalau dilaksanakan pada 2020, penting *connectivity* supaya dapat mengambil ataupun *tourist arrival* itu bertambah. Pada tahun lepas pelancong datang 25.9 juta. Pada tahun ini, *insya-Allah* kita dalam sasaran 26.1 juta dan pada tahun 2020 jika dilaksanakan VM2020 maka kita menyasarkan 30 juta dan sebanyak RM100 bilion dari segi pendapatan *tourism*. Sekian, terima kasih.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua. Ada peluang?

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Bagi jalanlah.

Datuk Razali bin Idris: [Bangun]

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Siapa dulu?... Saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk kepada jawapan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan pelancongan dan Tahun Melawat Malaysia 2020. Memang kita faham bahawa kategori pelancong yang akan masuk berbagai-bagai lapisan. Ada yang bawa duit yang lebih untuk tempat-tempat yang menarik.

Jadi soalan saya- saya terus kepada soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri berlaku peningkatan yang agak ketara dalam kemasukan pelancong asing

dalam sektor inap desa pada tahun 2018 iaitu seramai 48,750 orang meningkat sebanyak 24.9 peratus berbanding tempoh sama tahun 2017.

Jadi apakah perkembangan terkini program Program Pengalaman *Homestay* Malaysia? Dan sejauh manakah program ini di rencana terutama dari segi infrastruktur dan juga *facilities* serta seminar-seminar kepada pelancong-pelancong atau dari pengusaha-pengusaha untuk mereka dapat meningkatkan kualiti mereka dalam menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih, kepada Yang Berhormat Senator Datuk Mustapa. Memang betul, inap desa atau kita kenali *homestay* merupakan antara fokus utama kementerian.

Kalau tidak silap saya *correct me if I am wrong*, lebih kurang 4,000 pengusaha yang menawarkan lebih kurang 6,000 bilik-bilik yang kita ataupun senaraikan dalam kita punya inventori.

Inap desa ini memberi satu *experience* sebab sekarang ini pelancong dia datang untuk *experience*, dia tidak datang untuk *just shopping* atau pergi melawat tempat-tempat yang menarik sahaja tetapi dia hendak *experience the Malaysian culture*. *I think* untuk mengalami ataupun *experience Malaysian culture* selalunya kita ada inap desa ataupun *homestay* untuk mereka dapat lebih dekat lagi mengenali kehidupan dan kebudayaan masyarakat Malaysia.

Homestay ini seluruh Malaysia, tidak ada konsentrasi di mana-mana negeri. Kita mempunyai program khas dari segi *capacity building* untuk pengusaha-pengusaha inap desa ini. Kita beri pendedahan bagaimana untuk berkomunikasi dengan pelancong asing.

■1920

Kita beri pendedahan dari segi, bagaimana *housekeeping*? Bagaimana katil ia hendak berapa inci? Tilam itu dari segi *mattress*. Kita juga beri syarat supaya bilik yang mereka sediakan mempunyai satu *connecting bathroom*.

Jadi, tahun depan kita juga *allocated* RM500,000 dalam Bajet 2019 untuk memperkasakan lagi program *homestay* di negara kita. Memang benar *homestay* ini memberi satu *experience* yang baharu tetapi kita cuma mampu menarik mereka yang terdiri dari pelancong dari Jepun dan Korea yang banyak minat untuk duduk di *homestay*. Pelancong lain kurang. *Of course*, pelancong tempatan pun banyak tetapi kita dapati cuma pelancong dari Korea dan Jepun amat meminati untuk menginap di *homestay*. Ini seperti yang saya sebut tadi tentang peningkatan jumlah pelancong dari Korea dan Jepun. Dari Korea tadi 484 to 488 ribu orang. Dari Jepun 390,777 orang pelancong tetapi kita sudah dapat peningkatan daripada

kedua-dua negara ini. Jadi, ini menunjukkan bahawa *community based tourism* yang memberi manfaat kepada masyarakat tempatan.

Kita juga terbuka sekarang untuk pengusaha-pengusaha *homestay*. Saya selalu berjumpa dengan MP atau Ahli-ahli Parlimen kawasan masing-masing. Saya kata, "Kalau *you* ada atau kalau Yang Berhormat ada kampung di mana minimum sepuluh rumah yang boleh dijadikan *homestay*, maka kita akan hantar pegawai kita untuk meneliti dan mengkaji *the viability homestay* tersebut". Jadi, jumlah yang saya sebut tadi, jumlah pengusaha memang kita ada 4,005 pengusaha *homestay* di negara ini dan menyediakan lebih kurang 6,000 bilik. Betullah apa yang saya sebutkan tadi tentang jumlah pengusaha inap desa. Saya rasa mencukupi itu, terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, ini *last*.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti Yang Berhormat Menteri berhubung dengan produk pelancongan.

Tadi Yang Berhormat menyebut di Langkawi, *wedding* yang begitu besar dibuat dan ini saya rasa kalau kita pergi Bali pun sama juga, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapati banyak *competition* daripada segi itu. Akan tetapi apa yang saya lihat *tourism product* di Malaysia ini semakin berkurangan.

Kalau dahulu mereka datang untuk melihat *the Twin-Towers, the tallest towers*. Sekarang ini sudah banyak negara lain yang mempunyai bangunan yang lebih tinggi daripada kita. Kalau di Penang itu, dahulu kita hendak tengok Tokong Ular ataupun *Snake Temples*. Sekarang tinggal satu ekor, saya ingat sekarang pun sudah tidak ada. Dahulu kita pergi tengok, berebut hendak pergi tengok ular itu sudah tidak ada. Jadi, *tourism product* ini amat saya rasa perlu diberi penekanan.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, di Kedah kita ada Lembah Bujang. Lembah Bujang ini mempunyai sejarah yang tersendiri, 1,900 tahun Yang Berhormat Menteri. Lebih kurang dengan Borobudur dan lain-lain *The Seven Wonders of The World*. Jadi saya hendak bertanya, kenapa produk-produk sedemikian tidak diangkat martabatnya? Oleh kerana inilah satu-satunya yang saya rasa dapat membawa *tourist* yang begitu banyak ke negara kita, khususnya dari India yang kita sebut tadi. Itu soalan saya yang pertama.

Kedua Yang Berhormat, saya melihat- baru-baru ini saya ke China. Kalau kita hendak menarik pelancong daripada China Yang Berhormat, adakah Kementerian Pelancongan dengan Kementerian Luar Negeri bersatu untuk menyelesaikan masalah rakan-rakan kita dari

negeri China yang hendak datang ke Malaysia? Mereka menyatakan kepada saya banyak lagi passport-pasport yang terkandas di *embassy* kita di sana. Ini kerana tidak dapat diselesaikan masalah visa dan masalah pengangkutan mereka ke sini. Ini memalukan kita Yang Berhormat kerana ramai hendak datang tetapi masalah duduk kepada kita.

Jadi, ini yang saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, apakah ada Kementerian Pelancongan dan Kementerian Luar Negeri berbincang berhubung dengan masalah ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator, tentang soalan yang baik saya rasa dan memang tepat kerana saya pun baharu pulang dari India. Antara sebab saya ke India adalah untuk meneliti dan mengkaji beberapa projek yang dijalankan oleh *The Aga Khan Trust for Culture* daripada segi *conservation and preservation efforts, rejuvenations of historical sites*, dengan izin. Memang saya akui *tourism product* kita mempunyai masalah daripada segi *fatigue*. Maksudnya, apa yang Yang Berhormat sebut tadi tentang benda sama yang dipamerkan ataupun di-*showcase* kepada pelancong. Oleh itu, kita sedang meneliti produk-produk baharu dan di antaranya ialah Lembah Bujang.

Lembah Bujang seperti Yang Berhormat Senator sebut tadi memiliki sejarah yang lebih daripada 2,500 tahun. Pada tahun 582 BC, *Before Christianity* ia telah ditemui *human civilization* dari segi *iron furnace* ataupun *iron smelting*. Negeri Kedah pun dapat mana itu daripada besi. Kalau bahawa India atau bahasa Tamil, ia bermaksud *Kadaram*. "*Kadaram*" itu bermaksud "Kedah" ataupun bermaksud besi. So, Kedah *itself*, nama Kedah itu pun menunjukkan ada besi.

Pihak arkeologi USM menemukan banyak *furnace* ataupun bahan *smelting iron* ini sampai ke Sik, Kedah pun ada juga jumpa *furnace* ini. Kita masih lagi mengorek, kita ada 97 *trenches* dan kita baru korek *half of the trenches*. Jadi, untuk kita *develop*, bukan sahaja daripada segi kita hendak buat muzium atau galeri sahaja tetapi kita juga mencadangkan untuk *conservations*, pemuliharaan tempat-tempat bersejarah yang kita sebut tadi.

Diberitakan juga, pihak arkeologi USM mengatakan ada lima *sunken ships*, dengan izin, *sorry* saya- lima *sunken ships* yang berada dalam Sungai Batu yang kita kata memang menjadi salah satu pusat *trading point* pada masa tersebut. Memang Kedah Tua merupakan salah satu pusat yang memang ternama pada zaman tersebut, yang disebut 2,500 tahun dahulu iaitu 582 BC. Jadi, memang kita sedang berusaha dan kita juga bekerjasama dengan beberapa agensi seperti kerajaan negeri, beberapa pihak universiti. Saya sendiri juga melawat

Humayun Tomb. Di mana ia berusia 500 hingga 600 tahun di Delhi dan *The Qutb Shahi* di Hyderabad. Bagaimana India di Hyderabad, *Qutb Shahi* itu mempunyai 106 ekar tanah yang dipenuhi 80 monumen, termasuklah dari segi kuburnya, masjid dan Baolinya. Jadi, ini adalah salah satu kajian yang kita buat untuk kita pastikan bahawa kita *do it right for the first time*. Supaya kita tidak mahu dengan mengejar untuk mendapatkan *tourism*, kita membuat benda-benda yang tidak betul. Jadi, kita hendak *make sure*, pastikan bahawa memang ini adalah salah satu usaha kita untuk meningkatkan lagi *cultural tourism*.

Selain daripada Lembah Bujang, kita juga mempunyai satu *site* UNESCO di Lenggong. Lenggong juga mempunyai sejarah yang tersendiri. *Perak Man* ataupun satu *complete skeleton* yang kita jumpa, berusia prasejarah lebih kurang 10,000 hingga 12,000 tahun. Pada semalam, kita juga umumkan bahawa kita jumpa satu rangka manusia prasejarah juga berumur antara 6,000 hingga 10,000 tahun di Gua Chawan di negeri Kelantan. Jadi, menunjukkan bahawa ini adalah salah satu usaha kita untuk mengetengahkan lagi produk-produk *cultural tourism*.

Sebenarnya Yang Berhormat bertanya berkenaan visa. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang *backlog visa*, terutamanya dari negara China. Saya tidak dapat menjawab persoalan ini kerana ia *jurisdiction* di bawah Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, memang kita ada beberapa perjumpaan dengan Kementerian Dalam Negeri untuk- bukan setakat China, India juga seperti di Singapura. Mereka beri visa untuk *one year* ataupun dua tahun untuk pelancong daripada India. Di Thailand, *visa on arrival*, setahun. Banyak negara di keliling kita telah pun berusaha untuk memberi *visa on arrival*. Jadi, kita masih lagi di peringkat perbincangan. *Insyallah*, kalau *everything goes smoothly*, mungkin kita juga boleh menawarkan *visa on arrival* kepada negeri-negeri yang saya sebut tadi. Itu jawapan saya. Terima kasih.

■1110

5. **Datuk John Ambrose** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, apakah langkah-langkah proaktif yang telah dan akan diambil bagi menyelesaikan isu penamatan BERNAS sebagai pengimport beras tunggal Malaysia. Adakah formula yang digunakan untuk mewujudkan pengimport-pengimport beras yang baru bagi memenuhi keperluan negara?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, sebuah jawatankuasa khas peringkat Menteri bagi kajian semula dasar monopoli telah

ditubuhkan dan diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi mengkaji secara menyeluruh isu monopoli termasuk BERNAS sebagai pengimport tunggal beras.

Kita tahu bahawa dasar Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk menghapuskan semua jenis monopoli kerana kita tahu bahawa monopoli itu tidak baik untuk sesebuah industri dan juga tidak baik untuk negara. Itu sebab pemansuhan monopoli BERNAS itu bukan- *is nothing personal, okay*. Itu adalah satu dasar kerajaan. Pada masa kini, kerajaan sedang mengkaji pelbagai aspek berhubung dengan cadangan penamatan monopoli BERNAS bagi memastikan pelaksanaannya tidak akan menjejaskan pelbagai pihak yang berkepentingan dalam industri seperti petani, pengilang, pemborong, peruncit dan kerajaan dan juga rakyat keseluruhannya. Antara rangka yang proaktif yang telah dilaksanakan oleh kementerian termasuklah:

- (i) mengadakan sesi libat terus *stakeholders' consultation* bersama pemegang taruh industri daripada peringkat petani, pengilang, pemborong, swasta, NGO dan jabatan agensi kerajaan;
- (ii) mendapatkan pandangan serta maklum balas daripada Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN);
- (iii) membangunkan beberapa modal pengurusan baharu padi dan beras negara termasuk cadangan oleh pihak swasta Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dan kementerian; dan
- (iv) melaksanakan sesi rundingan awal bersama BERNAS bagi memperincikan cadangan membuka import beras kepada badan lain.

Cadangan pemansuhan monopoli import oleh BERNAS apabila dilaksanakan kelak akan memberi ruang dan peluang kepada syarikat lain sebagai pengimport berdasarkan kepada syarat-syarat yang akan ditetapkan selaras dengan keperluan mengurus pembangunan beras negara. Ini termasuklah memastikan pengimport baharu yang dilantik berkemampuan dari segi kewangan dan berpengalaman luas dalam industri padi dan beras. Sekian, terima kasih.

Datuk John Ambrose: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada dua soalan tambahan iaitu Sabah pernah mempunyai Lembaga Padi Sabah. Bolehkah Lembaga Padi Sabah diaktifkan semula bagi tujuan mengimport beras di Sabah?

Kedua, sekiranya BERNAS diganti dengan organisasi lain, apakah peranan kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam identiti organisasi tersebut- adakah hak-hak tadbir urus dikongsi bersama? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Untuk menjawab soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, *we are open to any suggestion*, termasuk daripada menghidupkan semula Lembaga Padi dan Beras Sabah. Ini adalah- kita mengalu-alukan sebarang cadangan dan juga pelbagai *business model* yang akan memastikan bahawa industri padi beras ini lebih berdinamik dan juga kompetitif. Untuk memastikan bahawa industri padi beras ini stabil dan kompetitif, kita bersedia dengan semua *partnership*. Itu adalah termasuk dalam soalan yang kedua. Sebarang jenis *partnership* yang baharu, daripada syarikat swasta atau daripada GLC, kita mengalu-alukan sebarang *partnership* dan juga *business model* yang berlainan dan kita bersedia untuk berbincang dengan semua pihak.

Kita ada masa lagi. Ada lebih kurang dua tahun. Jadi, perkara ini tidak harus digesakan kerana kita mahu semua pihak berbincang, mendapat *consensus*, mencari satu model yang berpanjangan. *It's a long term solution to a very complex industry*. Kita tahu bahawa padi beras ini semua rakyat Malaysia makan nasi.

Ini adalah satu industri yang cukup penting dan sangat strategik dan kita tidak ingin sebarang keputusan yang terburu-buru yang menjejaskan sebarang rantaian, mana-mana bahagian rantaian industri padi beras kerana dia memang kompleks dan kita perlukan ada satu penyelesaian yang berpanjangan. Itu sebab kerajaan dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sangat terbuka kepada sebarang cadangan dan kita masih menunggu, kita masih berbincang dan juga mencari penyelesaian yang *win-win* kepada semua pihak. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang ini saya hendak tanya, saya rasa soalan saya ini tidak lari daripada soalan asal kerana saya adalah daripada kawasan padi dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pun adalah daripada kawasan padi juga.

Jadi, saya tengok baru-baru ini dalam Bajet 2019, ada satu dikatakan subsidi terhadap baja padi telah dipotong 50 peratus. Soalan saya, apakah mekanisme yang dibuat bagi hendak merealisasikan perkara tersebut? Apakah kajian dibuat terlebih dahulu sebelum bajet itu dibentangkan? Sekian, terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Senator, semalam apabila saya menggulung Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, hal ini telah dibincangkan secara panjang lebar. Jadi, mungkin Yang Berhormat Senator tidak berada dalam Dewan. Jadi, saya ingin mengulas sedikit sebanyak tentang isu kerana untuk soalan yang telah dibangkitkan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, bajet untuk subsidi baja dan kepada pesawah dan kepada industri padi beras, ia mengalami turun dan naik. Ini bukan kerana kerajaan baharu atau Pakatan Harapan. Kalau kita tengok daripada dulu tahun 2000, setiap tahun, keperluan untuk subsidi baja adalah lebih kurang RM1.7 bilion. Apabila pada tahun 2018, bajet untuk subsidi baja itu memang RM1.7 bilion, keperluan RM1.7 bilion dan kerajaan memperuntukkan RM1.7 bilion. Akan tetapi, kalau kita tengok sejarahnya tahun 2017 dan tahun 2016, keperluan subsidi baja adalah RM1.7 bilion untuk tahun 2017 dan tahun 2016.

Akan tetapi, kerajaan terdahulu juga mengurangkan subsidi baja pada tahun-tahun tersebut. Mereka hanya memberi lebih kurang RM1.2 bilion sahaja atau RM1.1 bilion, kurang RM400 juta atau kurang RM500 juta. Jadi ini bermaksud bahawa...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Selamat pagi Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin: Jadi, untuk maklumat Yang Berhormat dan Senator, maka apabila kita memberi subsidi baja atau subsidi mana-mana- apa-apa jenis subsidi, kita kena tengok kepada keadaan kewangan negara. Kita kena mengambil satu, *a very big bird's-eye view* kepada keadaan kewangan negara dan kerana keadaan kewangan negara ini kurang sihat pada buat masa sekarang, maka kerajaan atau Kementerian Kewangan terpaksa mengurangkan sedikit subsidi.

■1120

Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan meneruskan perjuangan untuk membantu para pesawah dan juga para nelayan. *We will fight for a bigger budget.* Kita akan cuba mendapatkan bajet yang lebih besar. Perbincangan sedang berlaku antara Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama dengan Kementerian Kewangan untuk mendapatkan lebih subsidi dan bantuan kepada pesawah dan nelayan. *We will try our best to convince* Kementerian Kewangan untuk mendapatkan bantuan yang lebih untuk para pesawah dan nelayan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Donald Peter Mojuntin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan kepada kementerian. Pertamanya, berapa lama tempoh kajian untuk penamatan BERNAS sebagai pengimport beras tunggal negara kita? *What's the official deadline?*

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, duti import untuk beras di Asia di bawah AFTA adalah 20 peratus dan *the rest of the world*, dengan izin, adalah 40 peratus di bawah WTO. Akan tetapi kerajaan telah memberi BERNAS keistimewaan untuk mengimport beras secara bebas cukai. Jika BERNAS ditamatkan sebagai pengimport beras tunggal Malaysia, bagaimanakah kerajaan dapat memastikan kos beras kepada pengguna di negara ini tidak meningkat akibat duti import di bawah set AFTA dan di bawah WTO yang disebut tadi? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh konsesi BERNAS adalah sehingga 10 Januari 2021. Maka, kita mempunyai lebih kurang dua tahun untuk proses perbincangan dan menamatkan konsesi. Kita tidak tergesa-gesa dan kita tidak set *deadline* yang tetap untuk perbincangan dan sebagainya. *We want to take a very careful approach* untuk memastikan bahawa satu penyelesaian yang sebaik mungkin untuk penamatan monopoli BERNAS.

Untuk soalan yang kedua iaitu, bagaimana kita memastikan harga padi beras ini tidak naik harga. Kerajaan menaruh banyak subsidi untuk memastikan bahawa kos beras di pasaran pada kadar yang munasabah. Itu sebab kerajaan banyak memberi subsidi kepada pelbagai kerana kita tahu bahawa penanaman padi dan beras ini sangat susah dan pesawah mereka berkorban. Pesawah di Malaysia ini berkorban demi memastikan bahawa rakyat Malaysia mempunyai beras pada harga yang sangat munasabah.

Jadi kita, *we pay big tribute to our farmers*. Mereka memang berkorban di kawasan KADA, MADA dan juga IADA di seluruh negara, jelapang-jelapang padi, keadaan yang sangat-sangat susah. Kita akan terus membantu mereka dan kita juga harus memastikan bahawa harga beras pada kadar yang munasabah untuk rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Yusop.

Tuan Haji Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan saya dibacakan, saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan India, Indera Kayangan Perlis ke Dewan Negara. Diharap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

6. Tuan Ismail bin Yusop minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan, apakah perancangan dan jaminan untuk menjaga kebajikan dan memartabatkan peniaga tempatan di Pulau Pangkor apabila diiktiraf sebagai kawasan bebas cukai.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ismail. Terima kasih atas soalan.

Ini topik yang agak menarik kerana isu baru yang dibangkitkan dalam belanjawan yang lalu iaitu menjadikan Pulau Pangkor diiktiraf sebagai kawasan bebas cukai. Maklumat awal yang kita terima, kawasan ini akan di-*gazette*-kan sebagai kawasan bebas cukai pada bulan Mac 2019. Itu sesuatu yang sangat dinanti-nantikan. Saya mohon menjawab sebagai Timbalan Menteri dan Ahli Parlimen Lumut [*Ketawa*] Oleh sebab ia dalam kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada asasnya, antara perkara yang dikecualikan daripada bebas cukai ini adalah rokok, arak dan kereta, asasnya ya. Cukai-cukai yang akan ditiadakan termasuklah SST. Jadi, kita bersedia ke arah itu dan belanjawan telah menyatakan komitmen itu dengan bertujuan merealisasikan potensi pulau tersebut sebagai antara destinasi pelancongan utama di Malaysia. Antara inisiatif yang telah disediakan bagi memangkinkan ekonomi peniaga dan penduduk setempat adalah seperti berikut:

- (i) perkongsian 50 peratus hasil kutipan bagi cukai pelancongan dengan kerajaan negeri, yang membolehkan kerajaan negeri menerima tambahan hasil yang dianggarkan berjumlah RM50 juta setahun. Tambahan hasil ini akan dimanfaatkan penduduk dan peniaga setempat; dan
- (ii) menyediakan dana tabung pelancongan PKS dengan subsidi kadar faedah sebanyak dua peratus bagi membantu pengusaha kraf tangan dan *homestay* untuk meluaskan perniagaan mereka.

Kerja-kerja awal telah dibuat oleh pihak tempatan di Pulau Pangkor melalui majlis tempatan iaitu Majlis Perbandaran Manjung. Di samping itu, kementerian akan menganjurkan

satu program pengenalan bagi Pangkor dan daerah ini melalui Konvensyen Memperkasakan Usahawan Bumiputera dan Program Showcase Satu Daerah Satu Industri pada Februari depan di Lumut, Perak.

Ia bertujuan untuk menyediakan platform kepada usahawan tempatan bertukar atau berkongsi pandangan serta mengemukakan idea baharu dalam usaha kerajaan memperkasakan pembangunan usahawan yang lebih terancang, *inclusive*, berimpak tinggi dan berimej yang dijangka dianjurkan bagi mempromosi produk keluaran tempatan selain menarik kunjungan pelancong yang pastinya akan meningkatkan penduduk tempatan.

Satu program yang telah pun dipersetujui dianjurkan oleh pihak-pihak di negeri Perak ialah satu seminar antarabangsa mengenai Pulau Pangkor. Ini akan memperkenalkan pulau ini, yang satu ketika membina namanya dalam sejarah negara ini iaitu Perjanjian Pangkor yang dibuat di atas satu kapal dinamakan Pluto di perairan Pangkor. Ia akan membawa cerita sejarah yang positif kepada Pulau Pangkor untuk menjadi salah satu sumber bagi pelancongan kawasan Pangkor ini. Selain itu juga, kita di kementerian bersedia untuk membina jenama-jenama baharu bagi produk-produk, khususnya produk keluaran laut, hasil laut di kawasan Pangkor, termasuk membina peniaga-peniaga ulung. Kalau di Langkawi kita ada Haji Ismail Group dan sebagainya, kita juga akan bersedia untuk membangunkan beberapa peniaga-peniaga supaya dapat mereka ini diidentifikasi dengan Pulau Pangkor.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, kita akan menggalakkan pembangunan usahawan koperasi. Banyak koperasi di Pangkor, koperasi pemandu teksi, koperasi nelayannya, semuanya adalah koperasi-koperasi yang masih hidup dan berjaya. Kita akan memastikan bahawa koperasi akan menjadi platform yang terbaik untuk usahawan-usahawan Pangkor untuk membina perniagaan mereka.

Pangkor adalah sebuah pulau yang kecil Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh dibandingkan dengan Langkawi, pulau bebas cukai yang lain dan juga Labuan yang lebih besar. Kita hanya sekitar 20 kilometer persegi. Jadi, kita tidak dapat mempunyai potensi yang sebaik di Pulau Langkawi.

Namun, kita berusaha untuk memperbaiki program *eco-tourism* yang terkenal di Pangkor, program *island hopping*, *cruise* dan sebagainya dan memperkenalkan hasil laut yang banyak, termasuk ikan bilis mata biru, Tuan Yang di-Pertua. Bukan orang sahaja yang matanya biru, ikan bilis pun mata biru ya. Di samping itu menaiktarafkan pengangkutan supaya ianya menjadi satu kemudahan yang baik bagi penduduk di Pulau Pangkor dan pelawat-pelawat dan pengunjung.

■1130

Satu persoalan yang ditimbulkan juga ialah sama ada kita perlu mewujudkan satu badan khusus untuk pembangunan Pulau Pangkor seperti LADA di Terengganu. Oleh sebab perkara ini pernah dibangkitkan, ia akan dibincangkan dengan lebih teliti dengan pihak kerajaan sama ada perlu kita mempunyai suatu perbadanan pembangunan Pulau Pangkor misalnya. Hal itu jikalau ada lebih menarik. Namun begitu, kita sudah ada satu pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Manjung yang mengendalikan urusan pentadbiran dan pembangunan di Pulau Pangkor. Tuan Yang di-Pertua, itu jawapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri oleh kerana jawapan yang terperinci dan soalan-soalan tambahan pun saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah jawab.

UCAPAN TAKZIAH

Ucapan Takziah Kepada Keluarga Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya dengan perasaan yang amat dukacita dan sedih, mengucapkan takziah di atas pemergian seorang anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim pada jam 9.41 malam tadi, 17 Disember 2018.

Allahyarham Muhammad Adib bin Mohd Kassim telah mengorbankan dirinya demi berkhidmat untuk negara. Beliau adalah seorang wira sejati, wira negara. Pengorbanan insan yang mulia ini demi keamanan negara amat mengharukan. Semoga peristiwa yang berlaku ini menjadi pengajaran buat semua rakyat Malaysia.

Dewan ini turut merasa kesedihan dan bersimpati di atas pemergian Allahyarham dan berharap ahli keluarga dan seluruh warga Jabatan Bomba tabah dalam menghadapi pemergian Allahyarham. Oleh yang demikian, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bangun untuk berdoa dan bertafakur selama satu minit.

[Ahli-ahli Yang Berhormat bangun bertafakur]

[Ahli-ahli Yang Berhormat beragama Islam menyedekahkan al-Fatihah]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.33 pagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019, dan oleh sebab itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 19 Disember 2018”.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. **[17 Disember 2018]**

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Belia dan Sukan. Silakan Yang Amat Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

*Usah dipertikai semangat belia;
Mereka pelajar, pengajar, polis, tentera dan bomba;
Menerjah api merempuh bala;
Demi agama, bangsa dan nusa.*

Kementerian Belia dan Sukan mengalu-alukan dan berbesar hati terhadap persoalan, pertanyaan dan pandangan yang telah diberikan berkenaan dengan kementerian kami yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator sepanjang sesi perbahasan ke atas Belanjawan 2019 ini. Saya akan menjawab, ada tujuh orang Yang Berhormat Ahli Dewan Negara yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS). Justeru, saya akan menjawab kesemua soalan yang diajukan oleh tujuh orang tersebut.

Pertama, soalan ataupun isu yang diketengahkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, ini adalah tentang eSports. Memang tidak dinafikan bahawa fenomena eSports ini merupakan trend terkini di kalangan generasi anak muda bukan sahaja di Malaysia tetapi di seluruh dunia.

Hal ini disebabkan oleh perubahan gaya hidup digital serta perkembangan industri eSports melalui aplikasi atas talian. Setiap perkara semestinya ada positif dan negatifnya. Ia bergantung sepenuhnya kepada cara dan kaedah yang digunakan oleh individu untuk mengatasi kesan perkara tersebut. Justeru itu, memandangkan trend budaya digital tidak dapat dielakkan maka adalah penting untuk kerajaan melibatkan diri sebagai *regulator*, dengan izin, dalam industri eSports ini.

Di Malaysia, sektor eSports semakin mendapat perhatian memandangkan ia bukan sahaja satu aktiviti yang menarik minat anak muda tetapi juga memberikan pulangan ekonomi yang signifikan kepada penggiat-penggiat eSports. Justeru itu, dalam kerangka kerajaan, terdapat beberapa buah kementerian yang mempunyai tanggungjawab dalam sektor ini seperti berikut. Saya jawab ini bukan untuk menjangkau bidang tugas saya kepada kementerian lain tetapi sekadar untuk memberikan satu kesimpulan tentang kerangka peranan yang dimainkan oleh kerajaan dalam beberapa kementerian berkenaan aspek eSports .

Pertama sekali ialah Kementerian Komunikasi dan Multimedia di mana kementerian tersebut bertanggungjawab dalam pembangunan industri multimedia termasuklah eSports. Di bawah kementerian ini, agensi-agensi seperti SKMM berperanan mengawal selia dari segi aktiviti atas talian manakala *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) terlibat membangunkan industri eSports meliputi aktiviti seperti pembangunan usahawan, perniagaan, ekosistem dan produk.

Kedua, Kementerian Belia dan Sukan iaitu kementerian saya. Kami memainkan peranan dalam pembangunan dan pengurusan atlet eSports serta kawal selia badan-badan sukan berkaitan dengan eSports. Hal ini meliputi aspek pembangunan atlet, latihan dan pengurusan pertandingan. Unit eSports yang ditubuhkan di bawah Majlis Sukan Negara (MSN) mengambil peranan dalam pengurusan atlet eSports bagi temasya sukan antarabangsa contohnya Sukan SEA, Sukan Asia dan Sukan Olimpik jika diperkenalkan nanti di sukan-sukan tersebut. Pejabat Pesuruhjaya Sukan pula mengawal selia dan tadbir urus badan sukan yang berkaitan dengan eSports bagi memastikan kepentingan pembangunan sukan dan para penganutnya sentiasa terpelihara.

Ketiga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana tanggungjawab utama dalam sektor eSports ini ialah mengawal selia pusat aktiviti dan pusat perniagaan termasuklah yang berkaitan dengan eSports. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berperanan dalam mengawal selia sama ada dari segi mengawal bilangan atau menyediakan garis panduan kepada pihak swasta yang hendak mengoperasikan pusat-pusat ini. Premis-premis eSports ini hendaklah beroperasi mengikut garis panduan, syarat lesen, enakmen dan akta yang telah wujud dan di bawah kawal selia PBT serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Itu adalah tentang eSports.

Soalan kedua ataupun isu kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ialah berkaitan dengan pengaruh budaya negatif ke atas minda anak muda dan apakah peranan Kementerian Belia dan Sukan dalam aspek ini.

Pertama sekali, saya ingin dan perkara ini telah saya banyak kali sebut bukan sahaja dalam Dewan Negara yang mulia ini tetapi juga di Dewan Rakyat dan di luar Parlimen iaitu pentadbiran masa kini terutamanya di KBS. Kita melihat anak muda tidak bermula daripada premis di mana mereka adalah golongan yang lemah, golongan yang mudah terpengaruh dan golongan yang hanya perlu didikan dan bimbingan semata-mata. Kita ingin melihat kepada anak muda sebagai rakan strategik dalam membentuk hala tuju negara ini.

■1140

Justeru itu, dalam aspek kita tidak menafikan memang ada penularan gejala-gejala yang tidak sihat, bukan sahaja di kalangan anak muda tetapi secara amnya. Justeru itu, dalam aspek tersebut apa yang kita lakukan ialah kita ingin menerapkan unsur-unsur dan nilai-nilai yang dalam masyarakat kita dan, dengan izin, *values that are cherished in our community*. Contohnya, unsur-unsur yang termaktub dalam Rukun Negara.

Dalam program-program Kementerian Belia dan Sukan, termasuklah contohnya seperti Rakan Muda dan program baharu yang bakal diperkenalkan, *the Malaysian Future Leaders School* yang juga saya akan bincangkan dalam ucapan saya nanti bagi menjawab satu soalan tentang isu itu. Program-program ini bertujuan untuk menyemai dan menyematkan nilai-nilai, contohnya Rukun Negara tadi ke dalam jiwa sanubari anak muda kita supaya mereka menjadi generasi yang matang tetapi merdeka dan mereka boleh menilai dengan sendiri apa yang betul dan apa yang salah, membuat keputusan dengan matang dan kritikal.

Namun, di pihak kementerian juga- sebab yang dibangkitkan adalah tentang isu ilmu agama seperti membaca al-Quran dan mendampingi masjid dan surau. Di pihak kementerian juga kita melaksanakan satu program yang dinamakan Program Rakan Ramadan. Program ini khususnya dilaksanakan sepanjang bulan Ramadhan setiap tahun, bertujuan untuk mengajak dan menarik minat anak muda menghidupkan bulan Ramadhan dengan aktiviti dan program yang berfaedah seperti bertadarus al-Quran, aktiviti sosial dan kemasyarakatan serta mengeratkan ukhuwah sesama anak muda.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih pula ke isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta celahan sedikit berkenaan dengan soalan saya. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya risau sebenarnya generasi muda di kalangan orang Melayu banyak terjebak dalam bidang dadah dan sosial-sosial yang lain, itu maksud saya. Saya tumpukan kepada bangsa Melayu kerana bangsa Melayu yang paling ramai.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya ditumpukan kepada Rakan Masjid. Apabila Melayu, sudah pasti dia beragama Islam. Dalam kerangka yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri baru ini, Rakan Masjid tidak ada dalam *list*. Jadi, saya minta dia masukkanlah Rakan Masjid ini supaya diutamakan. Perkara yang agak penting yang perlu diutamakan supaya generasi belia di kalangan orang Melayu ini, *insya-Allah* pada pemerintahan Pakatan Harapan tidak lagi berada di kelompok yang pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya minta supaya Rakan Masjid ini diberi tumpuan, bukan setakat bulan Ramadhan tetapi diberi tumpuan kepada keseluruhan 12 bulan dalam kalendar kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini adalah khusus kerana peratus belia Melayu yang terbabit dalam gejala dadah.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Senator Datuk Razali. Saya sebenarnya menyebut tentang Rakan Ramadhan sebagai salah satu contoh program yang telah dilaksanakan dan akan dilaksanakan oleh KBS. Sudah tentu program tersebut termasuk jugalah Program Rakan Masjid yang telah dikemukakan tadi oleh Yang Berhormat Senator tadi.

Jadi, kita akan mengambil perhatian tentang isu ini. Sudah tentu saya setuju bahawa penerapan nilai-nilai baik, nilai-nilai murni tidak kiralah sama ada di kalangan belia Melayu ataupun belia pelbagai kaum di negara ini tidak patut dikhususkan kepada bulan-bulan tertentu ataupun tempoh-tempoh tertentu sahaja tetapi kepada satu budaya kehidupan yang menyeluruh. Dalam aspek ini juga seperti yang saya sebutkan tadi, kita bercadang ataupun menerapkan nilai-nilai masyarakat kita, *the values that our society cherished* dalam segala, semua aktiviti-aktiviti kementerian bagi membolehkan pengamalan nilai-nilai ini sebagai satu budaya dalam kehidupan. Terima kasih.

Penghijrahan belia ke bandar yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi tadi. Penghijrahan ataupun migrasi belia di luar bandar ke bandar bukanlah satu perkara yang baharu. Ia telah berlaku sejak dahulu lagi atas pelbagai faktor sama ada ekonomi ataupun sosial. Pergerakan penduduk merupakan salah satu faktor yang akan mempengaruhi perubahan struktur penduduk kesan daripada perubahan semasa ekonomi dan sosial di sesuatu kawasan tersebut dalam tempoh tertentu.

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Migrasi Malaysia 2015, pergerakan migran dari kawasan luar bandar ke bandar merupakan corak utama migrasi dalaman di Malaysia. Peratusan penghijrahan dari luar bandar ke bandar ini meningkat 9.5 peratus kepada 71 peratus bagi tempoh tahun 2014 sehingga tahun 2015 berbanding tempoh setahun sebelumnya. Sebahagian besar penduduk yang berhijrah adalah berumur di antara 25 tahun hingga 34 tahun dengan 34.4 peratus daripada keseluruhan migran dalaman dalam negeri. Ini diikuti oleh penduduk berumur di sekitar 15 tahun hingga 24 tahun iaitu sebanyak 24.9 peratus.

Kumpulan umur ini kalau kita lihat banyaknya sebab mereka kebanyakan terdiri daripada orang muda. Jadi, mereka didorong berhijrah berdasarkan beberapa faktor seperti mencari peluang pekerjaan dan kerjaya, melanjutkan pelajaran, mengikut keluarga dan faktor-faktor persekitaran. Penghijrahan golongan belia yang produktif ke kawasan bandar menyebabkan proses pembangunan luar bandar terbantut.

Pada masa yang sama, boleh meningkatkan masalah sosioekonomi di kawasan bandar jika pengurusan penghijrahan ini tidak diuruskan dengan baik. Menyedari hal ini,

kerajaan dari semasa ke semasa telah mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mewujudkan peluang ekonomi dan pendidikan di kawasan luar bandar serta menyediakan infrastruktur seperti mana yang dinikmati oleh penduduk di kawasan bandar agar menarik golongan anak muda, terutamanya untuk terus kekal menetap di kawasan luar bandar dan membangunkan rumah, kampung halaman mereka.

Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan, termasuklah melahirkan lebih banyak usahawan, khususnya dari kalangan belia luar bandar. Contohnya, pada tahun 2017 sehingga akhir tahun ini, Kementerian Belia dan Sukan telah menjalankan program yang dipanggil Outreach Usahawan Belia yang melibatkan 860 orang belia yang dilatih untuk menjadi usahawan. Para usahawan tersebut sekiranya berjaya akan bukan sahaja meningkatkan taraf status ekonomi diri mereka sendiri tetapi juga mampu untuk menjana ekonomi setempat melalui aktiviti keusahawanan yang dijalankan.

Keduanya, KBS meningkatkan program latihan kemahiran belia untuk belia di luar bandar. Latihan-latihan ini dikendalikan oleh Institusi Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang terdapat di seluruh negara. Di bawah KBS, kita ada 22 Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) yang secara aktifnya membangunkan kemahiran belia di luar bandar dalam bidang TVET ini. KBS melalui ILKBS ini juga turut menjalinkan kerjasama dengan industri setempat melalui Program *Boot Camp*, di mana para belia tempatan termasuklah anak muda di luar bandar ini boleh dilatih menggunakan teknologi dan juga kaedah-kaedah yang paling moden bagi memenuhi keperluan pihak industri di sesuatu kawasan tersebut.

Ketiganya, kita mempertingkatkan pembangunan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar. Ini adalah bagi merencanakan lagi pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman. Kemudahan infrastruktur yang lebih baik akan mewujudkan daya penarik dan mobiliti kepada para belia untuk terus tinggal di kampung halaman mereka dan membangunkan kehidupan mereka di situ. Contohnya, KBS telah membina banyak kemudahan latihan dan sukan di kawasan luar bandar agar para belia tidak perlu berhijrah ataupun tidak perlu bergerak jauh bagi mengakses kepada kemudahan-kemudahan latihan dan sukan yang terdapat di bandar-bandar besar.

■1150

Akhir sekali, KBS juga menyediakan ataupun mewujudkan peluang-peluang untuk pekerjaan di kawasan luar bandar dengan menggalakkan pelaburan swasta di kawasan pedalaman tersebut dan di kawasan pinggiran bandar.

Bagi tempoh tahun 2016 sehingga tahun 2017, sebanyak lebih 52,000 peluang pekerjaan telah diwujudkan menerusi inisiatif Koridor Ekonomi Wilayah. KBS seterusnya menyokong pelaburan swasta tersebut dengan memberikan latihan kepada belia setempat bagi memenuhi peluang pekerjaan yang telah diwujudkan rentetan daripada pelaburan tersebut.

Contohnya KBS melalui Institut Kemahiran Belia Negara Bandar Penawar, Johor telah menjalinkan hubungan kerjasama dengan Petronas dalam bidang *health, safety and environment*. Justeru, para belia di kawasan sekitar institusi tersebut boleh dilatih untuk memenuhi keperluan koridor ekonomi minyak dan gas yang sedang rancak dibangunkan di bawah projek di Pengerang, Johor.

Selain itu, pelbagai kementerian seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan banyak lagi turut terlibat melaksanakan dan merangka program untuk membangunkan kawasan luar bandar. Ini sekali gus mengurangkan penghijrahan pengaliran pergerakan anak muda ke kawasan bandar.

Golongan anak muda belia ini amat peka terhadap isu kos sara hidup dan persekitaran yang sihat. Secara umumnya kos sara hidup di kawasan luar bandar adalah lebih rendah berbanding dengan kos sara hidup di kawasan bandar dan persekitaran hidup juga lebih sihat dan lebih menyeluruh termasuklah berdekatan dengan keluarga. Ini bukan sahaja keluarga yang tunas tetapi juga keluarga yang lebih besar di kawasan kampung tersebut.

Justeru, usaha kerajaan adalah bukan sahaja untuk mengurangkan kadar pergerakan dan penghijrahan tetapi kita juga bertujuan untuk membangunkan sesuatu kawasan di sesuatu tempat terutamanya di kawasan pedalaman bagi merencanakan pembangunan yang lebih lestari dan lebih saksama di seluruh negara Malaysia.

Keempatnya ialah tentang isu *Malaysian Future Leaders School* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah sedikit?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh celah.

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Saya tertarik mendengar *planning* ataupun perancangan-perancangan yang telah diatur untuk kita menarik minat belia supaya lebih duduk di luar bandar.

Jadi persoalannya ialah, sejauh manakah belia-belia ini dilibatkan di dalam perancangan itu. Ada kalanya perancangan itu adalah kita katakan *top down*, dari atas turun

ke bawah. Jadi sejauh manakah kalau *planning* itu bercorak dari atas turun ke bawah, sejauh manakah belia-belia di peringkat bawahan itu menerima ataupun menyambut baik dan ikut sama di dalam perancangan-perancangan kita?

Ada kalanya, perancangan itu dari atas turun ke bawah dan penerimaannya di peringkat bawah tidak begitu mendapat sambutan yang baik. Mungkin kerana mereka kurang faham. Jadi saya fikir, sebaik-baiknya belia-belia ini dibawa bersama sebagai *the stakeholder*. Mereka sebagai pemegang taruh, mereka juga harus dilibatkan sama supaya program ini dapat sama-sama dibuat dengan jayanya.

Kita lihat, kalau kadang-kadang program kementerian dibuat di luar bandar, kita menggunakan *event organizer*, kita menggunakan *event management company*, belanja berjuta-juta tetapi belia ini datang untuk menonton dan tidak terlibat sama di dalam *event organizer* ini. Adakah kementerian mempunyai perancangan untuk katakan membawa belia ini bersama-sama menjadi *event organizers* menerusi koperasi belia dan sebagainya.

Jadi mereka dapat untung. Kadang-kadang *event organizers* mereka yang untung. *Event* kerana mereka membuat *event* mengikut perancangan-perancangan yang telah dibuat oleh pihak atasan. Sampai ke bawah, belia ini sebagai *more or less*, sebagai penonton sahaja. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri bangun. Silakan. Adakah mendapat pendapat daripada persatuan-persatuan belia.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Senator tadi. Saya yakin bahawa luahan hati tersebut adalah datang daripada satu keprihatinan Yang Berhormat Senator terhadap isu-isu anak muda terutamanya di kawasan pedalaman.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, saya setuju bahawa terutamanya semasa pentadbiran yang lama, banyak program dianjurkan oleh peringkat pusat dan diturunkan kepada kawasan-kawasan setempat. Berlaku satu keadaan di mana ada pemusatan dari segi perancangan dan pemusatan dari segi pengawalan sumber.

Jadi di bawah pentadbiran baharu ini dan saya sendiri telah turun ke beberapa kawasan setakat ini lima bulan hanya sempat ke lima buah negeri. Mungkin satu hari nanti, masa yang terdekat saya akan sampai ke Sarawak. Kita telah berbincang dengan pegawai-pegawai kita di peringkat negeri dan juga pegawai belia dan sukan di peringkat daerah. Mandatnya ialah di bawah pentadbiran baharu ini, kita akan memberikan lebih banyak ruang ataupun kuasa kepada pegawai-pegawai di peringkat setempat. Contohnya pegawai belia dan sukan di

peringkat daerah untuk membuat perancangan, menguruskan dan melaksanakan program yang membawa manfaat kepada kawasan tersebut.

Saya setuju bahawa ada kalanya jika sesuatu perancangan itu dibuat di peringkat tertinggi, di sebelah pusat di Putrajaya, mungkin keberkaitannya dengan keadaan konteks dan budaya setempat tidak tercapainya terutamanya di tempat-tempat yang jauh seperti Sarawak. Jangan kata sampai Sarawak, mungkin di negeri-negeri jiran dengan Putrajaya pun tidak mempunyai perkaitan yang rapat.

Justeru itu, penglibatan suara-suara setempat termasuklah pegawai belia dan sukan kita, termasuklah kumpulan-kumpulan anak muda sama ada melalui Majlis Belia Daerah ataupun geng-geng anak muda, persatuan-persatuan belia di kawasan setempat itu perlu diambil kira dalam pelaksanaan, perancangan dan juga pengurusan program.

Jadi itu adalah satu jaminan yang kita hendak berikan iaitu selepas ini, kita akan mengadakan lebih banyak rundingan bukan sahaja dengan pegawai kita di peringkat setempat tetapi juga dengan pemegang-pemegang taruh kita, dengan izin, *our stakeholders* di peringkat setempat. Terima kasih.

Seterusnya berkenaan Program *Malaysian Future Leaders School* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Berkenaan dengan program ini yang disebut sebagai *Malaysian Future Leaders School* ataupun MFLS. Pelaksanaan program ini akan menerapkan nilai-nilai kepimpinan, integrasi dan perpaduan nasional, kesukarelawan, kerohanian, sosialisasi politik, kenegaraan dan nilai jati diri di dalam diri peserta yang mengikuti program ini kelak.

MFLS ini sebenarnya adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini diadaptasi dari Jepun iaitu Program *The Japan Future Leaders School* yang terletak di Fukuoka, Jepun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu yang dibangkitkan adalah tentang 200 orang peserta yang akan diserapkan ke dalam MFLS ini dalam *tier* ketiga ataupun peringkat ketiga. Seramai 200 orang peserta ini di *tier* ketiga akan dipilih sebenarnya daripada kalangan peserta yang terbaik dalam peringkat kedua ataupun *tier* kedua. Antara aspek pemilihan peserta ialah penilaian dari aspek kepimpinan dalam komuniti, berintegriti, semangat patriotisme, keupayaan menyelesaikan masalah, motivasi diri dan pencapaian akademik.

Objektif program adalah untuk melahirkan belia yang berwawasan dan berkeyakinan, bersifat keusahawanan, berdaya saing dan inovatif, faham kepelbagaian budaya dalam

masyarakat kita, mempunyai pemikiran strategik, beretika dan mempunyai kesedaran sivik yang tinggi. Dalam kata lain, program ini adalah program, dengan izin, *the cream of the crop*.

Kita harapkan bahawa 200 orang peserta di peringkat ketiga ataupun *tier* ketiga ini memang mereka adalah *cream of the crop*. Diharapkan pada masa depan nanti, orang-orang inilah yang akan balik ke komuniti masing-masing, menjadi pengerusi surau, pengerusi tokong, pengerusi kuil, tokoh-tokoh korporat, tokoh-tokoh dalam bidang kerajaan, politik, sosial dan mereka dengan berbekalkan nilai-nilai yang telah diserapkan dalam Program *Malaysian Future Leaders School* ini akan mewujudkan satu generasi yang lebih kuat untuk menjana masyarakat Malaysia yang lebih hebat di masa depan kelak.

■1200

Program tersebut seperti yang dalam pertanyaan Yang Berhormat Senator, akan dilaksanakan menggunakan kemudahan yang sedia ada di bawah kementerian iaitu di Kem Kem Latihan Belia Negara yang dahulunya dikenali sebagai Kem Bina Negara. Program tersebut dijangka akan dilaksanakan pada pertengahan tahun 2019.

Berkenaan status pegawai dan kakitangan kontrak Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Sememangnya dengan termansuhnya program PLKN tersebut, maka pegawai-pegawai dan kakitangan kontrak JLKN yang majoritinya telah pun tamat kontrak mereka pada 31 Disember 2008 akan terkesan. Walau bagaimanapun, kerajaan menyedari dan memahami kesukaran dan kepayahan yang dihadapi oleh mereka implikasi daripada tidak disambungkan kontrak.

Sehubungan itu, atas dasar prihatin dan kebajikan bagi membolehkan pegawai dan kakitangan-kakitangan ini menampung sara hidup sekurang-kurangnya sebelum mereka mendapatkan pekerjaan yang lain, kerajaan mengambil keputusan untuk melanjutkan ataupun menawarkan pelantikan kontrak selama 1 tahun bermula Januari 2019 yang akan melibatkan 2,116 orang pegawai dan kakitangan kontrak JLKN.

Penempatan mereka akan diuruskan oleh pihak JPA, di mana perjawatan akan diberikan tertakluk kepada prestasi dan tatatertib mereka dan juga kepada keperluan kementerian-kementerian sedia ada. Keputusan tersebut dibuat atas dasar kebajikan iaitu untuk membolehkan ataupun memberikan *soft landing*, dengan izin, bagi membolehkan pegawai menampung keperluan-keperluan sara hidup sebelum mereka mendapatkan pekerjaan yang lain. Pelantikan kontrak ini dibuat tanpa melibatkan tambahan perjawatan kerana melibatkan pengisian jawatan kosong sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan isu penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun ataupun undi 18 yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Senator iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun dan Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying. Berdasarkan statistik penduduk negara pada hari ini, belia di dalam kategori umur 18 sehingga 20 tahun adalah seramai 1.56 juta orang. Ini bermaksud, belia dalam kalangan umur ini daripada 18 sehingga 20 tahun merupakan lebih kurang lima peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk di Malaysia. Belia apabila mereka mencapai umur 18 tahun di Malaysia ini adalah dikategorikan sebagai orang dewasa, selaras Akta Umur Dewasa 1971 ataupun Akta 21.

Justeru itu, dari segi undang-undang mereka mempunyai kelayakan yang sama seperti orang dewasa lain seperti dalam urusan perkahwinan, pemilikan harta, pekerjaan dan sebagainya.

Maka, adalah tidak adil dan tidak demokratik jika kita terus menafikan orang dewasa ini yang jumlah mereka lebih kurang lima peratus daripada keseluruhan jumlah populasi di Malaysia ini daripada hak mereka untuk membuat keputusan, membentuk hala tuju negara, membuat keputusan memilih pemerintah ataupun kerajaan secara formalnya. Seperti mana yang sedia maklum oleh Dewan yang mulia ini, kerajaan secara prinsipnya telah meluluskan cadangan untuk menurunkan umur layak mendaftar sebagai pemilih dari umur 21 tahun kepada 18 tahun.

Selaras dengan keputusan tersebut, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) sedang mengadakan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Peguam Negara dan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia atau pun, dengan izin, *Electoral Reform Committee* (ERC) untuk meneliti pindaan undang-undang yang terlibat, termasuk pindaan kepada undang-undang yang sedia ada.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) melalui Akademi Pilihan Raya (APR) juga telah memperkenalkan Program Pendidikan Pengundi. Di mana ia merupakan satu program yang memberikan pendedahan awal, kefahaman terhadap proses sebenar tentang pilihan raya yang dijalankan di Malaysia, di samping menjawab isu-isu berkaitan pilihan raya. Program ini sebenarnya telah bermula sejak tahun 2017 lagi dan akan diteruskan pada tahun hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan juga sedang merancang dan akan melaksanakan sebuah program baharu iaitu Sekolah Rukun Negara bagi mempersiapkan generasi muda dengan memberi pengetahuan dan pengukuhan kefahaman berteraskan Sistem Demokrasi Berparlimen berkaitan Perlembagaan Malaysia dan sistem pentadbiran negara.

Saya setuju dengan pandangan beberapa orang Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, termasuklah Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu ini seperti Yang Berhormat Senator Lim Hui Ying tentang perlunya memberikan pendedahan, pendidikan dan penyertaan kepada anak muda bagi menyediakan mereka menjadi pengundi. Justeru itu, melalui program seperti yang saya sebutkan tadi di bawah SPR dan juga program baru seperti Sekolah Rukun Negara, kita berhasrat untuk memberikan kesedaran kepada generasi muda bagi mempersiapkan mereka untuk memainkan peranan secara formalnya untuk mengundi sebagai warganegara yang sebenar-benarnya.

Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan tentang golongan OKU. Untuk makluman Yang Berhormat Puan Senator juga Dewan yang mulia ini, pihak KBS sememangnya melaksanakan semua program pemerkasaan belia tanpa meminggirkan apa-apa jua golongan, waima golongan OKU seperti yang termaktub dalam Dasar Belia Negara. Dalam Dasar Belia Negara tersebut ada disebut lapan kumpulan sasar iaitu:

- (i) Belia Bersekolah;
- (ii) Belia Pengajian Tinggi;
- (iii) Belia Berkerjaya;
- (iv) Perkumpulan Belia;
- (v) Belia Massa;
- (vi) Belia Malaysia Antarabangsa;
- (vii) Belia Minoriti dan golongan terpinggir; dan
- (viii) Belia berisiko.

Justeru, program-program di bawah Kementerian Belia dan Sukan akan memberi sasaran ataupun memberi tumpuan kepada kesemua golongan lapan belia ini seperti yang disebut dalam Dasar Belia Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan program sukan, massa dan rekreasi untuk disertai oleh semua golongan belia dari pelbagai peringkat umur dan komuniti.

Dalam pengupayaan pertubuhan-pertubuhan sukan agar dapat terus menggerakkan program-program sukan masa ini, KBS telah memberi bantuan menerusi pemberian dana bantuan bagi melaksanakan program, termasuk yang melibatkan golongan istimewa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kementerian juga telah melaksanakan aktiviti dan program sukan yang disertai oleh golongan belia OKU daripada semua peringkat

umur. Program Sukan Integrasi seumpamanya telah menggabungkan penglibatan penyertaan OKU dan golongan normal serta dilaksanakan sejak pelaksanaan Hari Sukan Negara bermula tahun 2015 di peringkat daerah dan negeri. Terbaru, KBS dengan kerjasama Majlis Paralimpik Malaysia telah melaksanakan sukan para yang sebelum ini dikenali sebagai *Paralympiad* yang telah selesai berlangsung di negeri Perak melibatkan penyertaan seramai 1,968 orang dari semua negeri di seluruh Malaysia.

Penglibatan Persatuan Sukan Rekreasi Orang Kurang Upaya (PESRON) dalam melaksanakan Para SUKMA telah dilakukan bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri dalam mencari bakat baru sukan serta dalam sesi latihan sukan atlet sehinggalah di peringkat akar umbi. Manakala, penglibatan Majlis Sukan Rekreasi Orang Kurang Upaya (MASROM) telah diadakan di peringkat Jawatankuasa Tertinggi Para SUKMA yang turut dibarisi oleh ketua-ketua jabatan.

Pelbagai program sukan telah dirancang pada tahun 2019 yang melibatkan golongan OKU, contoh Program *Inspire I-Talent*, *Inspire I-Train*, *Inspire Exploration*, Sukan Integrasi serta Karnival Sukan *Inspire*. Pelaksanaan program ini akan melibatkan semua pihak daripada peringkat OKU dengan pelbagai program sukan yang akan dikendalikan bersama oleh agensi kerajaan, swasta, NGO dan lain-lain. Dalam masa itu, KBS telah mengorak langkah dengan menawarkan Program Latihan Kemahiran Khas secara projek perintis ataupun, dengan izin, *pilot project* kepada golongan belia autisme.

■1210

Ini selaras dengan Dasar Belia Negara untuk memperluaskan peluang latihan kepada semua golongan belia secara inklusif tanpa meminggirkan golongan kurang upaya ini. Program kemahiran belia autisme ini menawarkan dua bidang kemahiran iaitu bidang hospitaliti dan teknologi maklumat yang dinamakan sebagai *CulyVenture@ILKBS* dan *MyITCrew@ILKBS* yang mendapat kerjasama daripada rakan strategik seperti Standard Chartered, Mydin dan Persatuan Nasional Autisme Malaysia. KBS bersama-sama dengan Nasional Autisme Malaysia (NASOM) terlibat bagi proses saringan temu duga serta pemilihan calon yang mana pengambilan belia autisme bagi program ini dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Di samping itu, KBS juga melancarkan Rimau Cafe di Lorong Seni Menara KBS, Putrajaya, di bawah pejabat saya yang telah pun mula beroperasi pada 8 Januari 2018. Rimau Cafe ini berkonsepkan *authentic learning*, dengan izin, di mana kebolehan dan keupayaan belia autisme ini akan diserlahkan di alam pekerjaan yang sebenar. Setakat ini, dua orang

pelatih telah lengkap menjalani latihan di Rimau Cafe dalam tempoh tiga bulan hingga enam bulan mengikut keupayaan belia itu sendiri. Maka seorang lagi masih lagi sedang menjalani latihan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata, diharapkan agar kesemua jawapan yang diberikan tadi dapat merungkai dan menjawab...

Puan Bathmavathi Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Silakan.

Puan Bathmavathi Krishnan: Ya, celah sedikit. Terima kasih atas kesungguhan Kementerian Belia dan Sukan dalam memberi perhatian kepada sukan orang kurang upaya. Saya khawatir dengan munculnya eSport dalam arena bidang sukan ini. Respons daripada kerajaan untuk memberi tumpuan kepada eSport, untuk jadikan Malaysia sebagai hab eSport. Saya khawatir nanti pengagihan dana kepada sukan-sukan lain akan terjejas terutama sekali kepada sukan orang kurang upaya. Saya harap kita tidak dipinggirkan dan dana yang cukup diagihkan bagi program-program yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Terima kasih.

Tuan Sim Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi yang sememangnya merupakan seorang aktivis OKU yang disegani. Saya boleh memberi jaminan bahawa tumpuan kita kepada eSport ini tidak akan memberi kesan mudarat ataupun negatif ataupun mengurangkan tumpuan ataupun fokus kita yang setakat ini kepada program-program sukan termasuklah kepada program sukan atlet para. Itu adalah jaminan kita. Sebenarnya di bawah Belanjawan 2019, satu peruntukan khas telah diperuntukkan. Peruntukan tambahan telah diperuntukkan kepada atlet ataupun program eSport. Jadi ini tidak akan memakan kepada perbelanjaan sedia ada untuk program-program sukan yang lain. Jadi inilah satu jaminan yang kita berikan.

Justeru itu, saya harap kesemua jawapan yang telah diberikan tadi mungkin tidak sempurna tetapi siapalah yang sempurna di dunia ini? Akan tetapi diharapkan dapat sedikit sebanyak merungkai dan menjawab sebarang persoalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Kementerian Pembangunan Usahawan.

12.13 tgh.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi* dan salam sejahtera. Selamat tengah hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menggulung perbahasan di kementerian ini yang mana seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat telah turut sama membahaskan dan menyentuh perkara-perkara yang di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dalam perbahasan Usul Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Mereka ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang terlibat ialah Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad, Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Anathan a/l Somasundaram, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan dan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan semua kumpulan mengambil bahagian dalam aktiviti keusahawanan, MED menekankan pendekatan secara inklusif iaitu penyediaan peluang yang saksama tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi geografi. Ini termasuklah kumpulan usahawan Orang Asli seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad iaitu mengenai bantuan dan bimbingan oleh kerajaan kepada usahawan Orang Asli.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, kerajaan akan memastikan supaya masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam mendapat akses kepada inisiatif yang disediakan termasuklah yang berkaitan dengan keusahawanan. Perkara ini diberikan penekanan dalam strategi ataupun Pelan Rangka Kerja Keusahawanan Nasional- *National Entrepreneurship Framework* yang kita telah lancarkan pada 22 November 2018 yang lalu.

Melalui Teras Strategik 21 yang telah kita bentangkan ini, MED akan mengukuh dan memperkembangkan sistem pembiayaan bagi memastikan akses kepada pembiayaan kecapai semua golongan termasuk B40, belia, usahawan wanita, kumpulan kurang upaya, usahawan sosial, koperasi dan setaraf di mana usahawan-usahawan Orang Asli juga diambil kira. MED akan memastikan ekosistem pembiayaan ini dilengkapi dengan sumber pembiayaan yang konvensional dan juga yang alternatif seperti *crowdfunding*, *Leading Entrepreneur Accelerator Platform* (LEAP), pasaran *Access Certain Efficiency* (ACE) dan juga pelaburan dana institusi awam.

Di samping itu, agensi-agensi utama berkaitan pembangunan usahawan yang diletakkan di bawah kementerian akan membolehkan MED mereka bentuk, menyelaras dan melaksanakan dasar-dasar dan peraturan-peraturan dan undang-undang berkaitan PKS dan keusahawanan dengan kos yang efektif. Ada beberapa agensi-agensi yang memberikan pembiayaan seperti yang sedia maklum seperti TEKUN, Bank Rakyat, SME Bank, Suruhanjaya Koperasi dan sebagainya.

Penubuhan MED ini tepat pada masanya di mana wujud keperluan untuk rasionalisasi dan menyusun semula fungsi semua *Entrepreneur Development Organization* (EDO) dengan izin, supaya tiada pertindihan fungsi. Latihan keusahawanan yang dijalankan oleh pelbagai agensi perlu pengawasan dan pemantauan secara berpusat. Majlis Latihan Keusahawanan Negara dan Rangka Kerja Latihan Keusahawanan Negara akan dibentuk oleh kementerian ini untuk menyelaras latihan keusahawanan yang kini dilakukan oleh berbagai-bagai agensi dan berbagai-bagai kementerian. Penempatan kurikulum juga akan dilakukan dan akreditasi serta menilai pencapaian institusi latihan keusahawanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, MED boleh menjalinkan kerjasama dengan lain-lain agensi dan memang pun telah menjalinkan pelbagai hubungan dengan agensi atau kementerian seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Belia dan Sukan serta pelbagai lagi bagi menyusun dan menyelaras keperluan memantau pembangunan usahawan-usahawan daripada kumpulan tertentu termasuk Orang Asli.

Pada tahun 2018, TEKUN Nasional sendiri telah mengeluarkan pembiayaan untuk usahawan Orang Asli sebanyak RM4.964 juta yang melibatkan 422 usahawan. Selain itu, penubuhan pusat sehati keusahawanan di beberapa negeri setakat ini iaitu Negeri Sembilan, Terengganu, Perak dan Pulau Pinang yang ada Orang Asli akan menyediakan platform untuk menawarkan akses maklumat yang diperlukan kepada usahawan di luar bandar dan juga di bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Isa pula membangkitkan sedikit perkara berkaitan dengan Orang Asli dan mencadangkan supaya kementerian mewujudkan pegawai penyelaras koperasi bagi membantu meningkatkan keupayaan koperasi termasuk koperasi milik Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan melalui SKM sentiasa komited bekerjasama dengan JAKOA. Kerjasama ini memang sedia ada untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat Orang Asli melalui koperasi. Selain daripada program penggalakan

penubuhan koperasi oleh masyarakat Orang Asli, SKM juga memastikan koperasi-koperasi tersebut dapat berkembang dan ditadbir dengan baik melalui penyeliaan yang berterusan dan rapat ke atas koperasi oleh pegawai-pegawai penyelia pejabat SKM wilayah yang ada lebih 80 buah di seluruh negara.

■1220

Penyeliaan oleh pegawai SKMM wilayah ini termasuklah penyeliaan akaun, pengurusan pentadbiran, perjalanan Mesyuarat Agung dan khidmat nasihat mengenai pembangunan perniagaan. Kita pun sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, ada koperasi-koperasi yang telah berjaya yang dilaksanakan oleh masyarakat Orang Asli. Contoh yang agak ketara dan terbaik ialah Koperasi Kijang Mas, ada di Kelantan, ada di Pahang.

Di Kelantan contohnya, memang menyediakan aktiviti perkhidmatan, pembalakan, perladangan yang cukup berjaya, yang memang dikenal pasti oleh SKM antara koperasi yang berjaya, yang mempunyai- yang di Kelantan ini mempunyai 1,394 orang ahli. Itu satu *success story* yang ingin didedahkan di sini.

Selain itu, Program Pembangunan Kapasiti Modal Insan kepada anggota Lembaga Koperasi Orang Asli dan Pegawai Ekonomi JAKOA turut dianjurkan oleh SKM dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sepanjang tahun. Program ini dilaksanakan di semua wilayah bagi mewujudkan pengurusan Koperasi Orang Asli yang kompeten, seterusnya memberi pendedahan kepada pegawai ekonomi JAKOA mengenai koperasi. Di peringkat kebangsaan pula, pemantauan kepada Koperasi Orang Asli dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan SKM JAKOA. Ertinya, platform ini memang sudah ada untuk makluman Yang Berhormat Senator, yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah JAKOA dan Pengerusi Eksekutif SKM.

Mesyuarat yang diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun ini antara lain membincangkan perancangan dan tindakan bagi menggiatkan lagi pembangunan Koperasi Orang Asli, membincangkan tindakan yang perlu diambil bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi Koperasi Orang Asli serta melakarkan program-program koperasi dan kerjasama yang boleh diadakan di antara kedua-dua agensi bagi mempercepatkan lagi perkembangan Koperasi Orang Asli. Ertinya, kerjasama antara dua jabatan ini memang sedia ada dan telah pun rapat dalam membangunkan dan mengawal selia Koperasi Orang Asli walaupun tiada peminjaman pegawai seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Kita memberi jaminan SKM akan terus memastikan koperasi ini mampu memberi faedah sosioekonomi kepada anggota-anggotanya...

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya mohon sekiranya dapat melihat bahawa Pembangunan Keusahawanan Orang Asli dalam bentuk koperasi perlu dilihat dalam dimensi baharu. Sebelum ini, pembangunan koperasi lebih tertumpu kepada sektor pertanian, perladangan, sumber hasil hutan. Baru-baru ini saya telah pergi ke Pos Pelemu dan turut pergi ke Pos Yom. Ada suatu entiti Koperasi Pos Yom telah berjaya mengendalikan satu ekopelancongan *homestay*.

Diharap pihak kementerian dapat hadir di sana dan membantu daripada segi sokongan dana untuk memperkembangkan sektor pelancongan ekonomi ini, suatu kaedah pembangunan ekonomi yang mampan dan ekonomi baharu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Satu maklumat yang cukup bagus. Saya rasa sewajarnya lah, bukan hanya Koperasi Orang Asli, mana-mana koperasi pun yang sentiasa memberikan tumpuan kepada *core business* yang agak konvensional ini, seperti perkhidmatan, buat kontrak pembangunan, meluaskan aktivitinya ke arah program-program baharu seperti ekopelancongan yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi. Jadi, *insya-Allah* kita akan sahut pelawaan untuk melawat- pos mana tadi?

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Pos Yom dan Pos Pelemu.

Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Ya, kedua-dua pos Orang Asli itu untuk melihat sendiri dan memberikan semangat dan galakan serta yang disebutkan tadi, apa-apa bantuan yang ada di bawah kementerian kita.

Tuan Yang di-Pertua, melalui rangka kerja keusahawanan nasional yang saya sebutkan awal tadi, kementerian turut memberikan penekanan kepada pencapaian sasaran sumbangan PKS sebanyak 41 peratus kepada KDNK. Di antara strategi bagi mencapai sasaran ini dengan meningkatkan lagi produktiviti usahawan dan meningkatkan akses kepada pasaran. Kaedah inovasi berpandu ataupun *innovation driven* akan meningkatkan penerapan teknologi ke dalam usahawan, terutama PKS menerusi Revolusi Industri 4.0, di samping mengukuhkan inovasi di dalam keusahawanan menerusi perkembangan teknologi terkini seperti IOT, *digitalization* ataupun *digitization* dan *robotization*.

Jawapan ini saya buat bagi menjawab ataupun bagi menjelaskan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying yang berharap supaya kerajaan

menerapkan teknologi Industri 4.0 kepada usahawan-usahawan PKS di negara kita. Memang inilah yang terbaharu, *the in-thing*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, IR4.0.

Cuba kita bayangkan industri kecil kita di kampung, di luar bandar yang membuat kuih muih dengan mengambil kaedah-kaedah baharu seperti *robotization*, *IOT* nya, agak menarik. Cuma kita harus mengkaji dari segi nilai, dari segi kos yang perlu ditanggung. Oleh kerana bila kita bercakap tentang IR4.0 ini, konotasinya ialah ada implikasi kos di sana ya. Kita takut nanti kuih-muih yang dibuat oleh usahawan-usahawan kecil mikro di kampung kita menjadi mahal. Kuih batang buruk misalnya, yang sekarang ini satu RM5, dengan *robotization*- contoh, ini contoh saja ya mungkin jadi lebih mahal.

Akan tetapi apa yang dimaksudkan di sini ialah dengan menggunakan IR4.0 ini, maka kita boleh dapat melayan pasaran yang lebih besar, kualiti yang lebih baik, menepati semua piawaian-piawaian dalam negara dan juga antarabangsa. Jadi, cadangan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator ini adalah sangat baik dan kita akan mengambilnya sebagai satu panduan untuk kita membangunkan sektor industri desa dan peniaga kecil bagi memanfaatkan teknologi yang sedia ada ini, yang baru bermula ini.

Begitu juga dalam aspek pengiklanan *homestay-homestay* ataupun inap desa seperti yang disebutkan tadi. Kita boleh menggalakkan penggunaan kaedah perniagaan melalui *e-commerce* seperti *airbnb.com* bagi pengusaha kita yang boleh diakses di seluruh dunia.

Data keusahawanan yang lengkap dan komprehensif diperlukan untuk memastikan bantuan diberi tepat pada golongan sasaran yang memerlukan dan bagi membolehkan pembuatan dasar yang efektif. Oleh itu, satu pangkalan data usahawan yang komprehensif dan bersepadu sedang dibangunkan, *insya-Allah* dalam masa beberapa bulan lagi akan dijangka lengkap dan boleh diakses dan mempunyai maklumat besar tentang syarikat-syarikat yang terlibat dalam program pembangunan usahawan di seluruh negara.

Seterusnya, bidang kuasa MED adalah merangkumi kesemua isu berkaitan pembangunan usahawan dan meliputi pelbagai sektor, termasuklah agromakanan. Ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah. Yang Berhormat bertanyakan mengenai bagaimana usaha dan fokus kerajaan untuk mengeksport hasil agromakanan ini ke luar negara.

Untuk makluman Yang Berhormat, inilah kerjasama yang kita harapkan di antara kementerian-kementerian, termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu menggalakkan usahawan-usahawan agromakanan ini untuk menghasilkan produk-produk yang baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *National Entrepreneur Framework* (NEF) yang saya sebutkan tadi menggariskan juga *trusted strategic* dan objektif yang menyatakan inisiatif kementerian menyediakan pelbagai platform untuk B40 khususnya, menembusi pasaran bagi memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Jadi, ertinya kita menyediakan platform itu bagi membolehkan usahawan-usahawan kita yang ada hasilnya dapat membuat *showcase* hasil-hasil mereka, dipromosikan dan digalakkan ditambah baik dari segi kualiti supaya mudah menembusi pasaran asing.

Dalam konteks ini, usahawan agromakanan boleh menyertai eDagang bagi mempromosi produk dan perkhidmatan mereka. Bagi menggalakkan penyertaan golongan usahawan dalam eDagang, MED melalui SME Corp akan terus memberikan latihan dan bimbingan yang kini memang merupakan antara aktiviti teras SME Corp. Pada tahun 2017, SME Corp bersama rakan strategik seperti MDEC, *AliBaba.com*, *Google*, *Boost* dan *Lazada* telah berjaya melatih lebih 25 ribu PKS dalam eDagang. Kerjasama strategik bersama portal atas talian yang disediakan ada seperti *11street*, *Shoope* dan *Lazada*, termasuk platform atas talian tempatan kita sendiri seperti *Fashion Valet* dan *Annex Hall* akan diperkasakan lagi bagi menyediakan platform pada golongan usahawan mempromosi dan memasarkan produk mereka.

■1230

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, MED akan menggalakkan sektor swasta bekerjasama dengan golongan usahawan terutamanya usahawan B40 untuk memasarkan produk mereka. Ini akan meningkatkan keupayaan produk mereka untuk menembusi pasaran tempatan dan pasaran eksport melalui pelbagai platform. Kita sudah mempunyai beberapa rakan kerja yang bersedia untuk mengumpulkan barangan-barangan serta produk B40 ini untuk dipasarkan secara lebih meluas melalui usaha untuk memasukkan mereka kepada pasar-pasar besar di dalam negara dan juga di negara jiran seperti yang saya jawab dalam Dewan ini minggu lepas.

Manakala melalui satu lagi teras strategik dalam NEF ini, MED akan memperkasakan usahawan tempatan agar mempunyai pemikiran dan mampu bertindak secara global. MED akan menggalakkan dan membantu PKS mempunyai peningkatan permulaan yang inovatif untuk menembusi pasaran antarabangsa dan merebut peluang pasaran eksport. Ini dalam konteks *internationalization* untuk mengantarabangsakan produk kita.

Dalam program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan oleh agensi MED masa kini, kita banyak menekankan dan memperkasakan budaya global, pemikiran yang suka bersaing

dan pengantarabangsaan di kalangan usahawan tempatan. MED juga turut mewujudkan kerjasama G-to-G termasuk beberapa *memorandum of corporation*.

Kita yang terbaru telah diberi mandat untuk menandatangani *memorandum of corporation* dengan Kerajaan Jepun bagi sektor halal. Ini satu *breakthrough* yang saya rasa akan membuka peluang dan ruang yang banyak kepada usahawan-usahawan kita terutamanya usahawan yang menyediakan produk-produk makanan, kosmetik dan juga perkhidmatan-perkhidmatan yang memerlukan pensijilan halal. Tindakan susulan akan dibuat oleh MED bagi menandatangani MOC tersebut untuk memastikan produk halal dapat menembusi pasaran Jepun khususnya yang saya sebut dulu semasa penganjuran Sukan Olimpik dan Paralimpik pada tahun 2020 di Tokyo yang kita jangka akan dapat memasarkan barangan kita bernilai lebih USD300 juta.

Seterusnya saya ingin mengulas pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram yang telah menyeru pihak kerajaan supaya peruntukan yang disalurkan melalui Skim TEKUN juga disalurkan kepada kaum India yang memerlukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya TEKUN Nasional memang telah menyediakan skim pembiayaan kepada masyarakat India sejak tahun 2008 dengan peruntukan dana khas yang disediakan oleh kerajaan. Sehingga Oktober tahun ini, seramai hampir 19,000 orang usahawan di kalangan masyarakat India telah menerima pembiayaan TEKUN yang jumlah pembiayaan sebanyak RM285 juta. Saya menyambut baik keprihatinan Yang Berhormat dan kita akan memastikan supaya semua orang yang berminat untuk menjadi usahawan akan dibantu tanpa mengira kaum, peringkat usia mahupun perbezaan politik.

Walaupun di dalam pembentangan bajet yang lalu, jumlah yang diperuntukkan kepada TEKUN dikurangkan berbanding dengan tahun sebelumnya, namun dengan fokus yang diberikan, dengan pemilihan penerima yang lebih berdaya, maka *insya-Allah* wang tersebut dapat dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan yang benar-benar berminat di dalam bidang keusahawanan.

Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan juga ada menyentuh perkara berkaitan dengan TEKUN iaitu mengenai program-program latihan, bantuan pembiayaan bagi golongan OKU. Perkara lain disentuh ialah mengenai kaedah-kaedah penambahbaikan dan bimbingan kepada usahawan OKU yang kurang berjaya sebelum ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, TEKUN menjalinkan kerjasama sebelum ini dengan Unit Kerjasama Awam- Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri yang menyediakan peruntukan Program *Second Chance*. Peruntukan yang telah disediakan untuk

program ini adalah sebanyak RM15 juta bagi tempoh lima tahun sehingga tahun 2018. Salah satu daripada program tersebut adalah memberi pembiayaan kepada usahawan di kalangan OKU.

Melalui peruntukan yang disediakan ini, TEKUN telah menyalurkan pembiayaan kepada 209 orang usahawan OKU dengan jumlah pembiayaan adalah sebanyak RM2.369 juta. Saya hendak memaklumkan, TEKUN akan terus memberikan tumpuan kepada golongan OKU yang memerlukan. Kita harap Yang Berhormat Senator dapat menjadi penghubung antara kita dengan masyarakat OKU supaya mereka dapat akses kepada bantuan TEKUN untuk OKU ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip telah menyatakan kebimbangannya mengenai nasib usahawan kecil susulan daripada berita mengatakan kerajaan akan mengambil tindakan pembatalan terhadap Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Yang Berhormat Senator juga telah bertanya adakah kerajaan bercadang mewujudkan program lain seperti mana TEKUN ke arah bantuan usahawan kecil seperti program yang telah dijalankan oleh AIM.

Saya telah bertanya kepada Kementerian Kewangan mengenai isu pembatalan AIM ini. Sebenarnya tidak dibatalkan. Program Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) terus dijalankan. Cuma yang disebut ialah anak-anak syarikat AIM yang telah ditubuhkan tidak mengikut peraturan sahaja yang dibatalkan. Program AIM yang kita sedia maklum yang membantu usahawan-usahawan mikro khususnya kaum wanita kita di luar bandar akan diteruskan kerana program ini ternyata telah dapat membantu membina usahawan-usahawan kecil mikro di kawasan luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, TEKUN pada asalnya menyediakan pembiayaan perniagaan kepada usahawan secara individu melalui TEKUN Niaga. Walau bagaimanapun, mengikut perubahan masa dan keperluan, TEKUN kini menyediakan juga pembiayaan perniagaan secara berkumpulan ala AIM seperti yang kita sedia maklum dengan menerapkan konsep *peer pressure*. Ini dalam konteks memastikan peminjam-peminjam TEKUN ini bekerjasama secara berkumpulan untuk membayar balik pinjaman mereka.

Skim pembiayaan yang dinamakan Teman TEKUN ini merupakan program pembiayaan berkumpulan iaitu lima orang usahawan di dalam satu kumpulan. Skim pembiayaan ini mula diperkenalkan tiga tahun yang lalu dan sehingga Oktober 2018, seramai 60,666 orang usahawan telah menerima pembiayaan sebanyak RM420 juta melalui skim ini di seluruh negara. Pembayaran baliknya bagi skim pembiayaan ini adalah sangat baik iaitu 97

peratus. Ertinya kaedah yang dibuat ini walaupun sedikit memberikan tekanan kepada rakan-rakan perniagaan mereka tetapi jelas ianya dapat memberikan pulangan yang baik.

Skim pembiayaan berkelompok ini juga memberi keutamaan kepada usahawan wanita di mana TEKUN memperkenalkan TemanNita iaitu pembiayaan berkumpulan kepada kumpulan wanita ini. Konsep pembiayaan adalah sama tetapi hanya di kalangan wanita sahaja. Bagi Skim Pembiayaan TemanNita yang diperkenalkan pada tahun 2017, lebih 8,000 orang usahawan telah menerima pembiayaan sebanyak hampir RM50 juta. Pembayaran baliknya juga adalah tinggi. Kalau dalam jawapan saya ini Tuan Yang di-Pertua, dikatakan pembayaran baliknya adalah pada kadar 122 *percent*. Macam mana itu? Ertinya mereka bayar dulu sebelum minta. Ini *excellent*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja komen-komen dan jawapan-jawapan daripada kementerian kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator. Terima kasih atas sumbangan idea. Kita harap kementerian ini akan terus sukses dalam membangunkan usahawan kita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Silakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

12.38 tgh.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli di sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara pada kali ini. Untuk makluman Dewan yang mulia, seramai sepuluh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan pelbagai isu berkaitan dengan kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi ulasan dan pandangan terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan pada sesi perbahasan kali ini seperti berikut. Ada empat kategori:

- (i) biodiversiti;
- (ii) tanah;
- (iii) air; dan
- (iv) banjir.

Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang dibangkitkan adalah isu biodiversiti. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Perkara 74(2), Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa tanah dan hutan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

■1240

Oleh yang demikian, setiap negeri mempunyai kuasa mutlak untuk mengubah dasar dan undang-undang atau menerima pakai dasar dan undang-undang yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan bagi mentadbir dan menguruskan hal-hal perhutanan di dalam negeri masing-masing.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid bertanya mengapa Jabatan Perhutanan tidak menjalankan tanggungjawab sosial bersama-sama dengan masyarakat Orang Asli untuk memajukan dan menjaga sumber hutan dan membangunkan ekopelancongan yang berasaskan alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, urusan berkaitan dengan Orang Asli yang berkaitan dengan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun begitu, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah menjalankan hubungan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sejak tahun 2012. Mesyuarat Jawatankuasa ini juga turut dilaksanakan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, khususnya negeri-negeri yang mempunyai isu berkaitan Orang Asli. Melalui kerjasama ini, beberapa program aktiviti telah dijalankan oleh Jabatan Perhutanan negeri-negeri.

Di samping itu juga, pensijilan pengurusan hutan yang diamalkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah berpandukan standard kriteria dan petunjuk Malaysia untuk pensijilan pengurusan hutan yang mewajibkan hak-hak masyarakat peribumi, khususnya masyarakat Orang Asli dipelihara dan aspek ini sentiasa diberi penekanan dalam pelaksanaan pensijilan pengurusan hutan oleh badan pensijilan bebas.

Berkaitan sekatan jalan raya yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak, itu adalah di bawah kuasa kerajaan negeri.

Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim memohon kerajaan berbincang dengan pihak negeri Johor agar Pulau Kukup kekal sebagai Taman Negara. Pulau Kukup yang terletak di Pontian, Johor telah digazetkan sebagai Taman Negara Johor di bawah Enakmen Taman Negara Johor 1989 dengan keluasan 647.5 hektar pada 27 Mac 1997.

Pulau Kukup merupakan pulau paya bakau tidak berpenghuni kedua terbesar di dunia dan satu-satunya di perairan negeri Johor. Pulau Kukup telah diisytiharkan sebagai kawasan

berkepentingan antarabangsa di bawah Konvensyen Ramsar pada 31 Januari 2003. Kawasan ini diuruskan oleh Perbadanan Taman Negara Johor. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa negeri telah membatalkan...

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biarkan Yang Berhormat Menteri habiskan dahulu. Silakan Yang Berhormat. Bukan semua tetapi yang fasal Pulau Kukup.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Walau bagaimanapun, pihak berkuasa negeri telah membatalkan keseluruhan kawasan yang diisytiharkan sebagai kawasan Taman Negara Pulau Kukup melalui pemberitahuan nombor 3808 yang disiarkan dalam Warta Kerajaan Negeri bertarikh 25 Oktober 2018.

Setiausaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor melalui surat bertarikh 5 Disember 2018 memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan supaya Pulau Kukup yang diletakkan di bawah Enakmen Tanah Kesultanan terus kekal digunakan sebagai kawasan Taman Negara Johor dan dijaga serta dikawal selia oleh Kerajaan Johor di bawah PTNJ bagi menjadikannya sebuah produk pelancongan negeri Johor.

Selain itu, pendirian Kerajaan Pusat masih kekal seperti kenyataan media pada 8 Disember 2018 iaitu agar Pulau Kukup dikekalkan sebagai Taman Negara Johor bagi memastikan kawasan tersebut terus kekal terpelihara. Kerajaan juga menyatakan kekhawatiran pertukaran status kawasan ini boleh memberi kesan kepada pengiktirafan sebagai kawasan berkepentingan antarabangsa di bawah Konvensyen Ramsar serta menjejaskan reputasi negara dalam memulihara biodiversiti...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah dengar tadi, saya hendak sentuh berkenaan dengan hutan. Kita tahu di samping kita hendak menjaga hutan ini untuk pembangunan ekonomi tetapi hutan ini juga harus dikekalkan. Kita tengok sekarang ini harga sawit...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hutan keseluruhan kah atau Pulau Kukup?

Tuan Manolan bin Mohamad: Bukan, hutan keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tuan Manolan bin Mohamad: Khususnya di kawasan pedalaman, bukan dalam Pulau Kukup. Kita tahu sekarang ini pihak *European Union* telah membuat satu kempen untuk memboikot sawit Malaysia. Disebabkan Malaysia ini menebang pokok hutan ini untuk

mengeluarkan sawit dengan secara tidak sah ataupun tidak baik, di mana mereka menggunakan kempen banyak Orang Utan mati dan kita tebang hutan secara haram dan pencemaran alam sekitar. Jadi, alam itu tidak terjaga, maka mereka kata jangan beli minyak sawit daripada Malaysia.

Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Salah satu alasan, salah satu alasan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Salah satu alasanlah. Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian untuk hendak *balance*-kan, dengan izin, dengan mengekalkan hutan dan juga kita membuka ladang-ladang baru ini untuk pertanian? Saya tengok ada setengah tempat hutan ini, kawasan rizab hutan, *signboard* itu ada tetapi hutannya tidak ada, tinggal *signboard* sahaja. Jadi, apakah kementerian ini tidak ada kuasa langsung dengan kerajaan negeri? *Engagement* itu mesti ada. Bagaimana untuk hendak mengurangkan penebangan hutan ini, di samping kita hendak untuk pembangunan ekonomi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pertama berkenaan dengan apa tindakan kementerian? Kementerian akan bekerjasama dengan semua kementerian, khususnya Kementerian Industri Utama.

Bermakna kementerian ini akan menjawab ataupun membuat publisiti, dengan izin, kepada negara luar berkenaan minyak kelapa sawit. Maksud di sini adalah kita akan memberi data-data yang tepat, mungkin data-data yang diberi kurang tepat bermakna data itu mungkin *online*. Kita akan cuba untuk memberi maklumat kepada semualah, bukan kepada Kementerian Industri Utama sahaja, mungkin ia berkaitan dengan pelancongan pun kita akan bagi.

Soalan yang kedua, berkenaan dengan kuasa itu. Seperti mana yang kita maklumkan, memang mengikut perundangan 74(2) iaitu pengasingan kuasa di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat masih lagi berjalan. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah-peringkat akhir, telah membuat satu perundangan untuk dibawa kepada Parlimen untuk diputuskan, di mana ada beberapa ruang. Contohnya, sekiranya satu hutan itu hendak diterokai ataupun balak dia hendak ambil, mestilah ada *public hearing* sebagai contohlah. Jadi, benda ini kita akan bawakan kepada tahun depan. Ini salah satu usaha untuk memberi sedikit kuasa ataupun kerjasama daripada Kerajaan Pusat. Oleh sebab kita akui sebelum ini Kerajaan Pusat setakat inilah, maknanya kita tidak ada kuasa untuk menghalang kerajaan negeri untuk

menebang pokok ataupun sebagainya. Walau bagaimanapun, kita harap RUU yang akan kita bawa nanti mendapat persetujuan daripada semua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung. Sudah habis sudah?

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim memohon kerajaan berbincang dengan pihak negeri Johor- minta maaf, ini sudah sebut tadi.

■1250

Kita pergi ke bahagian tanah ya.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak tahulah Pulau Kukup ini sekarang ini sudah bertukar hak milik dia kepada tanah kesultanan. Jadi, bagaimana caranya untuk Perbadanan Taman Negara Johor ini hendak membuat kerja-kerja baik pulih di pulau berkenaan sebab tanah milik orang, kita hendak pergi masuk sepatutnya kena ada kebenaran daripada tuan tanah itu. Itu secara logiknyalah. So macam ini, bagaimana untuk Perbadanan Taman Negara untuk buat kerja-kerja baik pulih di Pulau Kukup itu? Itu yang pertama.

Kedua berkenaan dengan para pengunjung ke Pulau Kukup ini, adakah perlu ada satu kebenaran daripada Sultan untuk orang ramai untuk mengunjungi Pulau Kukup pada masa akan datang? Itu sajalah soalan saya. Terima kasih.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jawab sekali satu dan dua, soalan dia berkaitan. Sebenarnya apa yang saya maklumkan tadi Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan bahawa bidang kuasa tanah ini adalah kerajaan negeri. Jadi apa-apa pun keputusan adalah kerajaan negeri, bukan pusat. Oleh sebab itu di bawah kementerian kami, rang undang-undang yang baharu yang akan dibawa pada tahun depan untuk mendapatkan sedikit kuasalah daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

Kita pergi kepada bahagian tanah. Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah mencadangkan supaya perjawatan di Bahagian Pembahagian Pusaka JKPTG ditingkatkan atau dinaikkan sebagai bahagian kerana beban kerja yang tinggi menguruskan permohonan dan pembahagian pusaka seluruh negara. Terima kasih di atas

keprihatinan Tan Sri atas soalan yang dikemukakan mengenai isu pusaka di bawah kementerian ini.

Isu pusaka merupakan isu yang dekat dengan rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada tiga agensi yang bertanggungjawab dalam pengurusan harta pusaka di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan, Bahagian Pembahagian Pusaka di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan sememangnya menguruskan secara hampir 70 peratus. Pembahagian pusaka ini terbahagi kepada tiga agensi. Satu JKPTG, yang kedua mahkamah dan yang ketiga Amanah Raya.

Pada masa kini, perjawatan sedia ada adalah dengan 69 pegawai pembahagian pusaka di seluruh Semenanjung Malaysia yang bertanggungjawab menyelesaikan hampir 60,000 kes setahun. Dengan beban kes yang bertambah setiap tahun di samping isu kekeliruan di peringkat rakyat apabila terdapat beberapa agensi yang menguruskan harta pusaka ini, kementerian mengambil perhatian serius perkara ini dan akan memperhalus demi kepentingan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2017, terdapat dua kajian mengenai pengurusan harta pusaka di Malaysia telah dijalankan oleh pihak MAMPU dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Hasil kedua-dua kajian ini sememangnya berpandangan untuk menaik taraf Bahagian Pembahagian Pusaka JKPTG menjadi satu agensi khusus yang lebih dikenali dan memudahkan rakyat dalam urusan pusaka.

Namun, hasil kedua-dua hasil kajian ini belum diambil tindakan oleh kementerian ataupun kerajaan terdahulu. Oleh itu, kementerian pada masa kini akan memperhalus cadangan-cadangan kajian tersebut terutama dalam mewujudkan hanya satu agensi kerajaan sahaja di dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia untuk kemudahan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa kini, pihak kementerian ataupun jabatan dalam proses meminda undang-undang sedia ada, Akta Harta Pusaka Kecil 1955 dalam usaha memfokuskan usaha-usaha ini...

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tan Sri. Yang Berhormat Menteri, boleh habis dalam masa lima minit tidak? Ini kerana hendak sampai pukul 1 tengah hari.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Kalau tidak ada mencelah mungkin boleh saya bacakan semua jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh?.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tan Sri.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sebenarnya saya cukup rasa seronoklah mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini kerana yang sebenarnya ini pengalaman saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya telah dijumpai oleh beberapa pegawai bahkan ketua dia menerangkan kes ini telah dibawa beberapa kali sebelum ini di bawah kerajaan yang lama.

Dia kata masalahnya sebab saya sendiri berada di pejabat itu, saya memerhatikan kasihan mereka kena maki dengan rakyat, orang ramai yang masalah tidak selesai begitu lama. So saya tanya kenapa jadi, saya dapat *information* mengatakan bahawa 69 orang pegawai yang mempunyai tiga orang atau empat orang sahaja kakitangan untuk membantu untuk tiga *district*. Dia kata *not possible*, jadi rayuan telah dibuat. Setelah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mengharap sangatlah untuk kecekapan tugas-tugas yang dijalankan oleh kakitangan kita, saya harap perkara ini dihalusi dan dipertimbangkan supaya bahagian itu dinaikkan ke taraf jabatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita akan maklumkan maklumat tersebut dan saya teruskan yang lain.

Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid ada? Tidak ada. Yang Berhormat sama juga. Kita pergi kepada sektor air.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kena bagi secara bertulis.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Okey, saya akan bagi secara bertulis *insya-Allah*. Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Tidak ada, bertulis.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga, bertulis juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ini kerana pegawai-pegawai boleh balik ke kementerian buat kerja Yang Berhormat.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Ya, ya betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* cepat habis.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis ya?

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Ada, ada lagi berkenaan dengan banjir ya.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook?

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Ada ya, memohon kerajaan untuk mengkaji semula Projek Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok yang akan memberi kesan kepada perkampungan dan rumah ibadat orang Siam, mohon pampasan kepada penduduk yang terlibat.

Untuk makluman, satu perbincangan antara Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dengan Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya Infrastruktur dan Utiliti Negeri Kelantan telah diadakan pada 28 November 2018 membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan KATS di negeri Kelantan. Antara isu yang dibincangkan adalah berkenaan pelaksanaan PLSB Sungai Golok fasa satu.

Kerajaan Negeri Kelantan dipohon untuk menyelesaikan isu yang dibangkitkan dengan pihak yang berkenaan iaitu *stakeholders* dan memohon peruntukan tambahan daripada Kerajaan Persekutuan. Susulan daripada aduan penduduk berkenaan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, satu sesi *public engagement*, dengan izin, dengan penduduk setempat telah diadakan seperti berikut.

Pada 6 Disember 2018, perjumpaan dengan penduduk Kampung Mentua telah diadakan pada 6 Disember 2018 iaitu Khamis, jam 9 pagi di Dewan Bunga Emas, Pantai Seri Tujuh, Tumpat, Kelantan. Perjumpaan tersebut yang telah dianjurkan oleh Pejabat Tanah dan Jajahan Tumpat dan dihadiri oleh JPS Kelantan, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan juga jemputan khas Persatuan Siam Kelantan. Seramai 10 orang wakil dipilih oleh pihak penduduk akan menghadiri sesi perbincangan lanjut dengan pihak JPS Kelantan untuk menyelesaikan isu pengambilan tanah Kampung Mentua.

Perjumpaan terbaru 11 Disember 2018, Selasa berkaitan dengan bantahan penduduk Kampung Teresek. Pada 10 Disember 2018, perjumpaan dengan wakil penduduk Siam. Pada 11 Disember 2018, Selasa yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan dan JPS Kelantan. Yang Berhormat Menteri Besar Kelantan bersetuju bahawa satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Exco akan ditubuhkan bagi menyelesaikan isu di Kampung Teresek. Jawatankuasa ini dijangka akan mengadakan perjumpaan dengan penduduk Kampung Teresek dalam masa terdekat. Pertukaran jajaran pembinaan *flat wall* akan diputuskan dalam jawatankuasa tersebut.

Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying memohon kerajaan mempertimbangkan dana tambahan untuk projek Teluk Kumbar iaitu RM10 juta, Pondok Upeh RM10 juta dan Teluk Bahang RM8 juta. Ketiga-tiga projek yang dibangkitkan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Ketiga 2018, RMKe-11.

Projek-projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut proses perolehan perunding dan tender kerja yang dipatuhi. Status projek adalah seperti berikut:

- (i) projek Rancangan Tebatan Banjir Teluk Kumbar Daerah Barat Daya, Pulau Pinang, kos RM10 juta. Kerja-kerja fizikal dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2019;
- (ii) projek Rancangan Tebatan Banjir Pondok Upeh, Sungai Burung, Pulau Pinang - status, kerja-kerja fizikal di tapak dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020; dan
- (iii) Rancangan Tebatan Banjir Teluk Bahang Daerah Barat Daya, Pulau Pinang - kerja-kerja fizikal iaitu statusnya, kerja-kerja fizikal di tapak dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020.

Yang Berhormat Puan Nuridah bt Mohd Salleh, ada?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, berapa orang lagi Ahli Yang Berhormat?

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Satu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Satu, silakan.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, minta maaf.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Ada, okey. Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh memohon kerajaan untuk meneruskan pembinaan projek RTB, hakisan pantai dan pedalaman muara sungai di negeri Terengganu.

Pada tahun 2019, peruntukan berjumlah RM54.95 juta telah diluluskan bagi pelaksanaan projek-projek tebatan banjir, hakisan pantai dan pemuliharaan muara sungai di negeri Terengganu. Peruntukan ini adalah anggaran keperluan aliran sungai projek bagi tahun 2019 yang antaranya merangkumi peruntukan bagi pelaksanaan kerja-kerja pembinaan,

pelantikan perunding reka bentuk terperinci, pelantikan perunding kerja ukur dan penyiasatan tanah serta tender kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri beri yang secara bertulis? Yang Berhormat sudah habis masa.

Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji: Setakat ini sajalah penjelasan-penjelasan yang saya dapat berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2018. Saya berharap daripada penjelasan tersebut telah dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dan juga Tuan Yang di-Pertua yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kementerian kami iaitu Kementerian Air, Tanah dan Sumber dan akan mengambil perhatian tindakan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah 1.03 tengah hari. Dewan akan ditempokan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahi Rahmani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam bahagia. Terima kasih Ahli Yang Berhormat yang hadir.

Saya hendak sambung Majlis kita dengan saya hendak panggil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

2.33 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, selamat petang... *[Membaca sepotong doa daripada ayat al-Quran]*

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat, saya bersyukur, berpeluang untuk hadir bersama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya untuk menunjukkan

tanda penghargaan kami kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sepanjang perbahasan membabitkan Kementerian Perdagangan, telah memberikan banyak input, teguran, persoalan dan pandangan. Saya ingin menyatakan bahawa kami sangat menghargai semua pandangan dan input yang telah diberikan. Sedaya mungkin, ketika sesi penggulangan ini, saya akan cuba memberikan penjelasan terhadap sebahagian perkara yang dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjurus kepada perkara-perkara spesifik yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan, izinkan saya memberikan sedikit latar belakang. Negara kita sekarang sedang pesat membangun. Pembangunan sesebuah negara selalunya apakala kita sedang lalui dan nikmati bersama, akan wujud juga beberapa masalah baharu. Jangka hayat lebih panjang biasanya memerlukan khidmat kesihatan yang lebih baik. Berhijrah ke kawasan bandar akan mewujudkan masalah perumahan dan kos sara hidup yang meningkat. Jumlah penduduk yang semakin ramai memerlukan peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik. Pada ketika yang sama, sistem sokongan sosial yang berteraskan *extended family* masih lagi mempunyai banyak kelemahan.

Pada tahun 1960, *life expectancy*, jangka hayat hidup seseorang rakyat Malaysia itu ialah pada umur 58 tahun. Jangka hayat umur, 58 tahun. Ini cerita tahun 1960-an. Sekarang tahun 2018 ini, rakyat Malaysia hidup lebih lama iaitu 79 tahun. Oleh sebab apa? Oleh sebab kesihatan lebih baik, pemakanan lebih baik, senaman lebih sedikit dan sebagainya. Bila umur hayat hidup semakin bertambah, jika sekiranya simpanan tidak mencukupi untuk menampung hidup sehingga umur 79 tahun, maka kita akan ada masalah. Unjuran yang dibuat untuk negara kita menjelang tahun 2030, kita akan mempunyai penduduk yang usia tua ini semakin meningkat dan yang muda semakin sedikit. Menjelang tahun 2030 Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjadi semakin tua dan Tuan Yang di-Pertua pun akan menjadi bertambah tua, sahabat lama saya ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Muka muda ya.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Muka muda. Maknanya, umur rakyat yang semakin tua ini, umurnya meningkat, umur yang muda akan semakin sedikit. Bila rakyat yang usia muda sedikit, maksudnya orang yang masih produktif dan bekerja tidak cukup untuk tanggung yang tua, yang tidak produktif di situ. Baik. Di negara kita, bilangan penduduk yang dianggap sebagai memenuhi angka orang yang boleh bekerja ataupun *workforce*, jumlahnya adalah 14.5 juta.

Akan tetapi yang ada simpanan aktif dalam KWSP, cuma tujuh juta sahaja. Tenaga kerja kita yang layak, yang boleh bekerja ialah seramai 14.5 juta dengan kadar pengangguran kita yang dianggap sebagai *full employment* dan bila dia bekerja, dia boleh menabung di KWSP. Tujuh juta sahaja yang ada akaun masih aktif.

Data KWSP pula tunjuk bahawa daripada tujuh juta rakyat Malaysia yang bekerja dan menabung dalam KWSP, 30 peratus daripada tujuh juta ini Tuan Yang di-Pertua, adalah yang pendapatan sebulan RM1,000. Kalau kita ambil pendapatan sebulan RM4,000 ke bawah, jumlahnya 85 peratus daripada yang ada simpanan dalam KWSP dan pendapatan RM10,000 sebulan dan simpan dalam KWSP cuma tiga peratus sahaja. Sangat kecil.

Jadi, KWSP juga bila ia buat kajian ini ia tunjukkan bahawa tujuh juta yang ada akaun dalam KWSP, 70 peratus pula di kalangan mereka itu ada simpanan yang hanya boleh bertahan lima tahun sahaja selepas mereka pencen. Simpanan yang mereka ada dalam KWSP itu boleh bertahan selama lima tahun sahaja, selepas itu habis. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu satu sudut pandang dalam memahami struktur kehidupan rakyat dan masyarakat dalam negara kita. Ketika inilah kita berbahas dan berbincang berkenaan dengan isu kos sara hidup.

■1440

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan telah membahaskan sekurang-kurangnya lima perkara. Pertama ialah mengenai topik penyeragaman harga. Ini adalah satu program di mana bagi kawasan pedalaman untuk menghantar barang-barang keperluan asas seperti beras, gula, gas LPG ini, petrol RON95 dan diesel di kawasan pedalaman. Oleh sebab kawasannya jauh pedalaman, hendak hantar barangan keperluan asas ini kos pengangkutan meningkat. Program penyeragaman harga bermaksud kerajaan serap atau biaya kos pengangkutan itu.

Rakan kita Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara ini secara spesifik merujuk kepada satu kes di kawasan pedalaman Pos Simpo di pedalaman Kelantan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat, kawasan-kawasan seperti Pos Brooke, Pos Handrop, Pos Kema, Pos Perwor, Pos Piah, Pos Poi, RPS Banun dan Sungai Tiang adalah antara merupakan kawasan-kawasan yang didiami oleh Orang Asli yang dimasukkan di bawah Program Penyeragaman Harga ini. Tujuannya supaya membolehkan barangan keperluan harian rakyat dalam kes ini, masyarakat Orang Asli yang tinggal di pedalaman boleh membeli dan menikmati, memiliki harga pada harga seperti mana di kawasan biasa.

Namun, kalau di sana ada aduan tentang berlakunya peningkatan harga dalam kes yang ditimbulkan oleh rakan saya Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid berkenaan dengan tong gas yang dijual pada harga yang tinggi berbanding dengan harga biasa. Saya cuma boleh memohon agar aduan seperti ini dapat dikemukakan terus kepada KPDNHEP, *insya-Allah* bahagian penguat kuasa akan kita hantar bagi meninjau dan melihat. Jika benar berlaku pelanggaran itu tindakan boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga perkara yang turut di bahas ialah berkaitan dengan Program Penstabilan Harga Minyak Masak. Tuan Yang di-Pertua, untuk tahun 2018, kementerian ini diberikan peruntukan sebesar RM720 juta untuk membiayai program menstabilkan harga minyak masak. Program ini ialah- minyak masak ini kegunaan utama isi rumah. Oleh itu, kerajaan menyediakan Program Penstabilan Harga Minyak Masak untuk minyak masak yang dibungkus secara plastik, paket plastik, beratnya satu kilo. Bagi setiap satu kilo, kerajaan subsidi kan 60 sen. Jumlah subsidi tahun ini RM700 juta.

Selain daripada minyak masak paket subsidi plastik satu kilo, yang itu tidak subsidi. Itu dijual dengan harga pasaran bergantung kepada *supply and demand*. Apa yang kerajaan kawal, paket minyak masak bungkusan plastik satu kilo. Satu kilo kerajaan kekalkan subsidi 60 sen.

Untuk tahun depan, kita kekalkan subsidi yang sama 60 sen juga bagi satu kilo tetapi nilai kuantum subsidi tidak lagi RM700 juta. Kerajaan menerima RM600 juta tetapi tidak perlu dikhuatiri kerana dengan peruntukan RM600 juta pun, kita boleh meneruskan Program Penstabilan Harga Minyak Masak kerana kita telah mengenal pasti punca-punca ketirisan ataupun subsidi yang tidak sampai kepada kumpulan sasaran. Kalau kita boleh kawal, kita tidak perlukan peruntukan sebesar RM700 juta, RM600 juta pun boleh kita laksanakan.

Apakah jaminan tentang bekalan minyak masak ini cukup dan stabil? Kementerian ini telah secara berterusan mengambil langkah-langkah dan tindakan penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua seumpama mengeluarkan surat arahan kepada semua kilang yang memproses minyak yang terlibat bagi memastikan bekalan sama ada minyak masak bersubsidi ataupun tidak bersubsidi dihasilkan dengan cukup bagi memenuhi permintaan di pasaran. Kementerian juga memantau secara harian melalui pegawai pemantau harga yang memantau seluruh peringkat pengeluaran dari kilang, kilang pembungkus sampailah kepada pengedar, pemborong dan peruncit.

Tuan Yang di-Pertua, benar ketirisan juga berlaku terutama bagi kawasan negara kita yang bersempadan dengan negara jiran. Untuk itu bahagian penguat kuasa kementerian

berganding bahu dengan agensi penguat kuasa yang lain bagi mengawal, hendak menghapuskan terus tidak boleh, saya akui. Akan tetapi kalau dapat kita kawal dan mengurangkan insiden penyeludupan, itu sangat memberikan kesan yang baik kepada program ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan secara khusus berkenaan dengan inisiatif kementerian untuk menjalankan program yang kita panggil inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna. Tuan Yang di-Pertua, program ini adalah satu program yang kami berikan sedikit pengubahsuaian, asalnya program ini adalah program Kedai Rakyat 1Malaysia.

Dahulunya model program ini, kerajaan menyediakan peruntukan kemudian melantik satu kumpulan pasar raya. Jadi kumpulan pasar raya ini menjadi *vehicle* utama buka setiap kawasan Parlimen, satu kedai. Kemudian pasar raya ini memasukkan barangan ke dalam Kedai Rakyat 1Malaysia. Matlamat asalnya supaya harga barangan keperluan dapat dibeli dengan harga yang munasabah dan bekalannya cukup. Malangnya model itu tidak *sustainable*. Sampai satu ketika pentadbiran yang lepas memberhentikan operasi Kedai Rakyat 1Malaysia.

Apabila pentadbiran baru mengambil alih, saya berpendapat sedikit pengubahsuaian kalau kita lakukan, kita masih boleh meneruskan idea ini. Pertama, kita menjenamakan semula dengan nama inisiatif Kedai Ekonomi Pengguna yang saya telah lancarkan pada 29 November yang lepas. Berbanding model lama, di mana kerajaan melantik satu syarikat *hypermarket* tetapi kali ini, saya mempelawa penyertaan pemain-pemain dalam industri peruncitan ini yang sudah ada premis perniagaan, ada modal, ada pengalaman mereka boleh memohon dengan kementerian untuk mengadakan Kedai Ekonomi Pengguna ini.

Apakah beza model lama? Model lama kerajaan mengeluarkan peruntukan agak besar juga saiznya, lebih RM300 juta. Akan tetapi model yang kami buat sekarang, kerajaan tidak mengeluarkan duit langsung sebab kita memanfaatkan pemain industri, *retailers* ini yang sudah sedia ada. Jadi, kita minta mereka melibatkan diri. Apa yang menjadi kelebihan adalah kerana kita mengenal pasti sekurang-kurangnya 120 barangan keperluan utama pengguna. Maksudnya kalau pengguna pergi ke kedai, apa yang dia mesti beli? Dia mesti beli gula, tepung, minyak masak, beras, susu pekat manis, roti, *diapers*, sosej, *Maggie* dan seumpamanya. Ada lebih kurang 100 ke 120. Jadi, kedai inisiatif ini mesti ada menjual item utama ini pada harga yang kompetitif.

Jaminannya adalah bekalan ini terutama barang bekalan barangan kawalan, kementerian pastikan akan cukup kerana kementerian ini juga mengawal dan menentukan pengeluaran AP bagi barangan pengguna.

■1450

Jadi, kalau kami keluarkan, syaratnya adalah ia mesti bekalkan kepada kedai-kedai i-Keep ini, itu model yang kami buat sekarang...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya soalan sedikit.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Saya tertarik dengan Yang Berhormat Menteri menyebut tentang pengawalan harga kedai baru, Kedai Rakyat 1Malaysia di ubahsuai ditambah nilai menjadi Kedai Ekonomi Pengguna. Akan tetapi kalau- ini pandangan, kalau pihak kerajaan tidak membantu, sebagai contoh kerajaan terdahulu membantu sejumlah wang yang besar untuk membuka Kedai Rakyat 1Malaysia semata-mata untuk memastikan kedai jualan itu dengan harga yang murah, itu maksudnya, sasarannya. Akan tetapi sekarang, apabila Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawasanya kerajaan tidak lagi memberi peruntukan.

Jadi, di situ kita nampak sejauh mana kalau kerajaan tidak memberi peruntukan, sejauh mana pihak kerajaan dapat mengawal harga daripada peruncit? Sedangkan kalau dahulu kerajaan melantik satu, *single supplier*, sekarang kerajaan sudah hendak buka kepada semua, beberapa *supplier*. Tidak kisah, janji pemain dalam industri runcit.

Jadi soalan saya, bagaimanakah bentuk ataupun strategi kerajaan untuk menjaga harga barang murah daripada harga pasaran biasa? Satu.

Keduanya, berapa peratus harga barang yang akan dijual oleh kedai yang diubahsuai daripada Kedai Rakyat 1Malaysia kepada Kedai Ekonomi Pengguna? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, soalan saya sama dengan Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih. Maknanya, walaupun dia tidak bangkit berhujah, hujah kawan dia itu sama dengan dia. Maksudnya, mereka ada hubungan rohi, makam tinggi punya. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, jangan salah anggap. Saya dipihak kerajaan, dia pihak pembangkang. Hendak jelas [*Ketawa*]

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Kedua-duanya kawan lama saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Model lama, hakikat bahawa model lama kerajaan terdahulu hentikan adalah bukti kukuh bahawa model itu tidak *sustainable*. Biarpun kerajaan peruntukan RM300 juta lebih tetapi tidak *sustainable*. Oleh sebab apa? Sejumlah RM300 juta itu ia bukan untuk memasukkan barangan bagi memastikan barangan keperluan dijual rendah. Akan tetapi dihabiskan pada apa? Membuat kedai, ia habis ke situ. Akibatnya apabila kerajaan tutup, tamatkan, bajet sebesar RM300 juta itu pun hangus, kedai pun ke mana, barangan yang masih ada dalam kedai itu pun tidak tahu ke mana, habis sudah. Jadi, tidak *sustainable*.

Pilihan ketika kita mengambil alih, hendak meneruskan bermaksud kalau dengan modul yang sama, *inject* lagi duit. Okey tetapi saya pilih kepada satu model lain. Saya libatkan pemain peruncit yang sudah *established*. Misalnya, dari Perak adalah Koperasi Orang Melayu Kerajaan Perak, ia ada tiga di situ. Ada Pasar Raya *BIG*, ia ada enam hingga tujuh sebab mereka ini syarikat yang besar. *BIG* ini misalnya adalah daripada Kumpulan Eng Sheng, kumpulan ini besar, sudah *established* 40 tahun lebih dalam industri peruncitan. Ia ada ladang, ia ada kilang, ia ada gudang, ia juga pengimport, ia juga pemborong, ia juga pengedar dan barangan-barangan utama yang ada dalam *hypermarket* utama dalam negara kita, pembekalnya Eng Sheng.

Jadi, komponen *retail* ia adalah *BIG*. Ia tidak banyak ada tujuh hingga lapan sahaja. Oleh sebab ia hendak buka lebih, *hypermarket* kata, "Kami sudah beli barang pada *you*, buat apa buka lebih?". So, ia buka sedikit. Jadi, saya jemput ia untuk terlibat. Pengalaman 40 tahun, modal kukuh, bekalan terjamin, barulah harga boleh kita minta dikurangkan. Berbanding model lama, kerajaan peruntukkan ratusan juta tetapi *investment* ia adalah buka kedai, buka premis. Jadi, apabila dimasukkan stok *keep in unit*, barangan yang dijual, barangan itu tidak langsung mendapat sambutan, akhirnya habis.

Jadi, keutamaan kami adalah pertama, rukun kepada menjayakannya ialah *retailers* ataupun peruncit yang ada modal, ada pengalaman, *established* dan memang itu bidang dia. Bukan kita *groom* sesuatu yang baru, bidang dia. Jadi, kita minta dia pastikan bekalan daripada sumber pembekal yang murah, harga lebih kompetitif. Kita kenal pasti 100 ke 120 komponen item utama pengguna. Apabila dia tolak troli masuk kedai, dia mesti beli. Apabila kita perhatikan- saya dapatkan data-data ini daripada *hypermarket*, daripada *supermarket*, minta mereka beri laporan. Apakah item barangan yang paling banyak dibelanjakan oleh rakyat apabila masuk ke kedai? Ia pun senaraikan seperti kicap, roti, *Maggi*, sosej. Walaupun ini

processed food, tidak berkhasiat dan sebagainya tetapi itulah kemampuan rakyat beli dan *diapers*, itu pun popular. Ada lebih kurang 40 hingga 50 barang. Jadi, kita pastikan Kedai Ekonomi Pengguna ini ada item itu pada harga yang kompetitif.

Alhamdulillah, apabila kita mulakan 29 November 2018, kita ada lebih kurang rakan strategik kita, termasuklah Pasar Raya Segi Fresh, kita ada DMart, Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad. Jadi, dengan adanya Koperasi Peneroka FELDA ini di kawasan-kawasan tanah rancangan FELDA dengan inisiatif kedai ini membolehkan peneroka kita berbelanja pada harga yang kompetitif seperti juga harga di *hypermarket* di kawasan bandar, harganya sama. Harganya lebih murah pada kadar antara dua peratus hingga 20 peratus yang murah di sini. Jikalau umpamanya harga itu lebih mahal, kita tidak akan teruskan dengan pemain tersebutlah.

Itu semua kita sudah dapatkan input daripada mereka. Jadi, saya hendak terangkan bahawa beri ruang dan peluang kepada kementerian untuk menterjemahkan. Hari ini ada lebih kurang 300 lebih premis, sasaran saya adalah menjelang tahun 2020 lebih daripada 500 premis dan seterusnya membesar. Oleh sebab modal tidak dihabiskan kepada membina premis tetapi modal lebih kepada memastikan barangan yang dijual itu adalah lebih kompetitif harganya. Itu cerita tentang kedai ekonomi ya.

Ahli Yang Berhormat yang ikut membangkitkan soal skim subsidi bersasar RON95. Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan bajet tempoh hari, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bantangkan *second quarter*, suku kedua tahun hadapan kerajaan hendak laksanakan Skim Subsidi Petrol RON95 bersasar. Seperti yang digambarkan daripada nama program ini, hanya yang layak dapat adalah daripada kategori, pendapatan RM4,000 ke bawah. Pendapatan isi rumah RM4,000 ke bawah.

Data inilah yang menikmati Bantuan Sara Hidup dan juga bantuan-bantuan yang lain. Kita sudah ada *database* itu, kita gunakan yang sama. *Of course*, kita akan ada unsur verifikasi data-data itu dari segi pendapatan dan sebagainya. Pendapatannya mesti RM4,000 ke bawah. Kereta yang dia bawa mesti kurang 1.5 cc. Kalau dia bawa kereta 2.0 cc ataupun 2.4 cc, 2.5 cc, 3.0 cc macam rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, tidak layak dapatlah subsidi bersasar ini.

Subsidi ini Tuan Yang di-Pertua, sebulan rakyat Malaysia beli petrol RM1.2 bilion. Besar minyak itu. Oleh sebab kita ini adalah negara yang pemilikan kenderaan oleh rakyat paling tinggi di dunia. Itu kerana sistem pengangkutan awam kita tidak begitu cekap. Kalau sistem pengangkutan awam cekap, rakyat tidak perlu kereta. Akan tetapi kita, inilah keadaan

kita. Jadi, RM1.2 bilion petrol sebulan, RON97 sebanyak 10 peratus. RON95 ialah 90 peratus. RON95 inilah yang kerajaan bagi subsidi. Makin tinggi harga minyak mentah, makin mahal harga di pam. Supaya harga di pam rendah, kerajaan bagi subsidi. Jadi, subsidi yang kita hendak buat ini hanya kepada yang pendapatan RM4,000 ke bawah. Kapasiti enjin kenderaan itu 1.5 cc, itu ya.

■1500

Kita mahu mula bila? Kita mahu mula pada suku kedua tahun depan. Sekarang, kita sedang buat persiapan. Kementerian ini diarahkan oleh Jemaah Menteri untuk menjadi *the lead ministry*. Jadi, kami sedang bekerjasama dengan *oil company*, syarikat-syarikat minyak, dengan pengusaha stesen minyak, persatuan pengguna, Kementerian Kewangan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Bank Negara, mereka ini perlu sebab mereka ada data-data.

Sekarang ini, *service provider* yang akan membantu kementerian sedang diuruskan *Request for Proposal* (RFP) oleh Kementerian Kewangan- sudah tutup *dah*. Kementerian Kewangan akan muktamadkan. Jadi, nanti KPDNHEP akan bekerjasama dengan syarikat tersebut. Jadi, saya berhasrat untuk memulakan dengan melakukan beberapa *try run* dulu, *pilot project*, bagi memastikan kelancaran program ini. Di kalangan penerimanya B40, *insya-Allah* mereka akan sambut dengan gembira. Jadi, kalau M40 itu mereka akan rasa sedikit terkilan kerana mereka kena beli minyak pada harga *floating*. Itu pun, saya meminta persetujuan Jemaah Menteri agar kalau *floating* sekalipun, margin antara harga subsidi dengan harga *floating* tidak boleh besar.

Oleh sebab, sebarang kenaikan satu sen, dua sen harga bahan api ini, Jabatan Perangkaan Malaysia meramalkan kenaikan satu peratus, satu sen, dua sen minyak ini pun melonjakkan indeks harga pengguna dan ini sekali gus melonjakkan bacaan indeks inflasi. Inflasi meningkat, inflasi ukuran harga barang. Itu tidak baik untuk rakyat keseluruhannya. Jadi, caranya adalah bagi mengawal *floating price* sekalipun, marginnya tidak boleh berbeza jauh supaya ia dapat diserap kesannya.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri? Saya mohon hendak bertanya sedikit.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sila.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini sahabat Yang Berhormat Menteri saudara Rafizi ada membuat kenyataan dalam sosial media bahawa kalau

mengikut pengiraan formula subsidi yang diguna pakai sejak tahun 1983 untuk pengiraan harga bahan api, terutamanya petrol, dengan harga pasaran minyak antarabangsa yang telah turun dan berada sekitar USD60 per *barrel* ini, maka, sesuai waktu ini harga paling tidak pun RON95 itu turun sekurang-kurangnya RM0.10.

Jadi, minta komen dan pandangan terhadap kenyataan saudara Rafizi. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Khairul. Benar, saya juga membaca analisis ditulis oleh Rafizi. Analisisnya berasaskan kepada harga minyak mingguan. Ketika Bahagian Rasionalisasi Subsidi kementerian ini pula, mengukur atau menetapkan harga mengikut sistem automatik *price mechanism* secara bulanan. Jadi, kalau ukurannya secara mingguan perubahannya itu lebih pantas. Oleh sebab itu, dalam kira-kira saudara Rafizi, pada harga minyak sekarang, lebih kurang USD60 per *barrel*, harga minyak di pam sekarang itu dianggap oleh rakyat telah membayar balik cukai jualan kepada kerajaan, cukai yang dia belanjakan.

Akan tetapi, kalau berasaskan kepada kiraan bulanan, sistem yang kita pakai sekarang adalah sistem kiraan harga bulanan. Harga yang sekarang ini pun sebenarnya memerlukan subsidi kerajaan lagi walaupun tidak besar. Kalau sebelum ini subsidi sebanyak RM0.30, RM0.35, walaupun saya belum semak lagi sekarang ini, tetapi pada harga USD60 per *barrel* ini, kita masih lagi subsidikan kalau tidak RM0.05 atau RM0.10, masih lagi.

Jadi, trend ini kenaikan harga minyak dunia ini Tuan Yang di-Pertua, kalau kita ikuti persidangan menteri-menteri OPEC di Vienna baru-baru ini, yang Malaysia ikut hadir, antara ketetapan adalah, negara-negara OPEC dan non-OPEC yang bersetuju diminta untuk mengurangkan pengeluaran minyak di negara masing-masing. Tujuannya adalah supaya harga minyak tidak terus menjunam, kurang daripada USD60. Jadi, itu keputusan mesyuarat menteri-menteri bagi minyak di Vienna, Austria baru-baru ini iaitu pada dua minggu lepas. Dengan keputusan dasar itu, apabila negara pengeluar minyak menghadkan pengeluaran, tidak lagi mengeluarkan dengan banyak, maka harga sekarang tidak lagi turun mengikut trend asalnya adalah USD80 per *barrel*, turun sehingga USD60 per *barrel*. Akan tetapi, sekarang ia melantun balik sedikit tidak kurang.

Jadi, harga minyak pada pam RM2.20 RON95 itu masih lagi memerlukan subsidi kerajaan. Akan tetapi, dengan ucapan Belanjawan tempoh hari, polisi yang diletakkan ialah kerajaan akan berikan subsidi 30 sen Tuan Yang di-Pertua, per liter. Per liter, ya. Kalau trend harga minyak sekarang turun, kemungkinan saya sebutkan kemungkinan tetapi tertakluk kepada kira-kira lah kan. Harga RM2.20 sekarang ini kalau subsidi 30 sen itu nanti yang layak

dapat subsidi mungkin yang beli kurang daripada RM2, itu akan membantu melegakan mereka dari segi skim subsidi.

Jadi...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua? Saya, sebelum berganjak, saya ada satu soalan.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam ucapan perbahasan saya, saya ada mencadangkan supaya adakah kerajaan tidak bercadang untuk mengembalikan RON92? Itu mungkin membantu harga minyak sebenarnya. Saya difahamkan harga RON92 dengan kadar RM1.75. So, kalau kerajaan bagi subsidi sebanyak RM0.30 sen, maka, seperti mana sahabat-sahabat kita di sebelah sana *nak* RM1.50 itu, *insya-Allah* akan dapatlah. So, saya nak minta pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat Senator Datuk Razali yang menganjurkan apakah mungkin kerajaan melihat balik RON92. RON92, RON95, RON97 yang membezakannya adalah kandungan sulfur dalam minyak. Lebih kurang kandungan sulfur, lebih terjaga alam sekitar. Akan tetapi, harganya lebih mahal. RON92, kandungan sulfurnya lebih tinggi, harganya lebih murah tetapi punca pencemaran akibat minyak kenderaan akan menjadi tinggi.

Jadi, pertembungannya- ini bukan konflik, pertembungannya di sini. Kalau rakan saya Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi ada dalam Dewan ini, dia akan *promote*, dia akan *propagate*, dia akan kempen bahawa perlunya Malaysia ini patuh dengan beberapa komitmen antarabangsa, protokol alam sekitar dan segala macam bahawa kita mesti menjurus bergerak ke arah mengurangkan kandungan sulfur dalam minyak kenderaan supaya alam sekitar lebih terjaga.

Perspektif dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Perspektif pengguna pula, macam yang Yang Berhormat Senator Datuk Razali sebutkanlah. Kalau sudah harga RON95, RON97 mahal, balik semula ke RON92. Itu baik dari segi pengguna. Jadi pertimbangannya begitu. Akan tetapi, sebagai sebuah negara yang terikat dengan beberapa protokol antarabangsa, kita sebenarnya dikehendaki mematuhi *schedule* bergerak ke arah penggunaan minyak yang kurang kandungan sulfur.

Kalau ikutkan kita ini kena bergerak ke arah Euro 4M. Euro 4M ini bukannya RON95, RON97 sudah, dia RON101 sudah segala macam. Akan tetapi, harganya adalah lebih tinggi,

rakyat terpaksa berbelanja lebih dan berbelanja lebih untuk kos bahan api akan melonjakkan subsidi. Harga barang juga akan lagi semakin meningkat. Itu pertimbangannya.

Pertama, kerajaan terikat dengan beberapa protokol perjanjian yang kita *sign*.

Kedua, adalah dari segi komitmen menjaga alam sekitar. Jadi, konfliknya di situ adalah di antara keperluan menjaga alam sekitar yang lebih terjamin dengan kepentingan pengguna yang mahukan harga yang lebih rendah.

Jadi, ia sedikit bertembung di situ. Jadi, buat masa sekarang, polisi kita kekal dengan RON95 dan RON97. RON97 *floating*, RON95 kita subsidikan. Baru beberapa bulan lepas pun saya telah membuat pengumuman kalau mengikut jadualnya, kita patut Disember ini, menggunakan Euro 4M. *Refinery* minyak semua sudah- ada yang bersedia, ada yang tidak. Macam PETRONAS, Shell- Shell kata, mereka bersedia. Kerajaan mahu buat bila-bila masa sahaja boleh, sebab dia boleh beli daripada Singapore. PETRONAS kata, kami mungkin perlukan sedikit masa lagi. Hengyuan pula kata, kami perlu lagi tempoh sedikit lagi, untuk memenuhi. Jadi, kesediaan dari *refinery* satu bab... Sila.

■1510

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat, sebenarnya kita bergaduh soal minyak ini begitu lama, tiada penghujung. Maksud saya di sini, RON92 ini sebagai alternatif pilihan kepada rakyat. Mungkin kepada rakyat yang sukakan *environment*, dia akan beli RON95 ataupun RON97 tetapi kepada rakyat yang kurang, dia akan guna untuk kenderaan dia RON92. Jadi, di situ saya rasa kerajaan boleh membuat pertimbangan yang agak sesuai dengan keadaan semasa. Mungkin yang guna RON92 ini beberapa puluhan peratus sahaja, tak sampai 50 peratus. Mungkin dapat- maksud saya, tahap *environment* yang digunakan RON92 itu tidak menyusahkan kehidupan negara kita. Maksudnya di sini, harga minyak ini menentukan harga barang.

Apabila harga minyak mahal, maka harga barang secara automatiknya naik kerana hendak beli barang kena guna motor dan kereta. Jadi, itu maksud saya. Jadi, saya rasa kerajaan- ini pandangan daripada pemain-pemain minyak, sahabat-sahabat kita daripada Terengganu. Perbezaan di antara RON92 dengan RON 95 ini tidak banyak sangat. Cuma pada ketika itu, kalau tidak silap kita tahun 80-an bertukarnya daripada RON92 ke RON95 kerana semata-mata untuk naikkan harga minyak. Pada ketika itu, negara kita- rakyat agak banyak wang. Jadi, itulah sebenarnya pandangan saya daripada bawah. Kalau boleh kerajaan kembali RON92 sebagai alternatif kepada rakyat yang tidak mampu. Terima kasih.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya mengalu-alukan pandangan-pandangan yang sekalipun berbeza kerana itu memberi peluang kepada kita untuk berhujah dan memberikan pendapat. Satu lagi kekangan adalah jenis enjin dan keupayaan enjin yang sebenarnya bila satu-satu kenderaan itu dibuat, enjin itu direka untuk digerakkan dengan kualiti minyak. Ia ke situ pula.

Jadi, ketika pengeluaran kereta bergerak ke arah keupayaan enjin digerakkan dengan kualiti petrol yang kurang kandungan sulfur dan sebagainya, kalau kita melakukan langkah *reverse* sedikit ke belakang, itu akan memberi kesan. Kita juga ada Dasar Automotif Negara 2014, di mana Dasar Automotif Negara ini menetapkan bahawa enjin kenderaan hendaklah ditetapkan sekurang-kurangnya untuk menggunakan RON95. Kita ada dasar itu. Jadi, keupayaan enjin satu bab.

Semalam saya makan malam Kelab Vendor 'Peredua'. 'Peredua' ini kereta nasional dah sembilan tahun nombor satu daripada segi menguasai pasaran...

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Perodua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: 'Peredua'.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Perodua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: 'Peredua' kah, Perodua?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Perodua.

Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail: *Sorry*, saya orang Kedah ini kira baca 'Peredua'. Perodua, *sorry* ya. Perodua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Bukit Katil.

Perodua tahun ini pun mereka bergerak ke arah menguasai hampir 38 peratus. Jadi, saya berbual dengan presiden ia, *outgoing* presidenlah. Ia dua minggu lagi akan ada *presidency* baru. Dia kata sasaran jualan mereka dan *it is something that it is achievable*, dengan izin, dia akan menjual sehingga 225,000 unit kenderaan Perodua pelbagai model. Enjinnya semua dibuat dengan keupayaan minyak yang RON95.

Jadi, bolehlah kita beli RON92 itu. *Hat tu tok* imam kampung saya *hat* bawa Mercedes lama, *hat* 37 tahun lebihlah. *Hat tu* yang bawa ke Tong Beluru, bawa ke sebelah Kampung Berukas. *Hat tu* dia bawa enjin lamalah. *Hat tu* 92 lagi dia suka. Akan tetapi kalau ia gerak ke arah komitmen negara memenuhi dasar yang sama-sama di bahas dan ditentukan oleh asasnya oleh pemimpin terdahulu, saya fikir kita *honour* dan kita *moving forward* dan *of course*, ada kos melepasyalah. Antaranya harga barang lebih mahal tetapi kita dapat menikmati *environment* yang lebih sihat. Itu pertimbangan.

Sentiasa dalam hidup ini kita akan bertembung dengan pilihan. Macam ada lagukan, hidup sentiasa bertembung dengan pilihan. Baik Tuan Yang di-Pertua, saya kira sekadar itu. Saya hendak ulangi sekali lagi terima kasih saya kepada semua perkara dibangkitkan, perbahasan baru yang ditimbulkan saya juga hargai. Mudah-mudahan ianya membawa manfaat. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail. Dia sampai-sampai, dia kata dia datang sendiri sebagai Menteri. Dia bagi kita penghormatan. Tahniah kepada dia ya. Dia nampak yang itu ini semua orang-orang veteran profesional dan dia datang.

Saya mengucap terima kasih Yang Berhormat Menteri sanggup hadir kepada kami. Berkisar ke hari ini, dia punya persoalan ialah makan, perut, buang dia kata. Nampak dia ingat itu. Apa yang penting dia kata, bak kata pantun orang Melayu.

*Di tepi sawah ada telaga;
Tempat budak menumpang mandi;
Emas perak ada harga;
Pokok pangkalnya perut perlu berisi... [Tepuk]*

Itu dia perut perlu berisi. Sekali lagi saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih Yang Berhormat ya.

Sekarang saya menjemput pula Menteri Kementerian Kerja Raya.

3.16 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang turut menyentuh isu-isu di bidang kuasa Kementerian Kerja Raya pada minggu lalu.

Terima kasih atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan itu. Saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab isu-isu yang dibangkitkan, izinkan saya memaklumkan bahawa secara keseluruhan bagi bajet mengurus B.27 yang akan diterima oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2019 adalah sebanyak RM1.048 bilion iaitu berkurangan 47.67 peratus berbanding RM2.004 bilion yang diterima pada tahun 2018.

Pengurangan yang ketara berlaku di butiran-butiran program khusus di bawah skop penyelenggaraan Jalan Persekutuan daripada RM400 juta pada tahun 2018 kepada RM100 juta pada tahun 2019, di mana terdapat pengurangan sebanyak RM300 juta.

■1520

Berkenaan dengan peruntukan penyelenggaraan yang dikurangkan Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 November 2018 telah memberikan jaminan akan menyalurkan peruntukan tambahan bagi program khusus jalan persekutuan berjumlah RM610 juta untuk menampung kekurangan peruntukan yang diterima oleh kementerian ini untuk tahun 2019. Terima kasih Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mulakan dengan menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen mengenai lorong motosikal. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian mengambil langkah yang sewajarnya dalam mengenal pasti lorong motosikal yang perlu di naik taraf. Bagi lorong motosikal di Lebuhraya Persekutuan iaitu dari seksyen 26.30 ke seksyen 34.40 FT 002 Lebuhraya Persekutuan Daerah Petaling yang skop kerja adalah membina dua jejambat motosikal dan menaik taraf sistem saliran.

Kerja-kerja pembinaan telah bermula pada 19 Jun 2017 dengan kos projek bernilai RM28,802,895.54. Kemajuan kerja di tapak adalah sebanyak 99.5 peratus dan baki kerja yang tinggal adalah pemasangan longkang di Jambatan Klang *bound* serta pembaikan lampu jalan yang sering mengalami masalah kecurian- lampu jalan pun kena curi dalam kawasan projek. Itulah dia Malaysia tanah air ku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian telah menjalankan kerja-kerja transformasi terowong motosikal di tiga buah terowong di laluan motosikal FT 002 Daerah Petaling dengan kos bernilai RM1,000,073,901.82. Kerja-kerja transformasi ini telah disiapkan sepenuhnya pada 20 November 2018. Antara kerja-kerja yang terlibat ialah satu terowong Sungei Way- membaik pulih dinding terowong, mengecat permukaan jalan dengan warna *colored pave*, memasang perabot jalan.

Kedua, terowong Nanyang Siang Pau- membaik pulih dinding terowong, mengecat permukaan jalan dengan warna *colored pave* dan memasang perabot jalan.

Ketiga, terowong Jalan Utara, membaik pulih dinding terowong, mengecat permukaan jalan dengan warna *colored pave* dan memasang perabot jalan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kekurangan atau papan tanda yang tidak cukup. Papan tanda baru akan dipasang selepas projek membina dua jejambat motosikal dan menaik taraf sistem perparitan lorong motosikal EFT 002 Lebuhraya Persekutuan Daerah Petaling disiapkan terutamanya bagi laluan susur keluar dan susur masuk.

Pihak Jabatan Kerja Raya telah membuat pemantauan dan audit keselamatan dalam kawasan projek bagi laluan motosikal yang di naik taraf iaitu pada 24 Oktober 2018 dan 13 Disember 2018- baru lagi. Segala aspek keselamatan termasuk papan tanda dalam teguran audit akan dipasang oleh pihak kontraktor sebelum jalan tersebut dibuka kepada pengguna lorong motosikal tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa melaksanakan kerja penyenggaraan berkala *pavement* dan berkala bukan *pavement* bergantung kepada kelulusan peruntukan semasa ke semasa. Kementerian sentiasa komited dalam memastikan semua jalan persekutuan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi lorong motosikal di lebuhraya pula untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator lebuhraya-lebuhraya yang mempunyai laluan khusus motosikal adalah seperti berikut:

- (i) Lebuhraya Shah Alam-KESAS sepanjang 34.5 kilometer;
- (ii) Lebuhraya Butterworth-Kulim sepanjang 17.8 kilometer;
- (iii) Lebuhraya Shah Alam-Kuang sepanjang 25 kilometer; dan
- (iv) Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah sepanjang 24 kilometer;

Laluan khusus motosikal tersebut telah dibina seperti mana dalam perjanjian konsesi. Syarikat konsesi juga perlu memastikan laluan khusus tersebut sentiasa dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lebuhraya Shah Alam-KESAS, dan Lebuhraya Shah Alam ke Kuang GCE, pengguna dibenarkan menggunakan laluan utama lebuhraya dari jam 11.00 malam hingga 6.00 pagi atas faktor keselamatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat lebuhraya yang dikawal selia oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) adalah lebuhraya penswastan dan tiada permohonan diperuntukkan daripada kerajaan untuk kerja-kerja penyelenggaraan. Selain itu, Lebuhraya Persekutuan 2, Sungai Rasau ke Batu Tiga yang mempunyai lorong motosikal telah

diserahkan kepada pihak Jabatan Kerja Raya setelah tamatnya kutipan tol pada 31 Disember 2017 yang lalu.

Bagi isu pengurusan trafik, Kementerian Kerja Raya melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sentiasa memantau perubahan aliran trafik di dalam projek-projek di bawah seliaan jabatan. Jabatan ini yang melibatkan pembinaan lebuhraya bertol. Perubahan aliran trafik ini perlu dibuat di bawah skim pengurusan trafik di mana pihak jurutera perunding melalui pegawai pengurusan trafik yang kompeten akan menyemak perubahan aliran trafik termasuk keperluan papan tanda sementara.

Tuan Yang di-Pertua, pengubahsuaian aliran trafik ini dipantau dengan teliti dan segala ketidakpatuhan oleh syarikat konsesi akan dikenakan penalti dan juga denda bagi memastikan keperluan pengguna dititikberatkan.

Pihak konsesi juga akan mengedarkan maklumat-maklumat perubahan aliran trafik di kawasan penduduk sekitar jika terlibat seperti hebahan di masjid, rumah ibadat lain, balai raya, sekolah, dan juga plaza tol di samping hebahan yang dibuat melalui media seperti surat khabar, *Twitter*, *Facebook* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada isu yang seterusnya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris mengenai pembinaan sambungan LPT ke Kelantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kajian kemungkinan awalan projek LPT3 ini telah disiapkan oleh kementerian ini pada tahun 2009 lagi.

■1530

Hasil daripada kajian tersebut, cadangan jajaran yang dipilih ialah dari Kampung Gemuroh, Kuala Terengganu hingga Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 143 kilometer di mana melibatkan tiga daerah di Terengganu, Kuala Terengganu, Setiu dan Besut. Manakala lima di Kelantan iaitu Pasir Puteh, Bachok, Kota Bharu, Pasir Mas dan Tumpat. Berdasarkan kajian tersebut, Projek LPT3 ini berpotensi dilaksanakan secara kaedah penswastan. Pertimbangan sama ada kerajaan akan melaksanakan Projek LPT3 ini atau tidak, akan dimuktamadkan setelah kementerian ini berbincang dan mendapat nasihat daripada agensi-agensi Pusat yang lain iaitu Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sedikit lagi penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Saya ada menyebut dan bermula daripada memastikan

pembangunan seimbang dengan peruntukan sebanyak RM926 juta untuk membina dan menaik taraf jalan raya, jalan luar bandar dan jambatan. Jadi, saya ada tiga pilihan daripada sini, pilihan pertama ialah sambungan pembinaan Lebuhraya Simpang Pulai ke Kenyir.

Kedua, sambungan LPT3 seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Ketiga, laluan jajaran pantai. Salah satu daripada tiga, itu maksud saya daripada peruntukan RM926 juta. Adakah ini teragih ke negeri Terengganu ataupun tidak untuk tahun 2019? Itu Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, jalan raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang, di mana jajaran jalan raya yang saya sebutkan ini sepanjang 304 kilometer merupakan jajaran jalan *East-West Corridor*, dengan izin, yang baharu dalam *Highway Network Development Plan (HNDP)*, dengan izin.

Daripada keseluruhan panjang jajaran jalan, termasuk tiga pakej yang belum disiapkan iaitu satu, Pakej 6A dari Aring ke sempadan Kelantan dan Terengganu dengan panjangnya 20 kilometer, sebuah projek yang sekarang dalam peringkat pembinaan.

Kedua iaitu Pakej 8, Kampung Jeneris ke Kuala Telemong sepanjang 15.75 kilometer, sebuah projek yang di bawah RPT3 dalam RMKe-11 adalah dalam peringkat reka bentuk dan jangka tender pada akhir tahun 2019.

Ketiga iaitu Pakej 7C, dari Tasik Kenyir ke Kampung Jeneris sepanjang 11 kilometer belum diluluskan dan melibatkan skop naik taraf jalan sedia ada kepada piawaian R5. Untuk masa ini, itu sahaja yang boleh saya jelaskan kepada Yang Berhormat. Sekiranya pihak kerajaan memutuskan dalam masa selepas ini, barulah *insya-Allah* saya boleh menjawab secara khusus kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh, mengenai senarai projek-projek yang telah diluluskan dan ditangguhkan di Terengganu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator- Yang Berhormat Senator tidak ada di sini tetapi bolehlah sampaikan sebab kita harus minit, harus kita masuk dalam *Hansard*. Sampaikan salam kita di kementerian supaya makluman ini sampai kepada beliau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebanyak enam buah projek yang telah diluluskan dalam tempoh RP1 sehingga RP4 dalam RMKe-11 adalah seperti berikut:

- (i) mereka bentuk dan membina jalan baharu Kampung Keruak, Besut ke jalan baharu Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang. Ini lulus dalam RP1;
- (ii) menaik taraf dan meninggikan aras jalan Chukai ke Air Putih, Sungai Pinang, Kemaman, Terengganu dalam Fasa 2 bagi Segmen 4 dan Segmen 5 telah lulus dalam RP1;
- (iii) menaik taraf Jalan Persekutuan FT237 dari *exit* Chukai LPT2 menuju ke FT003 Kemaman, Terengganu telah diluluskan dalam RP1;
- (iv) membina jalan raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang, Pakej 6A dari Aring ke sempadan Kelantan dan Terengganu telah lulus dalam RP1;
- (v) jalan raya Simpang Pulai-Gua Musang-Kuala Berang bagi Pakej 8 dari Kampung Teris ke Kuala Telemong dalam Fasa 2 dan Fasa 3 Hulu Terengganu, Terengganu diluluskan dalam RP3; dan
- (vi) menyiapkan jalan raya Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang Pakej 6A dari Aring ke sempadan Kelantan dan Terengganu, telah diluluskan dalam RP3.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bagi projek yang berstatus batal pula ialah projek membina jalan baharu Kampung Keruak, Besut ke jalan baharu Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang-Kuala Berang. Manakala, bagi permohonan projek-projek RP5 dalam RMKe-11 pula, kementerian ini sedang menyelaras permohonan dari semua negeri untuk diangkat ke agensi Pusat bagi tujuan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Rabyah binti Ali pula membangkitkan tentang projek jalan-jalan baharu dan apakah impak kepada kawasan sekitar dan penggunaan *rubber-coal mix* dalam projek pembinaan jalan-jalan tersebut?

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator- Ahli Yang Berhormat Senator ada ya? Senarai projek jalan baharu yang telah diluluskan oleh agensi Pusat di dalam *Rolling Plan* Keempat RMKe-11 adalah seperti berikut:

- (i) *Central Spine Road (CSR)* Pakej 4 iaitu Kampung Bapong-Penjom-Sega Lama-Kuala Dong;
- (ii) membina Lebuhraya Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan Pakej 2C dan 3A dari Kok Lanas ke Bukit Tiu;

- (iii) menaik taraf Laluan 64 iaitu jalan Benta-Jerantut-Maran dalam Fasa 3 Segmen 1;
- (iv) membina *directional ramp*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di persimpangan Senai-Desaru Expressway; dan
- (v) projek menaik taraf jalan FR03 dari persimpangan Jabor, Jerangau ke persimpangan Sungai Ular Kuantan, Pahang.

■1540

Pakej kedua persimpangan bertingkat Jabor-Jerangau ke persimpangan Pelabuhan Kuantan, Pahang. Pendekatan pembinaan jalan baharu tersebut mengambil perhatian kepada pembangunan koridor sekitar dan berdasarkan kepada pelan induk rangkaian pembangunan jalan raya juga berasaskan aspek keperluan teknikal seperti tahap perkhidmatan jalan *level of service* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Isi padu trafik, keselamatan jalan raya, rancangan tempatan dan lain-lain ini juga selaras dengan saranan kementerian untuk menetapkan *Key Performance Index* (KPI) dengan izin Tuan Yang di-Pertua bagi pembinaan jalan-jalan baharu untuk mengguna pakai teknologi baharu seperti mohon izin Tuan Yang di-Pertua *Cuplump Modified Asphalt* (CMA), *Polymer Modified Asphalt* (PMA) sebanyak lima peratus daripada keseluruhan panjang projek jalan baharu tersebut. *Rubber cool mix* yang dimaksudkan ialah merujuk kepada *Cuplump Modified Asphalt* seperti mana istilah yang digunakan sebelum ini.

Setakat ini, penggunaan *cuplump rubber* dalam pembinaan turapan jalan masih lagi di peringkat kajian di antara pihak JKR dengan pihak Lembaga Getah Malaysia. Apabila kajian tersebut siap kelak, bahan tersebut akan digunakan secara meluas di dalam pembinaan jalan raya. Walau bagaimanapun, di bawah projek lulus bukan fizikal RP4 RMKe-11, kajian penggunaan CMA telah diluluskan sebanyak RM5 juta.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip mengenai pelebaran lebuh raya Utara Selatan terutamanya dari Melaka ke Johor Bahru, pihak kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sedar akan masalah kesesakan Lebuhraya Utara-Selatan dari Melaka ke Johor Bahru. Walau bagaimanapun, kesesakan tersebut hanya berlaku pada waktu-waktu tertentu secara khusus seperti pada waktu cuti hujung minggu yang panjang, musim cuti persekolahan dan pada musim perayaan sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebarang kerja-kerja pelebaran dan penambahan lorong lebuh raya adalah dilaksanakan mengikut kepada keutamaan bagi lokasi-lokasi yang mengalami kesesakan teruk setiap hari.

Dato' Zahari bin Sarip: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas maklum balas yang diberikan tentang pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan daripada Melaka ke Johor Bahru. Saya tidak pasti sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah melalui lebuh raya ini ke Johor Bahru atau mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya menggunakan kapal terbang. Sebab rata-rata di kalangan kita yang menggunakan lebuh raya ini mendapati bahawa ia bukan sesak waktu hujung minggu yang panjang sahaja, kerana mana mungkin Lebuhraya Utara-Selatan yang menjadi lebuh raya utama negara hanya ada dua lorong pergi dan dua lorong balik.

Jadi saya harap dalam hujah saya ataupun perbahasan saya, saya cuma minta kementerian menyatakan adakah kajian sebelum ini dilakukan dan statusnya, kalau status menyatakan bahawa ia tidak ada keperluan, tidak sesak hanya sesak hujung minggu, saya fikir ia bukan satu kajian yang lengkap. Jadi saya harap agar kementerian mengkaji semula tentang keperluan pelebaran lebuh raya ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu kita alu-alukan tidak bererti bahawa setiap kajian yang tidak sudah buat sebelum ini adalah tetap, mutlak dan tidak boleh dikaji lagi. Saya percaya LLM JKR khususnya dari semasa ke semasa sentiasa melakukan kajian-kajian baharu dan apabila soal aliran trafik ini sampai kepada peringkat yang memerlukan segera supaya kita mengkaji dan kita mengemukakan supaya kerajaan mempertimbangkan pelebaran itu, saya percaya ini akan berlaku.

Cuma kita berdasar kepada laporan yang kita terima setakat ini dan saya percaya setelah dibangkitkan lagi oleh Yang Berhormat yang sangat prihatin maka sudah tentulah mesti dibuat kajian selanjutnya.

Dato' Zahari bin Sarip: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cuma hendak respons tentang persetujuan kerajaan terdahulu untuk melakukan pelebaran lebuh raya ini, adakah pegawai yang mengkaji tentang keperluan pelebaran ketika kerajaan dahulu berbeza dengan pegawai yang sedang membuat kajian hari ini? Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bajet belum ada saya terima.

Akan tetapi, kalau kata tidak ada keperluan pelebaran lebuh raya antara Melaka ke Johor Bahru saya fikir ini kurang tepat, sebab pegawai yang membuat kajian saya fikir pegawai yang sama, kenapa dahulu boleh besarkan sekarang tidak boleh. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sekarang bajet tidak ada, kita terpaksa bayar hutang, saya terima.

Akan tetapi, kalau kata tidak ada keperluan kerana tidak ada kesesakan saya fikir ini tidak boleh terimalah, terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Ya mungkin pegawai itu pegawai yang sama daripada waktu dahulu kerajaan yang sebelum dan kerajaan sekarang mungkin juga tidak sama tetapi soal itu saya ingat bukan isunya yang penting *insya-Allah* kita cari jalan supaya lebuh raya akan di *improve*, dengan izin, dan tidak usahlah kita bangkitkan hal-hal yang tidak pun nantinya mempercepatkan apa yang kita- terima kasih Yang Berhormat Senator.

Saya menyambung, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator sebarang kerja-kerja pelebaran dan penambahan kos lorong lebuh raya adalah dilaksanakan mengikut kepada keutamaan bagi lokasi-lokasi yang berkenaan, kerja-kerja pelebaran lorong ketiga di seksyen Seremban ke Ayer Keroh dan Rawang ke Tanjong Malim dan yang terkini pembinaan lorong keempat Lebuhraya Utara-Selatan di seksyen Shah Alam dan Rawang, Jalan Duta dan Nilai Utara ke Sungai Buloh yang sedang dilaksanakan selaras dengan penstrukturan semula syarikat konsesi PLUS.

Berhubung dengan cadangan pelebaran lebuh raya dari Melaka ke Johor Bahru dari dua lorong ke tiga lorong pihak kerajaan ketika ini tiada perancangan untuk melaksanakan dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun, kajian kemungkinan *feasibility study*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, akan dilaksanakan oleh pihak PLUS dengan mengambil kira semua aspek keperluan, pihak PLUS telah pun diarahkan untuk membuat kajian *feasibility* itu.

Bagi projek pelebaran Jalan Segamat-Tangkak bagi Pakej 1A dan 4, permohonan telah pun diangkat untuk kelulusan sepanjang tempoh RMKe-11 seperti berikut, Pakej 1A itu telah dimohon semasa dalam RP1 dan RP4, Pakej 4 telah dimohon semasa dalam RP1 dan RP3. Namun demikian, pelaksanaan bagi kedua-dua pakej tersebut adalah secara berperingkat mengikut keutamaan kelulusan agensi pusat serta kewangan semasa.

■1550

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid yang membangkitkan tentang pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan. Tidak ada juga? So, sebab yang lain-lain tadi saya sebut, saya teruskanlah sedikit. Ini untuk kepentingan pengetahuan semua.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pertambahan jumlah kenderaan menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) saban tahun menyebabkan lebuh raya tersebut tidak dapat menampung kapasiti kenderaan pada waktu puncak, termasuk pada musim perayaan dan juga cuti persekolahan. Kementerian Kerja Raya sentiasa prihatin terhadap kesesakan yang sering berlaku ini dan sentiasa proaktif di dalam mencari kaedah bagi mengurangkannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, perjanjian konsesi antara pihak kerajaan dan PLUS adalah termasuk kerja-kerja pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan yang melibatkan jajaran Rawang ke Shah Alam, Bukit Lanjan ke Jalan Duta dan Nilai ke Seremban.

Semua skop kerja-kerja pelebaran jalan ini telah disiapkan oleh pihak PLUS. Pelebaran lebuh raya di jajaran Slim River ke Perlis seperti yang dicadangkan Yang Berhormat Senator tidak termasuk dalam perjanjian konsesi ini dan pihak kementerian masih belum mempunyai perancangan khusus mengenainya. Namun demikian, antara langkah yang diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan kesesakan di Lebuh Raya PLUS di bahagian utara adalah dengan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat, *West-Coast Expressway*, dengan izin.

Pada masa kini, kemajuan Lebuh Raya WCE telah mencapai *progress* keseluruhan 60 peratus dan ia akan dibuka secara berperingkat kepada pengguna beberapa hari sahaja lagi mulai tahun depan. Keseluruhan Projek Lebuh Raya WCE dijangka akan disiapkan pada tahun 2022. Sehubungan itu, dengan siapnya Lebuhraya Pantai Barat ini kelak, ia akan menjadi alternatif kepada Lebuhraya Utara-Selatan, dapat seterusnya akan mengurangkan kesesakan di lebuh raya tersebut di bahagian Selangor, utara dan Perak.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sekarang isu Pan Borneo. Isu terakhir untuk penggulungan kementerian kami pada hari ini berkenaan Lebuhraya Pan Borneo yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, proses pengambilan tanah dan penilaian pampasan tanah bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo dibuat oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Negeri Sarawak menerusi Jabatan Tanah dan Ukur Sabah dan Jabatan Tanah dan Survei Sarawak. Proses tersebut dilaksanakan berdasarkan dengan Pelan Pengambilan Balik Tanah, *Land Acquisition Plan* (LAP), dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Seiring dengan keperluan semasa proses pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo, Kementerian Kerja Raya akur kepada mekanisme dan prinsip pembayaran pampasan bagi tanah-tanah yang terlibat yang dibuat berdasarkan Undang-undang Kanun Tanah Negeri Sabah dan Negeri Sarawak.

Dalam hal ini, Kementerian Kerja Raya bekerjasama dengan kerajaan negeri dan pihak rakan pelaksana projek yang dilantik bagi memastikan proses pengambilan balik tanah menggunakan segera berdasarkan status tanah dan nilai harga tanah di pasaran yang meliputi semua komponen di atas tanah, termasuk tanah serta pembangunan di atas tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, selain daripada Pan Borneo, pihak kementerian mempunyai perancangan yang lengkap untuk membina rangkaian Jalan Persekutuan yang baru ataupun untuk menaik taraf rangkaian Jalan Persekutuan yang sedia ada di negeri Sabah dan di negeri Sarawak.

Ini termasuk juga Wilayah Persekutuan Labuan demi untuk merancakkan kegiatan dan pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri tersebut. Pelan perancangan ini telah dibutirkan secara terperinci di dalam Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak yang telah disediakan sejak tahun 2010 lagi. Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDR) tersebut adalah merupakan pelan induk bagi tujuan perancangan jalan di negeri Sabah dan negeri Sarawak sehingga tahun 2025.

Sekiranya peruntukan yang diperlukan disediakan, maka perancangan untuk membina jalan-jalan baru dan juga menaik taraf jalan-jalan sedia ada yang akan melintasi kawasan-kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak akan dapat dilaksanakan sebelum tahun 2025. Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kementerian kini sedang menjalankan penelitian bagi mengenal pasti jajaran terbaik fasa dua Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang tidak melalui negara Brunei Darussalam.

Di samping mengambil kira implikasi kos dan implikasi teknikal, pemilihan jajaran tersebut akan mengambil kira keperluan penduduk, khususnya di kawasan pedalaman di Miri, Limbang dan Lawas. Apa pun Tuan Yang di-Pertua, keputusan Jemaah Menteri akan memutuskan soal ini sebab soal besar, soal jajaran ini tidak berapa lama lagi. Saya percaya, dalam bulan Januari atau selewat-lewatnya dalam bulan Februari, keputusan akan diambil oleh pihak Jemaah Menteri. Tuan Yang di-Pertua, dengan penggulangan itu... *[Disampuk]*

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mohon mencelah. Sebenarnya saya ada juga membangkitkan soal Lebuhraya Pan Borneo ini.

Soalan saya ialah, adakah peruntukan yang diberi kepada negeri Sarawak dalam belanjawan ini iaitu berjumlah RM4.346 bilion, adakah peruntukan ini termasuk juga peruntukan untuk kita meneruskan pembinaan Pan Borneo yang ada berjalan sekarang ini? Ini kerana biasanya pada masa yang lalu, perbelanjaan atau peruntukan untuk Pan Borneo ini

adalah *on the top*. Bermakna, Pan Borneo ini tidak termasuk dalam peruntukan tahunan tetapi ia satu peruntukan yang lain digunakan.

Jadi, adakah kebetulan ini bermaksud bahawa peruntukan Pan Borneo itu di masuk dalam RM4.346 bilion ini. Jadi, sama ada ini adalah dalam bidang kuasa kementerian untuk menentukan berapa diperuntukkan untuk Pan Borneo pada tahun ini. Jadi, senang kita tahu bahawa berapa bermakna selebihnya adalah untuk pembangunan biasa. Jadi, ini tidak begitu jelas di dalam pembentangan belanjawan ini. Jadi, biar kita mengetahui hal tersebutlah.

Kedua ialah saya hanya hendak memberi cadangan di sini bahawa saya difahamkan peruntukan untuk penyelenggaraan Jalan Persekutuan ada kekurangan, berkurangan. Jadi, pandangan saya di sini ialah kalau di Sarawak sebahagian Jalan Persekutuan adalah merupakan jalan protokol yang letaknya di dalam bandar, yang ada kalanya macam *gateway* kepada Bandaraya Kuching misalannya.

Jadi kalaulah *maintenance funds*nya berkurangan, saya takut bahawa kita akan saya takut bahawa kita akan mengurangkan kerja-kerja untuk penyelenggaraan jalan. Jadi, kita takut bahawa adanya pemotongan rumput dijarangkan.

■1600

Jadi kalaulah jalan raya Persekutuan merupakan *protocol road*, rumputnya tidak begitu di-*maintain*, ia memberikan satu imej yang tidak baik kepada negara kita. Hal ini kerana apabila adanya pelawat ataupun pembesar-pembesar datang ke negara kita menerusi *protocol road*, mereka melihat bahawa jalan kita tidak begitu terurus, tidak begitu diberi perhatian *maintenance*, rumputnya panjang dan sebagainya.

Jadi, ini memberikan satu imej yang tidak baik kepada negara kita. Saya harap perkara ini boleh dilihat demi menjaga imej negara kita. Oleh kerana ini adalah dalam protokol, dalam Persekutuan. Jadi ia merupakan satu *gateway* kepada negara kita ataupun kepada negeri-negeri ataupun bandar raya-bandar raya di negara kita. Jadi saya harap mendapat perhatian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Timbalan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan jawapan secara pasti. Saya percaya ini boleh dijawab nanti, kemudian. Kita boleh hubungi dan kita sampaikan secara bertulis kepada soal kedudukan peruntukan itu. Apa yang disebut, yang dimaklumkan bahawa peruntukan keseluruhan untuk pembangunan adalah sebanyak RM6.115 bilion adalah termasuk peruntukan untuk Lebuhraya Pan Borneo iaitu sebanyak RM2 bilion. Ini sahaja yang boleh saya berikan maklumat. Kalau sekiranya berlaku

sebarang kesilapan, kita akan betulkan nanti. Akan tetapi, menurut apa yang diberitahu bahawa yang sebanyak RM6.115 bilion itu adalah termasuk peruntukan untuk Lebuhraya Pan Borneo sebanyak RM2 bilion.

Berkenaan isu pemotongan skop kerja kerana penjimatan dan kerana penyelenggaraan ini. Kita- isu potong rumput dan sebagainya, kerja pembersihan perabot jalan bagi bulan November dan Disember 2018. Perkara ini merupakan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan bagi mendapatkan penjimatan untuk membiayai sebahagian bayaran penyelenggaraan kerja berkala, turapan dan bukan turapan yang telah dilaksanakan pada tahun 2018.

Bagi tahun 2019, Yang Berhormat Senator, kementerian ini akan berbincang semula dengan Kementerian Kewangan bagi melaksanakan skop penuh penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan memandangkan Kementerian Kewangan telah memberikan jaminan peruntukan tambahan untuk tahun 2019 melalui surat bertarikh 13 November 2018 iaitu sebanyak RM610 juta.

Jadi buat masa ini, itulah kita pun memang tidak senang untuk melihat keadaan jalan-jalan yang macam Yang Berhormat Senator sebut, jalan protokol dan sebagainya tadi. Rumputnya panjang dan- kerana ia tidak dipotong, kerana bajet sudah terpotong. Walau bagaimanapun, saya percaya ini tidak...

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Timbalan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: ...Akan selamanya begitu. Kita akan terus berbincang dengan agensi pusat, dengan Kementerian Kewangan untuk selanjutnya. Untuk tahun depan, peruntukannya kita tidak lagi- kalau *last* dua bulan yang lepas, ada yang terpaksa kita tangguhkan. Akan tetapi mulai bulan Januari, Februari saya percaya isu ini tidak akan ditimbulkan lagi kerana ia- pemotongan rumput dan sebagainya, bajetnya akan dikembalikan untuk tahun 2019. Silakan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak bangkitkan kerana saya telah dimaklumkan oleh Kementerian kewangan (MOF), peruntukan itu tahun 2018 memang diperuntukkan untuk 12 bulan. Akan tetapi, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kontraktor-kontraktor pentadbiran lama ini, mereka sering kali mengguna pakai, *advance*-kan peruntukan itu supaya dia dapat menambah lagi peruntukan.

So, dia habiskan dahulu peruntukan. Itulah puncanya mengapa kerja-kerja pemotongan rumput, peruntukan sudah habis dipakai. Ini adalah amalan pentadbiran kroni-

kroni yang dahulu. Oleh itu, kita kena hentikan dan kita harap pada tahun depan perkara ini tidak akan diulangi. Itu puncanya saya dimaklumkan oleh MOF untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Terima kasih, Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong kerana memberikan lagi pencerahan kepada isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua, setelah membentangkan dengan agak terperinci dengan angka-angka yang menjemukan dan membosankan kadang kali, saya dengan ini menamatkan ucapan penggulungan saya bagi Bajet 2019 yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan mahupun ketidakpuasan hati, bantahan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini akan sentiasa diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir yang telah memberikan pengulasan yang panjang lebar dan terperinci. Terima kasih sekali lagi kepada Timbalan Menteri Kerja Raya itu. Sekarang, saya hendak menyambung pula kepada Kementerian Luar Negeri. Dipersilakan.

4.07 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas penglibatan tiga ahli Yang Berhormat Dewan Negara iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang menyentuh isu di bawah seliaan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali bagi menjawab isu berkaitan pertikaian sempadan udara dan maritim antara negara Singapura dan- yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman yang memohon penjelasan kerajaan berkenaan, apakah usah dan tindakan yang dilakukan oleh kerajaan berkenaan isu pertikaian ini? Bilakah Malaysia akan memuktamadkan kedua-dua pertikaian ini agar kedaulatan Malaysia terus terpelihara?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dan Singapura merupakan negara jiran terdekat dan turut berkongsi sempadan maritim. Untuk makluman, terdapat beberapa kawasan maritim

antara kedua-dua negara yang masih belum diselesaikan sempadannya. Dalam hal ini, kedua-dua negara perlu mengambil pendekatan yang positif dan berhemah dalam menangani isu yang timbul.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, maaf. Sekejap.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

■1610

Dato' Haji Marzuki bin Yahya: Jadi, bagi menangani isu bersepadan maritim ini, Malaysia telah mengambil beberapa pendekatan dan cadangan kepada pihak Singapura iaitu rundingan yang dicadangkan pada pertengahan Disember 2018 dan juga tindakan *cease and desist* iaitu kedua-dua negara menarik balik aset-aset daripada kawasan tersebut. Tindakan *cease and desist* adalah tanpa prejudis terhadap tuntutan masing-masing di kawasan tersebut. Pos 25 Oktober 2018, namun begitu pihak Singapura telah menolak kedua-dua cadangan tersebut dan memberi cadangan balas agar Malaysia sahaja yang mengambil pendekatan *cease and desist* tersebut. Pada masa yang sama, pihak Singapura bersetuju agar rundingan bagi menyelesaikan perkara ini diadakan dalam bulan Januari 2019.

Walaupun Malaysia tidak bersetuju dengan cadangan *cease and desist* secara sehalu oleh Singapura, Malaysia telah memastikan agar situasi adalah reda, *de-escalated* dan tiada peningkatan situasi bagi membolehkan perbincangan kedua-dua negara dapat diadakan dalam keadaan yang baik. Dalam hal ini, Malaysia akan terus mengekalkan keberadaan aset negara di kawasan tersebut dan dalam masa yang sama mengekalkan pendekatan aman dan tenang dalam menangani isu ini dengan pihak Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan terus komited menyelesaikan perkara ini dengan pihak Singapura secara diplomasi dan dalam masa yang sama memberi jaminan bahawa hak dan kedaulatan negara tidak akan sesekali di kompromi. Rundingan kedua-dua negara hanya akan bermula pada bulan Januari 2019. Namun, bilakah rundingan ini akan dimuktamadkan, tidak dapat ditentukan masanya. Bagi maklum balas berhubung isu ruang udara pula, saya harap dapat diutarakan kepada Kementerian Pengangkutan kerana ini lebih kepada Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, selanjut bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Nuridah bt Mohd Salleh yang membangkitkan isu berkaitan penindasan etnik Uighur di

Xinjiang, China dan bertanyakan apakah inisiatif kerajaan dalam membantu golongan tertindas ini serta adakah wujud kerjasama kerajaan dengan negara-negara berpengaruh, termasuk OIC untuk menangani masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sentiasa mengambil pendekatan secara berhati-hati dalam menyatakan pendiriannya terhadap permasalahan yang berlaku di sesebuah negara. Pendekatan ini mengambil kira dasar Kerajaan Malaysia yang tidak akan mencampuri urusan dalaman negara tersebut tanpa sebab yang munasabah. Namun demikian, kerajaan mengutuk segala bentuk penindasan ke atas mana-mana kumpulan etnik atau minoriti selagi mana perjuangan hak asasi mereka berpaksikan kepada undang-undang dan perlembagaan negara berkenaan.

Merujuk kepada apa yang berlaku terhadap kaum minoriti Uighur di Xinjiang, Malaysia telah menyuarakan pandangan dan saranannya di pentas antarabangsa supaya negara China terus memastikan hak dan kebebasan beragama serta keharmonian masyarakatnya terpelihara.

Semasa sesi ke 45, Majlis Menteri Luar Negeri Pertubuhan Persidangan OIC di Dhaka, Bangladesh pada bulan Mei 2018 yang lalu, Malaysia bersama negara-negara OIC yang lain telah memohon agar Setiausaha Agung OIC terus mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan China bagi menyuarakan pandangan mengenai isu masyarakat minoriti Islam. Justeru itu, Kerajaan Malaysia juga sentiasa memantau perkembangan di wilayah berkenaan dan akan terus berusaha untuk mencari penyelesaian yang terbaik bagi isu ini melalui forum kerjasama serantau dan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak banyak soalan. Jadi, saya rasa itulah jawapan yang saya sampaikan. Maka, demikian sahaja penjelasan saya mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri semasa pembahasan Rang Undang-undang Pembekalan 2019. Bagi pihak kerajaan, kami di Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih dan akan mengambil perhatian terhadap segala saranan daripada Ahli-ahli Senator Dewan Negara dalam memantapkan lagi tugas dan tanggungjawab kami kepada semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini adalah kerana Yang Berhormat Menteri sudah jawab berkenaan dengan urusan luar negara pada sesi jawab lisan. Silakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Industri Utama.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh,* salam sejahtera, salam Malaysia Baharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan isu dan pandangan berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Industri Utama dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di Dewan Negara yang mulia ini.

*Waktu pagi mendung selalu;
Hujan renyai membasahi bumi;
Terima kasih para Senator ku;
Kerana sudi tanyakan kami... [Tepuk]*

Kementerian juga merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Menteri Kewangan yang telah membentangkan Belanjawan 2019 ini yang bertemakan “Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik” dan juga “Rakyat Sejahtera”. Di bawah Belanjawan 2019 yang dicadangkan ini, Kementerian Industri Utama telah diperuntukkan sebanyak RM506.96 juta iaitu sebanyak RM125.6 juta bagi maksud Perbelanjaan Mengurus dan RM381.36 juta bagi maksud Perbelanjaan Pembangunan Sektor Agri Komoditi.

Sektor Agri Komoditi yang ketika ini meliputi industri sawit, getah, kayu kayan, koko, lada dan kenaf adalah salah satu penyumbang utama kepada pendapatan eksport dan pemangkin yang signifikan kepada pembangunan sosioekonomi negara. Produk-produk berasaskan agri komoditi ini telah dieksport ke hampir 160 buah negara di seluruh dunia. Pada tempoh Januari hingga Oktober 2018, nilai eksport sektor ini adalah sebanyak RM107.2 bilion ataupun 12.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk penggulungan ini saya akan memberikan maklum balas dan penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator melalui enam urutan topik seperti berikut:

- (i) isu kemerosotan harga dan kebajikan pekebun kecil, komoditi sawit dan getah;
- (ii) langkah-langkah menangani kempen anti minyak sawit;
- (iii) penetapan harga lantai bagi komoditi sawit dan getah;
- (iv) kos menjalankan pensijilan minyak sawit mampan Malaysia atau lebih dikenali dengan MSPO;

- (v) kajian semula Dasar Komoditi Negara; dan
- (vi) jumlah pengusaha getah yang berdaftar di Sarawak dan jumlah bantuan yang telah pun diterima.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu pertama adalah berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang dan Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin mengenai usaha menstabilkan harga komoditi sawit dan meningkatkan volum eksport minyak sawit di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa peka dan prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pengusaha dan pekebun kecil sawit yang terkesan dengan penurunan harga sawit pada ketika ini. Beberapa tindakan segera sedang diambil bagi menstabilkan harga komoditi ini. Antaranya dengan meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam negara melalui peningkatan adunan bio bahan api sawit dengan diesel petroleum yang dinamakan sebagai Program Biodiesel B7, adunan tujuh peratus biodiesel sawit dan 93 peratus diesel petroleum yang akan dilaksanakan secara mandatori mulai 1 Julai tahun hadapan bagi sektor industri dan Program B10 yang akan dilaksanakan secara mandatori mulai 1 Februari 2019 bagi sektor pengangkutan.

■1620

Majlis pelancaran program *biodiesel* B10 sektor pengangkutan telah pun dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 11 Disember yang lalu di Dataran Putra, Putrajaya. Implementasi program B10 untuk sektor pengangkutan ini dipercayai akan membantu meningkatkan penggunaan minyak sawit di dalam negara dan seterusnya dapat memberikan impak yang positif kepada harga minyak sawit tempatan. Kerajaan menjangkakan tambahan penggunaan sejumlah 761,000 tan minyak sawit setahun untuk tujuan pelaksanaan *biodiesel* ini.

Kementerian bercadang untuk menaikkan kadar adunan daripada B10 kepada B20 menjelang tahun 2025. Walau bagaimanapun, semasa pelancaran program B10 di sektor pengangkutan pada 11 Disember yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menekankan perlunya Malaysia untuk melaksanakan adunan lebih tinggi, dengan lebih segera dan cepat iaitu pada tahun 2020. Dalam hal ini, kementerian akan mengadakan perbincangan segera dengan semua pihak berkepentingan berkenaan cadangan mempercepatkan pelaksanaan program B20 ini.

Berdasarkan perbincangan awal, dianggarkan pelaksanaan program B20 memerlukan beberapa tahun lagi berikutan depoh adunan sedia ada hanya mampu menampung kapasiti

sehingga B10 pada ketika ini. Berdasarkan semakan pelaksanaan lampau, peningkatan adunan ke B20 memerlukan tiga tahun hingga lima tahun untuk persiapan kapasiti baharu di depoh adunan.

Selain itu, kementerian akan terus menjalankan misi ekonomi dan lawatan teknikal...

Tuan Khairul Azwan Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta mencelah sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Khairul Azwan Harun: Merujuk kepada adunan B10 itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang melibatkan pembelian minyak sawit itu daripada pengeluar-pengeluar minyak, betul? Jadi saya hendak tanya, apakah ia melibatkan dana awam, dana kerajaan untuk membeli ataupun ia merupakan kerjasama swasta-kerajaan? Minta pencerahan.

Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Haji Mohd. Akin: Tujuan kita menggunakan ataupun melancarkan program B10 ini Yang Berhormat Senator adalah untuk memastikan penggunaan minyak sawit secara domestik. Ini tentulah ia akan dilaksanakan dengan pelbagai mekanisme termasuk apa yang disebut Yang Berhormat tadi mekanisme antara kerajaan dan juga pemain-pemain swasta kerana tujuan kita adalah untuk memastikan bahawa tidak ada *stockpile* yang tinggi bagi minyak sawit ini. Boleh Yang Berhormat Senator?

Tuan Khairul Azwan Harun: Boleh nyatakan sama ada akan menggunakan dana kerajaan ataupun tidak, ataupun belum ada keputusan lagi? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Haji Mohd. Akin: Buat masa ini Yang Berhormat, kita sedang meneliti sama ada perlu atau tidak menggunakan dana kerajaan kerana dalam hal yang sama kita juga berbincang dengan pemain-pemain industri seperti Petronas, Shell dan sebagainya kerana mereka merupakan, mereka yang *operate*, dengan izin, secara *private*.

Seterusnya dalam hal ini, kementerian akan terus menjalankan misi-misi ekonomi dan lawatan teknikal bagi mengukuhkan hubungan dengan negara-negara pengimport utama produk-produk sawit Malaysia. Kementerian yakin hubungan mesra dan akrab dengan negara-negara ini akan memudahkan produk-produk sawit mendapatkan akses pasaran yang lebih meluas di negara-negara tersebut. Sebagai contoh, pertemuan antara Kerajaan Malaysia dengan China semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuahkan hasil yang positif dan inisiatif yang penting kepada Malaysia untuk mengeksport produk-produk sawit dalam jumlah yang lebih besar ke negara China.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada Ogos 2018 yang lalu, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman dengan Universiti Tsinghua di Beijing, sempena lawatan PM ke Republik Rakyat China. *MoU* ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan bio-bahan api berasaskan sawit Malaysia di China pada skala yang lebih besar dan tahap yang lebih tinggi melalui perkongsian maklumat dan teknologi di antara *Palm Oil Research and Technical Service Institute of MPOB* di Shanghai dan Universiti Tsinghua di Beijing.

Dalam masa yang sama, kementerian juga akan meneruskan strategi jangka masa panjang bagi mengukuhkan harga sawit yang merangkumi tindakan-tindakan berikut:

- (i) memperkukuhkan pasaran eksport utama sedia ada, terutamanya dengan negara Kesatuan Eropah, China, India, Pakistan dan Amerika Syarikat serta mempromosi produk-produk sawit dengan lebih agresif bagi menembusi pasaran-pasaran baharu seperti Filipina dan negara-negara Afrika Utara;
- (ii) meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan dalam penghasilan produk-produk baharu serta memberi nilai tambah kepada produk hiliran komoditi;
- (iii) melaksanakan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia yang akan dijadikan mandatori pada Januari 2020 sebagai satu langkah penjenamaan minyak sawit Malaysia yang diterima secara global dan menjadi pilihan utama pengguna;
- (iv) MSPO akan membuka akses pasaran yang lebih luas untuk pasaran minyak sawit Malaysia di negara-negara pengimport yang mengutamakan minyak sawit yang *sustainable*, dengan izin, mampan; dan
- (v) meningkatkan akses pasaran yang lebih baik melalui perundingan perjanjian perdagangan bebas dua hala dan perundingan pelbagai hala ataupun serantau.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Zahari bin Sarip. Ada di Dewan? Boleh dengan izin berikan jawapan bertulis?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat.

Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Haji Mohd. Akin: Terima kasih. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong telah mencadangkan agar

pihak kementerian mengadakan suatu perbincangan dengan Kementerian Kewangan ataupun melalui mesyuarat Jemaah Menteri untuk menyediakan subsidi atau bantuan dalam bentuk kewangan bagi tempoh kritikal ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak Kementerian Kewangan bagi memohon pertimbangan mengenai bantuan-bantuan kepada pekebun kecil komoditi. Misalnya, hasil perbincangan dan semakan semula, pihak kementerian telah berjaya mendapatkan kenaikan paras harga pengaktifan bagi harga getah skrap di ladang, daripada RM2.20 sekilogram, kepada RM 2.50 sekilogram. Pengumuman kenaikan paras bagi IPG ini, atau Insentif Pengeluaran Getah ini telah dibuat sendiri oleh Menteri Kewangan pada 21 November 2018 di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind telah mencadangkan agar pihak kementerian memperkenalkan satu skim subsidi bagi membantu pekebun kecil yang terjejas akibat kejatuhan harga komoditi sawit dan getah. Kementerian sangat prihatin dengan bebanan yang ditanggung oleh pekebun-pekebun kecil dan menyambut baik cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator. Kementerian akan meneliti cadangan ini bersekali dengan kemampuan kewangan kerajaan untuk menampung kos pelaksanaannya.

Isu yang seterusnya adalah langkah-langkah menangani kempen anti minyak sawit. Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya adalah berkaitan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fahariyah binti Haji Mohamad Nordin...

Tuan Yang di-Pertua: Tiada.

Datuk Seri Shamsul Iskandar bin Haji Mohd. Akin: Tidak ada. Mohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husin bin Awang dan Yang Berhormat Senator Datuk Zahari bin Sarip telah mencadangkan penetapan harga lantai bagi komoditi sawit dan getah bagi membantu menstabilkan pendapatan pekebun kecil komoditi ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi komoditi sawit kerajaan sedang menilai cadangan yang pernah dikemukakan sebelum ini untuk mewujudkan jaringan keselamatan sosial- *social safety net*, yang bertujuan untuk meringankan bebanan pekebun kecil, apabila harga buah tandan segar berada pada paras yang rendah. Kerajaan sedang meneliti semua aspek dengan mengambil kira faktor-faktor secara holistik, secara keseluruhan untuk memastikan pekebun kecil khususnya tidak terbeban dengan kejatuhan harga seperti yang berlaku ketika ini. Segala cadangan akan dibincangkan bersama kementerian-kementerian yang lain yang turut terlibat

dengan mengambil kira kemampuan kewangan kerajaan untuk menampung kos pelaksanaannya.

Sementara itu bagi komoditi getah pula, kerajaan mendapati pelaksanaan harga lantai akan memberikan impak kewangan yang besar kepada kerajaan. Sebagai contoh, sekiranya harga lantai getah skrap ditetapkan kepada RM4.00 sekilogram dan berdasarkan kepada pengeluaran bagi tahun 2017, tahun yang lepas, kerajaan akan memerlukan peruntukan tambahan sebanyak RM2.5 bilion setahun. Tambahan lagi, harga lantai bagi getah tidak sesuai dilaksanakan kerana faktor-faktor berikut:

- (i) memerlukan sumber kewangan tambahan segera yang tinggi apabila harga getah asli dunia mengalami trend penurunan yang mendadak;
- (ii) menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga di kalangan penjual getah dengan menekan harga ke paras yang sangat rendah dan mengharapkan kerajaan menampung perbezaan antara harga pasaran dengan harga lantai; dan
- (iii) menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa.

Bagi topik yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong telah memohon pihak kementerian untuk meneliti kos Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia daripada pihak swasta, supaya ianya lebih munasabah dan berpatutan, mengikut kadar yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak mengawal bayaran yang dikenakan oleh pihak *certification body* yang telah dilantik untuk mengaudit dan memberi sijil MSPO kepada pekebun kecil. Para pekebun kecil dan peladang boleh membuat pemilihan secara bebas berdasarkan harga yang ditawarkan oleh pihak *certification body*, dengan izin, sebelum memilih untuk melaksanakan pensijilan MSPO tersebut.

■1630

Sehingga November 2018, terdapat 17 buah badan pensijilan di peringkat nasional bersedia untuk melaksanakan pengauditan MSPO. Pada masa ini, yuran pengauditan dikira berdasarkan kepada skala operasi seperti keluasan kawasan dan faktor risiko seperti pedalaman dan berdekatan dengan hutan, kecerunan kawasan dan yang lain-lain. Julat yuran pengauditan adalah dalam lingkungan RM1,500 hingga RM3,000 bagi setiap hari bekerja. Pengusaha ladang yang berhasrat untuk melaksanakan pengauditan MSPO ini perlu

mendapatkan sebut harga daripada pelbagai *certification bodies*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, amalan kerajaan sekurang-kurangnya tiga sebut harga bagi mendapatkan tawaran harga yang terbaik. Keputusan untuk melantik *certification body* (CB) ini adalah tertakluk sepenuhnya kepada pengusaha ladang dengan berdasarkan tawaran sebut harga yang kompetitif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi mengurangkan beban kos pengauditan MSPO bagi pekebun kecil, kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM30 juta dalam Belanjawan 2019 bagi membantu mereka mendapatkan pengiktirafan pensijilan MSPO. Dana ini merangkumi yuran pensijilan, pembelian peralatan perlindungan diri dan pembinaan rak bahan kimia. Selain itu, kerajaan turut menanggung kos latihan dan taklimat yang akan diberikan kepada pekebun kecil sawit di seluruh negara.

Bagi syarikat-syarikat ladang dan kilang pemprosesan, mereka juga boleh mendapat insentif daripada kerajaan untuk mendapatkan pensijilan MSPO ini tertakluk kepada syarat yang telah ditetapkan. Bagi syarikat perladangan, mereka boleh menerima insentif sebanyak 30 peratus ke 70 peratus daripada kos pensijilan. Manakala bagi kilang-kilang pemprosesan, mereka layak mendapat insentif sehingga 30 peratus daripada kos pengauditan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi topik yang kelima iaitu kajian semula Dasar Komoditi Negara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak kementerian telah memulakan proses untuk menyemak semula Dasar Komoditi Negara yang telah pun digariskan daripada tahun 2011 sehinggalah tahun 2020. Semakan semula ini melibatkan penelitian semula strategi, termasuk inisiatif yang telah dilaksanakan dan strategi baharu bagi keseluruhan rantaian industri komoditi negara. Kementerian akan mengumumkan Dasar Komoditi Negara yang baharu pada tahun yang akan datang, 2019.

Beberapa siri libat urus bersama pihak berkepentingan yang melibatkan anggota pentadbiran dan pengurusan kementerian telah diadakan. Antaranya taklimat kepada Majlis Ahli-ahli Parlimen Pakatan Harapan pada 2 Ogos 2018, sesi *consultation Budget 2019*, dengan izin, bersama wakil-wakil industri agrikomoditi seluruh negara pada 7 Ogos 2018, Dialog Yang Berhormat Menteri dengan pengusaha sawit negeri Sabah pada 19 September 2018, Dialog Yang Berhormat Menteri dengan pengusaha perkayuan negeri Sabah pada 20 September 2018, Dialog bersama Yang Berhormat Menteri dengan Persatuan Pekebun Kecil Kebangsaan pada 7 Oktober 2018 dan Dialog Yang Berhormat Menteri dengan pengusaha lada negeri Sarawak pada 27 November yang lalu.

Beberapa siri perbincangan *course ministerial*, dengan izin, telah diadakan bagi memantapkan persediaan kajian semula Dasar Komoditi Negara yang meliputi isu-isu berkaitan komoditi sawit, kayu kayan, getah, koko dan lada yang antara lain turut membincangkan berkenaan pekebun kecil, guna tenaga dan pekerja asing serta pembangunan teknologi. Antaranya seperti berikut:

- (i) Kunjungan hormat Yang Berhormat Menteri ke atas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah pada 20 September 2018;
- (ii) Sesi kunjungan hormat Yang Berhormat Menteri Industri Utama ke atas Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri Sarawak pada 16 Oktober yang lalu;
- (iii) Sesi kunjungan hormat Yang Berhormat Menteri ke atas Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Timbalan-timbalannya pada 5 Disember; dan
- (iv) Mesyuarat Penyelarasan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, RISDA dan lain-lain agensi pada 14 Disember baru-baru ini.

Pada masa kini, dasar sedia ada kementerian adalah melaksanakan program integrasi tanaman dan ternakan melalui MPOB bagi membantu pekebun kecil sawit menambah pendapatan pekebun kecil dan memilih program integrasi tanaman boleh memilih tanaman *cash crop* yang bersesuaian untuk diusahakan di ladang masing-masing. Mengenai usaha dan kajian kementerian mencari tanaman lain sebagai tanaman alternatif, tindakan-tindakan berikut sedang dilaksanakan.

Pertama, program pembangunan ladang hutan secara komersial dilancarkan dengan pemilihan beberapa spesies tempatan...

Tuan Manolan bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Silakan.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri ada sebut tadi berkenaan dengan bantuan MPOB, Yang Berhormat Menteri. Saya dapat banyak juga aduan berkenaan dengan permohonan MPOB untuk tanam semula ini, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang telah dipohon daripada tahun lepas tetapi sehingga sekarang Yang Berhormat Menteri, belum ada jawapan lagi daripada mereka dan tanaman getah, kelapa

sawit ini sudah memang sepatutnya untuk ditanam semula yang tidak produktif. Keduanya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Dasar Komuniti Negara tadi. Apakah perancangan tentang tanaman baru selain getah dan kelapa sawit ini yang boleh menjana pendapatan pekebun-pekebun kecil? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan yang membangkitkan isu yang penting. Saya ambil maklum tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang bantuan-bantuan ini. Saya harap selepas ini Yang Berhormat boleh mengemukakan permasalahan itu, kita akan telitilah kawasan mana dan sebagainya. *Insyah-Allah* pegawai-pegawai kementerian pun ada di belakang dan mereka akan terus mengambil perhatian kawasan yang masalahnya tanam semula, yang masih belum dapat daripada tahun lepas lagi.

Jadi, *insyah-Allah* kita cuba selesaikan perkara ini dengan segera. Bagi tanaman-tanaman baharu, saya hendak sebut begini Yang Berhormat. Tanaman-tanaman baharu ini kita baru-baru ini kita sudah buat perbincangan dengan MARDI. *In fact* Yang Berhormat Menteri, saya sendiri dan juga keseluruhan kepimpinan kementerian berkunjung ke MARDI dan kita melihat apakah jenis-jenis *cash crop* yang boleh kita kemukakan seperti mana yang dicadangkan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

Antaranya ialah misalnya nanas, yang dahulunya di bawah Kementerian Industri Utama tetapi kemudian diserahkan semula Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Baru-baru ini di dalam akhbar juga dibangkitkan tanaman seperti apa yang dipanggil cendawan. Cendawan itu namanya- ia tanam dekat Padang Terap tetapi namanya itu memang hebatlah. Nama orang putihlah, saya pun terlupa hendak sebut ini. Akan tetapi kita namakan ia sebagai cendawan Padang Terap lah yang mana ia ditanam itu menjana pendapatan RM3 ribu ke RM4 ribu yang mana ini boleh membantu mereka yang menjalankan aktiviti ataupun menjalankan penanaman getah ini dalam keadaan harga komoditi itu jatuh tetapi dalam masa dengan adanya *cash crop* seperti ini, seperti cendawan ini, membantu mereka.

Jadi, di peringkat kementerian seperti mana yang saya sebutkan tadi dalam Dasar Komoditi Negara, kita tidak mahu ada perkara yang bersifat runcit ini. Perlu ada satu skala yang lebih komprehensif. Perkara ini telah pun kita bangkitkan dengan MARDI baru-baru ini dan kita akan cuba kenal pasti dengan pakar-pakar pertanian ini. Apakah pertanian yang sesuai untuk ditanam dengan kelapa sawit, dengan getah dan sebagainya. Ini setelah kita dapat tahu, mulai tahun depan *insyah-Allah* kita akan membuat program libat urus dengan

pekebun-pekebun kecil ini. Turun ke bawah dan menjelaskan kepada mereka bahawa ini adalah cadangan tanaman-tanaman yang membolehkan mereka mendapatkan hasil. Jadi, perkara ini memang seperti yang diketahui oleh Yang Berhormat Senator sedang di dalam *part plan* kita.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, cendawan itu nama apa? Volvariella ya?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Betul, volvariella. Pandai dia. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Betul ya?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ia goreng sedap. Orang cakaplah. Akan tetapi saya dulu makan dengan masak lemak cili padi. Boleh, saya teruskan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh, silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Baik. Program pembangunan ladang hutan yang disebutkan tadi selain daripada usia dan usaha dan kajian kementerian mencari tanaman lain, kita juga melakukan tindakan-tindakan berikut:

- (i) program pembangunan ladang hutan yang secara komersial dilancarkan dengan pemilihan beberapa spesies tempatan dan eksotik seperti jati, sentang, getah, pokok khaya, akasia, batai, kelampayan, binuang, buluh. Spesies-spesies ini akan dikaji kesesuaian dari semasa ke semasa, termasuk penambahan spesies baru seperti eucalyptus bagi menggalakkan penanaman secara komersial sebagai tanaman alternatif;
- (ii) penanaman buluh juga merupakan tanaman yang berpotensi untuk menjadi tanaman alternatif. Sehingga kini terdapat 61 buah syarikat yang telah meneroka pelbagai aktiviti dalam industri buluh, di mana lapan buah syarikat memberi tumpuan kepada produk yang berkaitan dengan pembinaan dan pertukangan serta seni bina;
- (iii) penanaman pokok gaharu bagi menghasilkan produk-produk seperti aroma terapi, minyak wangi dan sebagainya. Industri dan perdagangan gaharu di Malaysia ini semakin berkembang dengan usaha giat kementerian dalam mempromosikan dan menggalakkan pertumbuhan industri ini.

■1640

Ini boleh dilihat melalui prestasi eksport gaharu pada tahun lepas iaitu tahun 2017 di mana ia telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM15.9 juta dan ini membuktikan tanaman gaharu mampu menjadi tanaman alternatif;

- (iv) Lembaga Koko Malaysia juga sedang mengkaji dan menyelidik keserasian tanaman integrasi seperti koko dengan buah kristal, koko dengan buah-buahan, koko dengan getah dan koko dengan spesies kayu yang tertentu; dan
- (v) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara berusaha untuk menarik minat pengusaha menanam kenaf pada keluasan dan skala yang lebih besar.

Selain itu, pihak kementerian sedang dalam perancangan untuk melaksanakan sesi permukiman 2019, tahun depan pada 4 Januari hingga 6 Januari. Pada sesi ini, kementerian akan merangka dasar dan hala tuju yang baharu bagi kementerian. Berasaskan kerangka ini, kementerian akan menjadualkan siri libat urus dengan semua pihak yang berkepentingan dengan Dasar Komoditi Negara.

Seterusnya bagi topik ataupun isu yang keenam Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai telah membangkitkan isu berkenaan jumlah pengusaha getah di Sarawak dan jumlah bantuan yang telah diterima oleh pengusaha getah ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, setakat 7 Disember 2018, terdapat sebanyak 87,129 pekebun kecil getah yang telah berdaftar dan sehingga 30 November 2018, jumlah tuntutan insentif pengeluaran getah di Sarawak adalah sebanyak RM824,663.52 yang mewakili 2,874 permohonan tuntutan. Ini hanya mewakili 18.9 peratus daripada 460,890 pekebun kecil berdaftar di seluruh Malaysia yang mempunyai kad PAT-G.

Berdasarkan jumlah keseluruhan bayaran bagi tuntutan IPG di seluruh Malaysia sehingga 30 November 2018, jumlah tuntutan IPG di Sarawak adalah sebanyak RM619,362.66 sahaja iaitu hanya 0.6 peratus daripada jumlah keseluruhan tuntutan IPG yang telah dibayar iaitu sebanyak RM104,395,000. Bayaran ini melibatkan 2,874 permohonan tuntutan iaitu hanya 0.3 peratus daripada jumlah keseluruhan tuntutan sebanyak 957,945 tuntutan. Berdasarkan trend tuntutan ini, jelas bahawa tuntutan IPG bagi pekebun kecil di Sarawak adalah sangat rendah dengan purata hanya 60 tuntutan sahaja sebulan berdasarkan rekod tuntutan IPG bagi tahun 2018.

Justeru, saya memohon jasa baik Yang Berhormat agar dapat menghebahkan insentif yang disediakan oleh pihak kerajaan ini agar pekebun kecil yang aktif menoreh membuat tuntutan IPG dan menikmati insentif ini. Saya pun di dalam perbincangan dengan pegawai-pegawai kementerian, kita juga mengkaji di mana kita boleh memperbaiki hal ini supaya tuntutan-tuntutan ini boleh dibuat oleh pekebun kecil di Sarawak. Kalau sekadar 60 tuntutan sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dasar yang dibuat oleh kerajaan ini tidak sampai ke akar umbi.

Jadi kita telah pun meminta perbincangan dengan Jabatan Pertanian Sarawak khususnya, untuk membuka lebih banyak lagi kaunter-kaunter. Antaranya, kita sedang mengkaji untuk meminta jasa baik Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dan DUN agar mereka dapat membuka pejabat-pejabat mereka agar tuntutan IPG itu boleh dihantar terus ke pejabat dan kemudiannya pegawai-pegawai dari Lembaga Getah akan mengambil dan membuat proses kerana itu akan membantu pekebun kecil terutamanya di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu satu perkara. Bajet untuk menanam semula getah dan kelapa sawit iaitu subsidi yang diberi di bawah kementerian itu, anggaran perbelanjaan itu berapa? Untuk tahun ini dan tahun hadapan. Tahun ini dah habis dah.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ya, dia RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Tak silap saya, beratus juta itu.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ada tak?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ada Yang Berhormat.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Baik. Permohonan tanam semula, 5,300 hektar telah diluluskan menggunakan bajet khas dan bajet sempena 100 tahun industri sawit. Bagaimanapun, kelulusan baru untuk geran tanam semula sedang diteliti untuk dipertimbangkan pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Tahun ini berapa Yang Berhormat?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Tahun ini kita keluarkan, sebentar Tuan Yang di-Pertua, ada di sini. Ya, sedia ada. Tahun ini RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua: RM20 juta.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Tanam semula, minta maaf. Tanam baru sawit. Ya, tanam baru sawit RM20 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Tanam semula?

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Tanam semula untuk tahun ini, token RM100 disebabkan tanam semula sawit ini Tuan Yang di-Pertua, kita di bawah kementerian menyediakan *loan*, peruntukan sebanyak RM20 juta bagi tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Akan tetapi oleh kerana tidak ada *takers*, maka kita terpaksa tokenkan dia. Kalau ada selepas ini mereka yang membuat permohonan, saya ingat kita boleh pertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin: Ya, sama-sama. Saya kira semua isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di Dewan Negara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Industri Utama telah pun saya jawab. Pihak kementerian tentunya akan mengambil tindakan susulan sewajarnya terhadap semua saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator agar industri agrikomoditi negara terus kukuh berdaya saing dan makmur. Memang sekarang ini kita berhadapan dengan pelbagai cabaran. Jadi *insya-Allah*, mudah-mudahan segala cadangan Yang Berhormat Senator itu akan membantu kerajaan agar dapat kita bertahan dalam keadaan sekarang ini yang kita terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Yang Berhormat Menteri.

4.46 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam usul perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim atau ringkasnya MESTECC.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Gundohing Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan bekalan tenaga elektrik dan tenaga boleh baharu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, berapa soalan daripada Ahli Yang Berhormat Senator?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Ada sembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Sembilan?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Ya, sembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Untuk topik usaha ataupun program yang dijalankan bagi meningkatkan lebih penggunaan tenaga baharu di Sabah. Yang Berhormat Senator Gundohing Adrian Banie Lasimbang telah membangkitkan mengenai penjanaan tenaga boleh baharu atau TBB di negeri Sabah. Bagi meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan sebagai usaha kerajaan untuk menurunkan kadar pelepasan CO₂ dalam sektor penjanaan elektrik, kerajaan telah memperkenalkan program *Large-Scale Solar* (LSS) yang dilaksanakan melalui kaedah bidaan terbuka.

Program ini bertujuan meningkatkan jumlah penjanaan berasaskan tenaga boleh baharu dalam campuran tenaga sedia ada. Suruhanjaya Tenaga telah diamanahkan untuk melaksanakan bidaan terbuka itu. Bidaan terbuka bagi program LSS ini telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada tahun 2016 dan tahun 2017 dengan sasaran kapasiti bagi pusingan pertama dan kedua bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing adalah sebanyak 50 megawatt dan 100 megawatt.

Untuk status projek Upper Padas pula, berhubung dengan status projek Upper Padas, kerajaan telah mengarahkan Kementerian untuk meneliti semula projek-projek penjanaan yang telah dianugerahkan secara rundingan terus termasuklah Projek Hidroelektrik Upper Padas berkapasiti 180 megawatt di Sabah. Pihak Kementerian dan Suruhanjaya Tenaga sedang meneliti secara terperinci mengenai projek ini.

Untuk status sistem mini hidro yang telah dipasang di Ranau dan Kota Belud, Sabah pula, Kementerian difahamkan terdapat sejumlah enam projek mini hidro yang telah dibangunkan. Di kawasan Ranau sebanyak tiga projek dan di Kota Belud tiga projek. Status kesemua projek tersebut adalah seperti berikut iaitu mini hidro di kawasan Ranau, Sungai Naradau masih beroperasi tetapi bukan pada kapasiti penuh, Sungai Karabau masih beroperasi dan Sungai Kiau tidak beroperasi kerana loji mengalami kerosakan teruk. Mini hidro

di kawasan Kota Belud pula, Sungai Melangkap masih beroperasi tetapi bukan pada kapasiti penuh kerana loji sedang dalam proses pemulihan, Sungai Sayap masih beroperasi dan Sungai Kadamaian masih beroperasi.

■1650

Bagi projek yang tidak beroperasi pada kapasiti penuh di kawasan Ranau dan Kota Belud, pemilik projek sedang mendapatkan bantuan teknikal yang sewajarnya untuk menangani isu ini. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Adrian Banie Lasimbang juga ada membangkitkan mengenai Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE). Untuk makluman Yang Berhormat, AAIBE yang ini masih aktif dan selepas penstrukturan semula kementerian, pengurusan akaun amanah ini telah dipindahkan daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) kepada MESTECC. AAIBE ditubuhkan pada 5 Februari 2010 berdasarkan surat ikatan amanah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengikut seksyen 9(3), Akta Tatacara Kewangan 1957.

Tujuan penubuhan AAIBE adalah untuk menerima sumbangan daripada industri bekalan elektrik dan membiayai perbelanjaan pembangunan industri bekalan elektrik negara. Bagi tahun kewangan 2017 yang telah diaudit, sumbangan syarikat penjana bebas adalah berjumlah RM64,461,275. Sehingga 31 Mei 2018, sebanyak 185 projek telah diluluskan dengan jumlah keseluruhan nilai projek melebihi RM1.1 bilion. Untuk Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, tidak hadir pada hari ini, saya mohon untuk bagi jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Untuk sektor alam sekitar pula Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Khairul Azwan bin Harun.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Okey. Telah membangkitkan isu berkaitan alam sekitar dan perubahan iklim. Saya amat berterima kasih dan menghargai cadangan Yang Berhormat supaya MESTECC menghasilkan suatu naratif nasional supaya dapat dipertahankan dan dapat dipegang oleh rakyat Malaysia secara keseluruhannya bagi memupuk kesedaran bagi kita sama-sama menangani isu pemanasan global. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha ke arah meningkatkan kesedaran dan membudayakan kempen pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dilaksanakan oleh MESTECC melalui

penganjuran program-program kesedaran di kalangan masyarakat yang merangkumi pelbagai kumpulan sasar seperti berikut:

- (i) pemimpin masyarakat;
- (ii) kanak-kanak;
- (iii) pelajar sekolah rendah dan menengah;
- (iv) pelajar institut pengajian tinggi;
- (v) komuniti setempat; dan
- (vi) industri pemaju projek, pihak swasta dan juga orang awam.

Antara program pendidikan dan Kempen Kesedaran Alam Sekitar utama yang dijalankan ialah sekolah lestari iaitu Anugerah Alam Sekitar, Anugerah Langkawi, kelestarian alam sekitar, pertandingan debat alam sekitar antara institut pengajian tinggi (IPT), pertandingan pidato peringkat sekolah, pameran alam sekitar, sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara setiap tahun, Program Rakan Alam Sekitar, pengumpulan barangan buangan elektronik ataupun *e-waste*, seminar alam sekitar, ceramah alam sekitar, penerbitan Majalah Impak dan juga penerbitan Laporan Kualiti Alam Sekeliling dan laporan tahunan.

Kementerian akan terus menjalankan program-program kesedaran alam sekitar dan melaksanakan program yang memberi lebih impak kepada semua lapisan masyarakat dengan kerjasama pihak berkepentingan supaya semua dapat memainkan peranan dalam memulihara alam sekitar. Pelbagai saluran dan kaedah penyaluran maklumat dilaksanakan bagi mencapai golongan sasaran, termasuklah meningkatkan penggunaan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube* dan *Instagram*.

Di samping itu, kerajaan turut melaksanakan usaha-usaha meningkatkan kesedaran awam dalam isu perubahan iklim melibatkan pelbagai pemegang taruh seperti:

- (i) penerapan elemen perubahan iklim dalam silibus pendidikan rendah, menengah dan tinggi;
- (ii) perbincangan akan diteruskan bersama kementerian dan agensi yang bertanggungjawab bagi mengemas kini maklumat dan menambah baik kaedah penyampaian maklumat;
- (iii) menambah baik capaian maklumat perubahan iklim negara secara atas talian agar maklumat yang tepat dan terkini dapat dicapai oleh masyarakat,

- (iv) menggalakkan perkongsian data pelepasan Gas Rumah Kaca Negara di kalangan pihak industri dalam 5 sektor utama Gas Rumah Kaca (GHG) semasa penyediaan inventori GHG; dan
- (v) meningkatkan kesedaran awam melalui aktiviti-aktiviti pembangunan kapasiti di peringkat komuniti dan pihak yang terlibat bagi sektor terancam kesan perubahan iklim seperti pertanian, sumber bekalan makanan dan juga infrastruktur.

Saya kira sekian sahaja maklum balas saya tentang isu-isu di bawah MESTECC yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua orang Yang Berhormat hendak mencelah. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dahulu.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau termasuk dalam kementerian ataupun macam mana? Oleh sebab saya ada 3 soalan Tuan Yang di-Pertua, tidak dijawab. Saya tunggu, tidak terjawab. Okey, yang pertama, hak pembiayaan kewangan bagi kategori syarikat pengeluar dan pengguna iaitu masing-masing RM100 juta dan RM50 juta masih berada dalam Skim Pembiayaan Teknologi Hijau ataupun tidak? Itu nombor satu.

Kedua, amalan yang digunakan oleh kerajaan yang lalu. Satu, bon atau sukuk hijau dengan had maksimum setiap syarikat sebanyak RM300 juta dalam masa 15 tahun bagi syarikat pengeluar dan 10 tahun bagi syarikat pengguna. Jadi, apakah pakej ini masih diguna pakai oleh kerajaan sekarang dan adakah bajet termasuk dalam Skim Pembiayaan Teknologi Hijau? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bawah Kementerian Kewangan itu.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Saya mohon maaf kalau mungkin ternampak seperti terlepas. Akan tetapi *Green Technology Financing Scheme* ini akan dijawab oleh Kementerian Kewangan kerana ia di bawah- bersangkut-paut dengan Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri soal alam sekitar, terutama tentang penguatkuasaan. Akan tetapi sebelum itu sama ada hendak tahu Jabatan Alam Sekitar ini di bawah kementerian ini kah atau kementerian yang lain?

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Jabatan Alam Sekitar di dalam MESTECC.

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Okey, jadi saya hendak tanya sejauh mana keberkesanan soal penguatkuasaan yang dilaksanakan setakat hari ini, termasuk yang melibatkan penguatkuasaan daripada orang awam? Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, laporan-laporan yang diterima daripada orang awam terhadap isu-isu alam sekitar yang ada sama ada pembuangan bahan-bahan toksik ataupun sebagai contoh, kereta yang masih mengeluarkan asap-asap yang melebihi kadar yang dibenarkan. Jadi, saya hendak tahu penjelasan dan pencerahan sejauh mana keberkesanan soal penguatkuasaan tersebut? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Penguatkuasaan melibatkan orang ramai ya?

Tuan Khairul Azwan bin Harun: Ya, orang ramai dan juga penguatkuasaan oleh kementerian di bawah Jabatan Alam Sekitar ini. Cuma saya hendak tambah sedikit, orang ramai itu maksudnya Tuan Yang di-Pertua, penglibatan mereka dengan laporan-laporan yang telah dibuat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy: Terima kasih kepada soalan tambahan yang diajukan oleh Tuan Khairul Azwan tentang alam sekitar. MESTECC bertujuan juga dan mensasarkan untuk kita meningkatkan sebenarnya penguatkuasaan sebanyak 100 peratus mulai tahun hadapan tentang mana-mana pihak yang didapati mencuba untuk mencemarkan alam sekitar. Contohnya, macam pembakaran terbuka.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa tadi dalam jawapan saya, kita punya program iaitu Rakan Alam Sekitar di mana kita melibatkan ramai orang-orang awam, orang-orang perseorangan untuk bersama-sama terlibat dalam membanteras pencemaran alam sekitar ini. Saya ingin menyebut di sini, program antaranya Rakan Alam Sekitar ini sudah pun berdaftar seramai 33,456 bilangan ahli yang merupakan kita panggil *whistleblower*, dengan izin, kepada hal-hal berkaitan dengan alam sekitar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Kementerian Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri.

■1700

5.00 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Tuan Khalid bin Abd Samad]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin,*

wassalatu wassalamuala asrafilambiyaiwal mursalin, wa'alalihi wasahbihi ajma'in. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

Tuan Yang di-Pertua: Ada, ada.

Tuan Khalid bin Abd Samad: Ada, ya? Yang Berhormat Senator telah membangkitkan mengenai bagaimana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Perbadanan Putrajaya menggunakan bajet untuk menyelenggarakan taman-taman awam ke arah penggunaan teknologi yang lebih mesra alam.

Untuk makluman Yang Berhormat, DBKL sentiasa menitik berat penyelenggaraan taman-taman awam di seluruh kawasan bandar raya Kuala Lumpur. Bagi memastikan proses penyelenggaraan taman awam lebih mesra alam, DBKL telah menguatkuasakan penggunaan klausa pelaksanaan perolehan hijau kerajaan dalam dokumen tender syarikat penyelenggaraan yang dilantik.

Ini untuk memastikan setiap kerja-kerja yang dilaksanakan adalah mesra alam dan tidak berlaku sebarang pencemaran. Perbadanan Putrajaya pula telah mengambil inisiatif untuk membangunkan satu sistem pengurusan penyelenggaraan yang dinamakan Sistem Inventori dan Pengurusan Pokok Putrajaya (SIPP). Ia dibangunkan bagi menyediakan satu sistem pengurusan penyelenggaraan yang sistematik ke atas setiap pokok bagi menilai kesihatan pokok mengikut kriteria tertentu.

Sistem ini telah diguna pakai secara berperingkat mengikut keutamaan kawasan yang dikenal pasti dan data-data terbaru masih lagi dikemaskinikan dan dikembangkan kepada kawasan-kawasan seterusnya. Maka Tuan Yang di-Pertua, maknanya setiap pokok ada dia punya sistem pengawalannya. Selaras dengan pembangunan sistem tersebut juga, penggunaan baja serta racun pertanian telah dapat dikawal dan digunakan dengan lebih efisien. Penggunaan baja dan kawalan serangga perosak serta penyakit tanaman secara organik dan mesra alam telah lama dilaksanakan selaras dengan sensitiviti kawasan tasik sekitar serta pengunjung taman-taman yang semakin ramai.

Untuk menangani bahan buangan hasil sisa tanaman, satu tapak telah dibangunkan bagi mengitar semula sisa tanaman untuk dijadikan kompos. Kompos ini telah pun diguna pakai semula dalam aktiviti penyelenggaraan taman serta disumbangkan kepada sekolah-sekolah di sekitar Putrajaya yang memerlukan bagi melaksanakan program penghijauan di sekolah-sekolah.

DBKL juga telah menggunakan sisa-sisa tumbuhan untuk diproses sebagai baja kompos dan digunakan pada pokok-pokok di sekitar bandar raya. Contohnya pusat kompos

yang sedang beroperasi di Tapak Semaian Jinjang, Kuala Lumpur. Penggunaan jentera dalam kerja penyelenggaraan di taman-taman ini juga telah menunjukkan keberkesanan dan kecekapan dalam melaksanakan kerja di lapangan serta dapat mengimbangi keperluan tenaga buruh yang ramai.

DBKL telah mula menggunakan sistem solar bagi kemudahan di taman-taman. Sebagai contohnya tandas awam di Pudu Ulu dan *Bamboo Playhouse* di Taman Botani Perdana. Selain daripada itu, penggunaan lampu LED yang lebih jimat tenaga juga telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi menggantikan lampu taman-taman sedia ada serta sedang mengorak langkah dalam penggunaan sistem solar di beberapa kawasan lain yang difikirkan sesuai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali juga telah membangkitkan mengenai langkah-langkah yang diambil kementerian untuk memastikan keselamatan alat-alat permainan yang dipasang di taman-taman awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, DBKL dan Perbadanan Putrajaya amat menitikberatkan tahap keselamatan pengguna di taman-taman khususnya taman permainan kanak-kanak. Bagi memastikan setiap alat di taman permainan kanak-kanak tersebut berada dalam tahap yang baik, kementerian telah menetapkan pemeriksaan berkala setiap enam bulan sekali untuk setiap kawasan taman-taman permainan. Ini bagi memastikan setiap alatan taman permainan berada dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Di samping itu, penyelia-penyelia di setiap zon turut dilaksanakan untuk mengawal selia dan memantau taman permainan kanak-kanak ini sentiasa teratur.

Kementerian melalui DBKL dan Perbadanan Putrajaya juga telah mengambil inisiatif dengan menyediakan alatan taman permainan kanak-kanak yang selamat dan mematuhi piawaian MS 966:2017 iaitu *Playground Equipment-Safety Performance for Public Use*. Usaha ini bertujuan agar alatan permainan kanak-kanak yang disediakan selamat untuk digunakan. Namun begitu, kementerian amat mengharapkan kerjasama daripada orang awam agar isu-isu kerosakan di taman permainan kanak-kanak dapat dikurangkan dan pengguna juga dinasihati agar mematuhi peraturan penggunaan yang ditetapkan. Kadangkala alat-alat ini selamat tetapi cara ia digunakan menyebabkan berlakunya kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali juga telah membangkitkan mengenai langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah vandalisme di taman-taman projek perumahan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 53 kawasan perumahan awam dan program perumahan rakyat yang disediakan set taman permainan kanak-kanak yang mengandungi peralatan permainan bagi kegunaan kanak-kanak di bawah usia di bawah 12 tahun. Dari jumlah tersebut, 28 kawasan perumahan awam dan projek perumahan rakyat mengalami masalah alat permainan yang dirosakkan ataupun *vandalize* dan tindakan baik pulih dibuat dengan segera bergantung kepada jenis kerosakan yang dialami.

Dalam usaha mencegah vandalisme ke atas taman permainan kanak-kanak dalam kawasan perumahan awam dan projek perumahan rakyat ini, kerjasama dari persatuan penduduk, ketua blok dan pihak rukun tetangga juga dipohon untuk memantau, mengawasi dan melaporkan dengan segera kepada pihak DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan dan DBKL juga telah mempertingkatkan lagi pencahayaan di kawasan taman permainan kanak-kanak agar sinaran yang menerangi dapat menghindari pelaku untuk melakukan vandalisme ini daripada terus berlaku. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Walaupun seorang juga yang telah mengemukakan soalan, Yang Berhormat Menteri sendiri datang ke Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]* Dipersilakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Pertahanan.

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya ingin menyatakan penghargaan kepada empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian semasa Perbahasan Belanjawan 2019 yang telah menyentuh lapan isu yang berada di bawah bidang dan tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Pertahanan ialah Yang Berhormat Dr. Zaidi Haji Suhaili, Yang Berhormat Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid, Yang Berhormat Datuk Jamilah binti Sulaiman dan Yang Berhormat Ir. Md. Nasir bin Hashim.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Liew Chin Tong: Ya? Tidak ada?... Isu?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat, tunggu dulu. Biar Yang Berhormat Menteri jawab dulu.

Tuan Liew Chin Tong: Isu yang pertama tentang Belanjawan 2019 seperti yang saya telah jawab pada 13 Disember dalam Dewan yang mulia ini bahawa pada 19 November, Yang Berhormat Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Tuan Mohamad bin Sabu telah menyatakan peruntukan tambahan di bawah Belanja Mengurus (OE) sebanyak RM1.45 bilion telah diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan.

■1710

Ini adalah peruntukan tambahan yang akhirnya berbanding dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Satu peratus.

Tuan Liew Chin Tong: Ya, tahun lepas ialah perbezaan atau pengurangan sebanyak satu peratus. Kementerian Pertahanan juga akan menyusun semula keutamaan perbelanjaan dengan beberapa langkah seperti mengkaji semula skop dan kos kontrak serta mengamalkan perbelanjaan berhemah tanpa berkompromi kepada isu-isu yang melibatkan keselamatan, kesiapsiagaan aset dan aset ketenteraan, kebajikan dan kesejahteraan warga ATM, termasuk keluarga dan veteran ATM.

Seterusnya, isu yang dibangkitkan oleh atau dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili berkenaan dengan rondaan yang lebih kerap oleh Tentera Laut Diraja Malaysia di kawasan Beting Patinggi Ali yang kini diiktiraf- okey, itu tidak ada kena mengena. Berhubung dengan pertanyaan yang dibangkitkan ini, suka saya jelaskan TLDM pada masa ini sedang melaksanakan operasi khas bagi mempertahankan kedaulatan wilayah maritim Malaysia di perairan tersebut dengan menugaskan sekurang-kurangnya sebuah kapal di perairan berkenaan secara 24 jam dan tujuh hari seminggu, 24/7.

Sebagai maklumat Yang Berhormat juga, rondaan kapal-kapal TLDM ini tidak tertumpu hanya di Beting Patinggi Ali, malah turut melaksanakan rondaan di Beting Raja Jarom, Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, dahulunya rondaan maritim ini dilaksanakan secara berkala.

Namun, sejak tahun 2013 dengan mengambil kira kedudukan yang strategik dan kepentingan di Laut China Selatan, TLDM telah diarahkan bersama Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk menugaskan kapal dan pesawat maritim TUDM bagi tujuan menunjukkan kehadiran, *show of presence* serta mengawasi kehadiran aset-aset kuasa asing di perairan berkenaan secara berterusan. Setiap unsur maritim negara asing yang dikesan menceroboh di perairan Beting Patinggi Ali dan Beting Raja Jarom akan di awasi oleh aset TLDM, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan TUDM.

Seterusnya, cadangan bantahan nota diplomatik akan dimajukan kepada Kementerian Luar Negeri untuk tindakan bantahan ke negara-negara tersebut sekiranya kehadiran tersebut bertentangan dengan praktis di bawah Konvensyen Undang-undang Laut 1982 (UNCLOS).

Seterusnya, pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid yang telah membangkitkan tiga isu. Isu pertama, pembaikan kenderaan perisai *Scorpion*.

Sebagai maklumat Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa kini tentera darat memiliki pelbagai jenis aset kenderaan perisai dan kenderaan kebal yang dikenali sebagai kenderaan jenis A (KJA). Bagi isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan kenderaan perisai *Scorpion*, kenderaan perisai ini telah mula digunakan dalam perkhidmatan tentera darat semenjak tahun 1981.

Kenderaan perisai ini telah ditempatkan di *Skuadron Armor (Para)* dan telah berjaya dalam melaksanakan pelbagai tugas operasi di bawah tentera darat. Kenderaan perisai ini telah menjalani Program Pemanjangan Hayat- *Service Life Extension Program* dan proses peningkatan secara berperingkat pada tahun 2007 hingga tahun 2011. Pada Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Tentera Darat pada tahun 2011, telah meluluskan tempoh lanjutan perkhidmatan kenderaan berkenaan ialah selama tujuh tahun selepas baik pulihnya sehingga tahun 2018 iaitu hingga mencapai umur 35 tahun kenderaan perisai *Scorpion* dalam perkhidmatannya.

Pada masa ini, status *serviceability* kenderaan perisai ini adalah kosong peratus boleh tempur iaitu dikategorikan sebagai tidak boleh tempur. Ini adalah disebabkan kesukaran perolehan alat ganti serta kos penyelenggaraan yang tinggi. Mengambil kira faktor keperluan semasa operasi latihan hala tuju kenderaan jenis 'A' dan analisis kos, tentera darat telah mencadangkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Operasi Tentera Darat pada 30 November 2018 agar kenderaan perisai *Scorpion* didarjahkan *obsolete* dan tidak akan diteruskan lagi perkhidmatannya.

Justeru, pihak kementerian akan memuktamadkan penggunaan kenderaan ini pada suku pertama tahun 2019. Oleh yang demikian, tiada sebarang keperluan bagi perolehan senggara atau pembaikan pada kenderaan perisai *Scorpion* ini.

Isu yang kedua yang dibangkitkan oleh Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid adalah berkenaan dengan Majlis Veteran Kebangsaan yang saya jawab pagi ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa soalan kedua pada pagi ini. Saya telah jawab secara panjang lebar dan hanya hendak maklumkan Majlis ini ataupun Dewan ini bahawa Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid adalah salah seorang yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan sebagai Ahli Majlis Veteran Kebangsaan.

Isu yang ketiga dibawa oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid ialah berkenaan dengan peluang kursus dalam bidang pertanian atau *agrobusiness* yang dilaksanakan oleh Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT).

Sebagai makluman Yang Berhormat, PERHEBAT merupakan pusat latihan peralihan kepada bakal veteran dan veteran ATM. Pelbagai bentuk latihan diberikan kepada bakal dan veteran ATM, termasuklah kursus-kursus berkaitan pertanian. PERHEBAT telah bekerjasama dengan lebih sepuluh penyedia latihan melalui agensi awam dan swasta dan menjalankan lebih daripada 15 kursus berkenaan pertanian. Sambutan bagi kursus-kursus berkaitan pertanian ini adalah amat menggalakkan. Pihak PERHEBAT senantiasa terbuka untuk menerima saranan, pandangan dan cadangan daripada mana-mana pihak yang mempunyai kepakaran dari agensi awam dan swasta. Bagi meningkatkan lagi keberkesanan latihan serta impak kepada pelatih PERHEBAT.

Untuk maklumat Dewan, pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid ini juga memfokuskan kepada permohonan dari Syarikat Open Agro Consultant Sdn. Bhd. sebagai penyedia latihan yang telah diterima oleh PERHEBAT pada 3 Oktober 2018. Perkara ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penyedia Latihan PERHEBAT pada 31 Oktober 2018.

Namun begitu, pihak PERHEBAT telah menolak permohonan tersebut dengan alasan kursus yang dilaksanakan adalah berasaskan konsultasi dan *soft skills* sahaja sedangkan PERHEBAT memberikan fokus kepada kursus berasaskan kemahiran, *hands on* dan berkonsepkan *quick win*. Surat penolakan ini telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut pada 13 November 2018. Seterusnya, bagi pertanyaan dari Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman.

Isu pertama berkaitan dengan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh ATM bagi mengukuhkan tahap keselamatan dan pertahanan di Sabah. Sebagai maklumat untuk Yang Berhormat, suka saya jelaskan keselamatan negara perlu dilihat secara menyeluruh dan mengambil kira keadaan *geostrategic* serantau dan juga bentuk ancaman yang mungkin dihadapi pada masa kini serta masa hadapan. Konsep pertahanan negara yang diterajui oleh

ATM melalui pelaksanaan peranan dan pembangunan aset serta fasiliti pada masa kini telah mengambil kira semua aspek kepentingan tersebut.

Justeru itu, kedudukan aset ATM ketiga ini dan perancangan masa hadapan perlu diseimbangkan yang sekali gus membolehkan ATM melaksanakan pengoperasian dalam rangka dua medan- *two theater*. Ini konsep yang penting bagi ATM, sebelum Lahad Datu memang konsep ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Akan tetapi selepas Lahad Datu, idea atau konsep dua teater- *two theatre*, atau dua medan ini telah dianggap sebagai satu konsep yang penting iaitu pengoperasian dalam dua medan secara serentak yang dilihat lebih efektif dan efisien.

■1720

Kementerian akan terus memantau dan memastikan bahawa keseimbangan pertahanan negara termasuk di Sabah sentiasa diberikan keutamaan. Bagi kebimbangan Yang Berhormat Senator berkaitan bajet- itu saya sudah jawablah tentang bajet.

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu sekejap, biar dia habis dahulu.

Tuan Liew Chin Tong: Ya, okey.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Boleh saya hendak minta penjelasan sedikit kalau boleh Yang Berhormat *elaborate* sikit, dengan izin, berhubung dengan dua medan tadi Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sulaiman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Suhaimi.

Tuan Liew Chin Tong: Dato' Suhaimi, minta maaf Dato' Suhaimi. Sebelum Lahad Datu memang tumpuan kita di semenanjung tetapi selepas Lahad Datu idea dua medan ini lebih dipentingkan dan kita hendak adakan lebih banyak aset di Sabah dan Sarawak supaya ia akhirnya kita ada *mirror effect*. Dua-dua medan ini hampir sama dari segi kekuatan, kekuatan aset dan juga kekuatan anggota hampir sama. Ini adalah penting kerana cabaran di perairan di Sabah dan Sarawak sekarang ini lebih mencabar. Saya hendak sambung- okey ya.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Minta sikit lagi penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Apakah dua medan ini juga akan di-*apply* di antara *Singapore* dengan Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, Medan ini..

Tuan Liew Chin Tong: Medan di semenanjung ini memang telah ada kekuatan yang mencukupi dan *Singapore* di bawah medan semenanjung atau wilayah satu. Soalan sekarang ialah wilayah kedua iaitu Sabah dan Sarawak yang kita hendak pentingkan dan kita perlukan lebih banyak aset dan anggota, itu konsep dua medan. Okey. Bagi..

Datuk Jamilah binti Sulaiman: Yang Berhormat Menteri saya sedikit. Saya mohon maaf kerana inilah sahaja peluang untuk saya kerana *this is my last session*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, silakan Yang Berhormat.

Datuk Jamilah binti Sulaiman: Terima kasih. Saya masih ingat kalau dulu ada rancangan untuk memanjangkan landasan lapangan terbang di Lahad Datu untuk memudahkan Angkatan Tentera Malaysia memindah aset ataupun kapal terbang daripada pangkalan tentera udara di Labuan. Adakah rancangan itu masih dalam cadangan atau masih akan diteruskan? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Yang Berhormat Datuk, saya tidak ada maklumat dan saya akan jawab secara bertulis. Bagi atur gerak trup pula pihak ATM telah mengambil beberapa langkah khusus bagi mengekang sebarang ancaman luar atau jenayah rentas sempadan di Pantai Timur Sabah. Antara langkah-langkahnya ialah: satu, mengekalkan operasi-operasi ATM sedia ada dan memperkasakannya lagi iaitu melalui latihan-latihan sama ada di peringkat perkhidmatan dan secara bersama antara perkhidmatan serta pasukan-pasukan tentera negara sahabat.

Kedua, mengekalkan pengoperasian Pangkalan Operasi Hadapan- *forward based* atau POH Maritim iaitu Pangkalan Operasi Hadapan Kapal Auxiliary Bunga Mas 5, Pangkalan Operasi Hadapan KA Tun Azizan dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah di Perairan Kudat, Sandakan dan Semporna. Manakala Pangkalan Operasi Hadapan Udara di Lapangan Terbang Tawau dan Sandakan dengan menempatkan helikopter milik tentera darat dan tentera udara.

Ketiga, memperkasakan operasi maritim melalui *Initiative Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) antara angkatan tentera laut dan tentera udara Malaysia, Filipina dan Indonesia. Melalui inisiatif ini Operasi *Trilateral Maritime Patrol* dan *Trilateral Air Patrol* dilaksanakan secara berkala di kawasan tanggungjawab berkenaan.

Keempat, mengekalkan kolaborasi keselamatan bersama *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) yang berada di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri khususnya dalam pelaksanaan Operasi Bersepadu dan Koordinasi di Pantai Timur Sabah.

Isu kedua yang dibangkit oleh Yang Berhormat Datuk Jamilah ialah status terkini dan hala tuju perjanjian *Trilateral Cooperative Agreement* yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan Filipina. Sebagai maklumat Yang Berhormat, rangka kerjasama di bawah Perjanjian *Trilateral Cooperative Agreement* (TCA) antara Malaysia, Indonesia dan Filipina kini berjalan dengan aktif dengan lancar serta dinaungi komitmen yang tinggi oleh Menteri Pertahanan ketiga-tiga negara. Pertemuan terkini Menteri Pertahanan ketiga-tiga negara ini ialah pada 14 September 2018 yang lalu di Manila, Filipina.

Justeru komitmen Malaysia dalam menjayakan TCA tidak akan terjejas seperti kebimbangan Yang Berhormat Senator akibat daripada isu bajet. Sebenarnya isu bajet ini tidak wujud seperti apa yang dibincangkan tadi. *Initiative TCA* ini melibatkan kerjasama yang erat dalam aspek rondaan terkoordinasi serta pertemuan di laut bagi melancarkan perkongsian maklumat dalam menangani ancaman di Laut Sulu. Sepanjang tahun ini sebanyak 19 siri pertemuan di laut telah dilaksanakan.

Di samping itu, sebanyak empat siri lawatan operasi melibatkan Angkatan Tentera Laut dari ketiga-tiga negara telah diadakan sejak inisiatif ini dilancarkan pada 19 Jun 2017. Bagi memperkukuhkan lagi rondaan di laut, Angkatan Tentera Udara ketiga-tiga negara turut membuat pemantauan udara secara bersama dan berterusan setiap bulan.

Pelaksanaan rondaan maritim di laut dan udara melibatkan aset dan anggota pasukan keselamatan dari Malaysia, Indonesia dan Filipina memperlihatkan komitmen tinggi ketiga-tiga negara dalam menangani jenayah rentas sempadan, ancaman keselamatan maritim serta keganasan di rantau ini khususnya di kawasan Perairan Laut Sulu.

Bagi memperkasakan lagi kerjasama di bawah perjanjian TCA ini, Menteri-menteri Pertahanan Malaysia, Indonesia dan Filipina juga telah bersetuju untuk melaksanakan latihan ketenteraan melibatkan elemen darat bagi meningkatkan kesiagaan dan *tactical interoperability* antara tentera darat ketiga-tiga negara khususnya dalam menghadapi ancaman penganas di sempadan perairan ketiga-tiga negara.

Isu ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Jamilah, ialah berkaitan kedudukan ATM yang pernah dinyatakan sebagai di antara tercorot di kalangan negara ASEAN. Sebagai maklumat untuk Yang Berhormat, Kementerian Pertahanan dan ATM memberi jaminan bahawa keupayaan dan tahap kesiapsiagaan ATM sekarang berada di tahap yang baik dan berupaya mempertahankan kedaulatan negara dan keutuhan wilayah dan kesejahteraan ekonomi negara daripada sebarang bentuk ancaman.

Kementerian ini juga sedang mengambil beberapa langkah penambahbaikan hala tuju pembangunan ATM berdasarkan kepada ancaman semasa dan persekitaran keselamatan strategik serantau dan global yang tidak menentu melalui Kajian Semula Dasar Pertahanan Negara (DPN), Strategi Ketenteraan Negara dan Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat Angkatan Tentera Malaysia (4DMAF) yang sedia ada.

Di samping itu, kementerian juga sedang membangunkan kertas putih pertahanan yang menyeluruh termasuk aspek-aspek kesiapsiagaan aset-aset ketenteraan. Kementerian percaya dengan adanya Pelan Pembangunan Keupayaan ATM yang berteraskan kepada Kertas Putih Pertahanan yang terkini, pelan atau *Road Map* Pembangunan Keupayaan Jangka Panjang ATM yang komprehensif dan kelengkapan yang berteknologi tinggi dan disepadukan dengan pembangunan modal insan yang berkualiti serta turut mengambil kira faktor ancaman luar akan dapat merealisasikan sistem pertahanan negara yang lebih mampan dan efisien bagi melindungi dan mempertahankan negara dari sebarang bentuk ancaman.

Isu terakhir yang akan saya sentuh ialah daripada Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim yang membangkitkan isu status tanah di Skudai, Johor dan adakah terdapat perancangan untuk membina kem baharu di kawasan berkenaan.

■1730

Saya membuat lawatan ke Kem Skudai dua bulan lalu. Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator, tanah yang dimaksudkan yang terletak di Skudai ini merupakan tanah milik Persekutuan untuk kegunaan Kementerian Pertahanan bagi tapak cadangan Kem Skudai. Buat masa ini, pihak kementerian masih berhasrat untuk meneruskan cadangan pembangunan kem berkenaan. Ini sebenarnya kes yang dipelajari oleh mereka dalam kerajaan, *how not to do land swap*. Ini kes *land swap* yang gagal, kes *land swap* yang teruk dan telah mengganggu pelan strategik ketenteraan.

Kerajaan telah memateraiakan satu perjanjian penswastaaan pembinaan Kem Skudai pada tahun 1997 dengan syarikat KCSB Konsortium Sdn. Bhd. bagi membina Kem Skudai secara tukaran tanah lot 1876 Mukim Plentong seluas 380 ekar dan lot 139, Mukim Tebrau seluas 70 ekar. Walau bagaimanapun, pihak kontraktor hanya menyiapkan 18 peratus, 18 *percent* daripada keseluruhan projek dan dua lot tanah balasan tersebut telah dipindah milik kepada pihak KCSB Konsortium Sdn. Bhd. setelah pihak syarikat mengemukakan *land bond* sebanyak RM256 juta berdasarkan terma perjanjian yang telah ditangani.

Pihak kerajaan pada ketika ini sedang melaksanakan tindakan undang-undang terhadap pihak KCSB Konsortium Sdn. Berhad. bagi menuntut kerugian yang dialami atas

kegagalan menyiapkan Projek Kem Skudai dan kes tersebut sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kes ini kes yang saya rasa kes yang paling teruk dan KCSB Konsortium Sdn. Berhad. atau syarikat ini memang tidak bertanggungjawab. Tanah telah dimiliki oleh syarikat ini dan *land bond* telah tidak lagi sah. Ini keadaan yang kita hadapi. Walau bagaimanapun, saya harap isu ini kita boleh diselesaikan dan kita tidak lagi mengulangi kes seperti ini. Kes ini memang salah satu kes yang paling teruk saya pernah alami. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

Tuan Liew Chin Tong: Ya.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah membangkitkan isu mengenai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Saya bacakan dua perenggan. Ada dikatakan Manifesto Pakatan Harapan bahawa Program Latihan Khidmat Negara akan dihentikan tetapi terdapat pandangan dan kajian bebas yang menyatakan ia mampu memupuk patriotisme di kalangan pelatih.

Soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk meneruskan program tersebut ataupun tidak ataupun menambahbaikkan PLKN? Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong: Program PLKN telah diberhentikan dan jabatan JLKN iaitu Jabatan Latihan- KN itu apa?

Tuan Yang di-Pertua: Khidmat.

Tuan Liew Chin Tong: Khidmat Negara. JLKN telah dipindah di bawah Kementerian Belia dan Sukan. JLKN tidak lagi di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua yang berbahas tentang belanjawan Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

5.34 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mula menjawab, saya hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ada dalam Dewan? Ada, okey dekat belakang sana dan juga Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad ada tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak tanya fasal apa Yang Berhormat?

Dr. Ong Kian Ming: Bukan, kerana saya hendak tanya mereka sama ada mereka ada dalam Dewan atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak?

Dr. Ong Kian Ming: Kalau tidak, saya mohon izin untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Kena mohon izin dengan saya Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan tanya di sana.

Dr. Ong Kian Ming: Okey, okey, ya. Boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris telah membangkitkan banyak isu berkenaan dengan kementerian saya. Pertama sekali ialah tentang sektor E&E, di mana beliau telah mempersoalkan strategi dan juga hala tuju kementerian dan juga kerajaan untuk meningkatkan prestasi sektor E&E.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga makluman Ahli Yang Berhormat, sektor E&E merupakan tulang belakang kepada industri pembuatan di Malaysia ataupun *manufacturing sector*, di mana ia menyumbang secara signifikan kepada jumlah eksport dan juga bilangan pekerjaan dalam negara.

Jadi, walaupun mungkin dari segi *contribution to GDP*, dengan izin, sektor E&E belum lagi mencecah 30 peratus tetapi dari segi jumlah eksport ia memang merupakan sebahagian besar daripada eksport di Malaysia ke luar negara.

Pada tahun 2017, sektor E&E telah menyumbangkan sebanyak RM343 juta kepada jumlah eksport negara iaitu 36.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport negara dan 44.7 peratus daripada jumlah eksport adalah dari sektor pembuatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebentar.

Dr. Ong Kian Ming: Okey.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung.

Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbanding dengan jumlah eksport sektor E&E sebanyak RM287.8 juta pada tahun 2016, ia merupakan peningkatan sebanyak 19.2 peratus dan jumlah eksport yang tertinggi sejak 2007. Pada masa yang sama, jumlah peluang pekerjaan dalam sektor ini telah bertambah dari 322,308 pada tahun 2016

kepada 331,670 pada tahun 2017. Saya yakin bahawa prestasi pada tahun 2018 apabila angka ini dilaporkan di Dewan yang mulia ini, memang akan bertambah berbanding dengan tahun 2017.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai tambah sektor E&E ataupun *value added* telah meningkat daripada 75 juta pada tahun 2016 kepada 81 juta pada tahun 2017 iaitu peningkatan sebanyak lapan peratus. Jumlah nilai tambah sektor E&E bagi Januari hingga September 2018 adalah sebanyak 62,447,000 iaitu peningkatan sebanyak 2.7 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lepas.

Industri E&E Malaysia merupakan sebahagian daripada rantaian nilai global ataupun *global supply chain* dan eksport sektor ini adalah didorong oleh kebanyakan syarikat antarabangsa yang beroperasi di negara ini. Kebanyakan aktiviti dalam sektor ini adalah tertumpu pada sektor hiliran yang terdiri daripada aktiviti nilai tambah rendah seperti *back-end manufacturing* dan integrasi sistem.

Pada masa yang sama, bagi memenuhi aspirasi pendapatan tinggi negara, Malaysia perlu mentakrif semula kelebihan daya saing negara dalam bidang pembuatan yang tidak boleh lagi bersandarkan kos yang rendah. Itu adalah pelan yang ada sebelum ini. Akan tetapi *looking forward* pada masa hadapan, kita hendak meningkatkan prestasi daripada segi *value added* sektor E&E. Sebaliknya, sektor ini perlu menggerakkan rantaian nilai sedia ada ke arah aktiviti hulu yang lebih kompleks dan mempunyai nilai tambah yang lebih tinggi seperti *IC design*, dengan izin, dan juga *wafer fabrication*. Saya akan sentuh sebentar lagi.

Dalam hal ini, kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah dan strategi bagi meningkatkan lagi daya saing sektor E&E negara yang disokong oleh pelaburan yang berkualiti, peningkatan produktiviti melalui inovasi, pembangunan modal insan dan juga pembangunan polisi dan insentif yang bersasar.

Antaranya adalah melaksanakan pendekatan berfokus dan pendekatan ekosistem dalam usaha menarik pelaburan berkualiti dengan memberi penekanan terhadap industri bernilai tambah tinggi, industri berteknologi tinggi dan berintensifikasi modal, industri berintensifikasi pengetahuan serta aktiviti-aktiviti R&D.

Dalam konteks ini, pelbagai galakan pelaburan berbentuk fizikal dan bukan fizikal bagi mempromosikan sektor E&E telah diperkenalkan dan ditambah baik secara berterusan. Penganjuran misi perdagangan dan pelaburan ataupun *strategic trade and investment mission* oleh MITI ke negara-negara pengeksport utama, modal dan teknologi untuk menyebarkan maklumat tentang keadaan ekonomi negara yang terkini melalui penganjuran seminar bengkel

dan program-program berkaitan pelaburan yang berpotensi di dalam sektor perkilangan umumnya daripada sektor E&E khususnya juga telah diambil.

■1740

Memperluaskan pembangunan rangkaian bekalan dengan menganjurkan beberapa sesi persidangan pembekal-pembekal industri ataupun *suppliers conference* dan juga menganjurkan program-program pembangunan vendor. Langkah-langkah ini juga dapat membantu pelabur-pelabur asing dalam *business matching* untuk memulakan projek usaha sama ataupun *joint-venture projects* untuk melaksanakan pengilangan kontrak.

Kolaborasi kerajaan industri dan akademia melalui pelbagai program dan inisiatif dalam usaha memastikan keperluan modal insan dalam sektor E&E dapat dipenuhi dari segi jumlah dan kualiti. Ini dilakukan bukan sahaja di Putrajaya tetapi juga di negeri-negeri di mana sektor E&E memang ada banyak aktiviti seperti di Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur dan juga di Johor Bahru.

Kajian yang berterusan dan pelaksanaan dasar dan polisi untuk memastikan Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan yang kondusif dan kompetitif untuk pelabur asing dan tempatan di rantau ini. Pertimbangan dan pemberian insentif menyasarkan projek-projek yang berkualiti dan berimpak tinggi yang dapat melengkapkan ekosistem sektor pengilangan dalam sektor E&E.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga telah menyentuh tentang MIMOS di mana beliau berkata, MIMOS prestasinya tidak nampak begitu ketara. Saya rasa saya perlu memberikan sendiri penjelasan mengenai prestasi MIMOS. Mungkin dalam beberapa tahun ini, apa yang dibuat oleh MIMOS tidak diberikan publisiti yang cukup. Akan tetapi saya yakin dalam masa hadapan, oleh sebab MIMOS sekarang ini di bawah tanggungjawab MITI dan di bawah Pelan Strategi Industri 4.0, saya yakin bahawa lebih banyak aktiviti yang boleh dikatakan *value-added* dalam sektor E&E dan juga dalam sektor pembuatan akan dilakukan oleh MIMOS.

Saya hendak memberitahu Yang Berhormat Senator pada masa ini, aktiviti R&D dalam bidang *IC design* dan juga *IC fabrication* di MIMOS tidak terhenti. Akan tetapi, masih diteruskan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11). Walau bagaimanapun kaedah, cara dan juga pendekatan penyelidikan dibuat dan telah diolah semula berdasarkan kekangan kewangan akibat daripada pengurangan dana pengurusan yang berterusan bermula dari tahun 2015.

Pada tahun 2018, MIMOS hanya menerima peruntukan pengurusan sebanyak 36 peratus daripada keperluan semasa organisasi. Ini memerlukan langkah drastik dari segi pihak pengurusan untuk memastikan kesinambungan organisasi. Pada masa yang sama, tidak melibatkan penutupan *facility* kritikal bagi pihak kerajaan. Dalam bidang *IC design*, penekanan terkini adalah kepada reka bentuk litar berkuasa rendah (*low power*) untuk aplikasi *Internet of Things* (IoT).

Penyediaan sistem mikro elektronik pintar untuk tenaga hijau dan penyelidikan teknologi *micro electronic based encryption*, dengan izin. Pada masa ini, MIMOS menjadi pemangkin sektor *IC design* di Malaysia melalui kerjasama industri untuk menyediakan *microchip design* di dalam bidang *artificial intelligence* (AI) yang diperlukan oleh syarikat besar dunia seperti TSMC, Amazon dan lain-lain. Sebagai mana yang kita maklum, kos peralatan *IC design* adalah sangat tinggi. Untuk itu, di samping melakukan penyelidikan, MIMOS juga berkongsi peralatan *IC design* tersebut dengan pihak industri dan juga universiti secara *smart partnership* ataupun perkongsian pintar.

Ini sedikit sebanyak akan menurunkan kos pihak industri dan juga universiti dalam pelaksanaan aktiviti mereka. Kerjasama dengan pihak universiti ini juga akan memastikan pelajar universiti dapat peluang untuk menggunakan peralatan sebenar *IC design*. Dengan ini, mereka boleh meningkatkan kebolehkerjaan ataupun *employability* mereka di dalam bidang ini.

Sebanyak tujuh syarikat *IC design* tempatan dan 16 buah universiti awam kini terlibat dalam kerjasama ini. Seramai 500 orang pelajar telah menerima manfaat penggunaan peralatan semenjak tahun 2016 dan pada tahun-tahun hadapan, kerjasama ini akan diteruskan dengan lebih banyak universiti dan industri di Malaysia dengan matlamat untuk menyediakan antara 300 orang sehingga 500 orang *IC designer* baru dalam setahun untuk keperluan industri.

Mungkin apa yang perlu ditambah baik adalah dari segi publisiti dan juga dari segi *feedback* daripada industri untuk menunjukkan bahawa kerjasama pintar ini memang sesuatu yang mendatangkan manfaat kepada industri dan juga kepada semua pihak yang terlibat, termasuklah pihak universiti dan juga para pelajar.

Dalam bidang *IC fabrication* pula, penyelidikan di MIMOS adalah tertumpu kepada penyediaan proses fabrikasi, penggunaan bahan *grafin* dan bahan 35 baharu bagi industri semi-konduktor. Penggunaan teknologi terkehadapan ataupun *technology frontier grafin* ini akan mendapatkan pengurangan kebergantungan industri terhadap penggunaan logam berat

dan juga mahal seperti platinum, emas, perak dan sebagainya. Bukan sahaja MIMOS yang terlibat di dalam hal ini, tetapi juga ada agensi yang lain seperti National Graphene Institute yang juga terlibat di dalam menggunakan *frontier technology* ini.

Buat masa sekarang, *facility* fabrikasi MIMOS diletakkan dalam keadaan *warm down* dengan izin, dengan penggunaan yang minimum untuk kegunaan aktiviti penyelidikan di atas. Adalah dipersetujui bahawa *facility* ini tidak harus diletakkan dalam keadaan seperti ini, dalam jangka masa panjang, di mana mungkin akan mengakibatkan kerosakan kepada mesin-mesin yang tidak digunakan. Terdapat beberapa syarikat yang bercadang untuk melakukan kerjasama dengan MIMOS dalam usaha untuk memajukan teknologi sedia ada dan penggunaan *facility* ini.

Namun demikian, faktor kewangan yang telah saya bangkitkan tadi memang merupakan satu cabaran yang besar. Berkaitan peralihan tanggungjawab kawal selia MIMOS daripada MESTECC kepada MITI, hala tuju baru MIMOS adalah di dalam peringkat perancangan yang akan dimuktamadkan dalam masa terdekat. Apa yang penting sekali, MIMOS akan memainkan peranan utama sebagai E&E Manufacturing Innovations Center (EEMIC) yang akan menjadi peneraju utama sektor E&E di Malaysia. Penubuhan EEMIC ini akan menyelaraskan segala aktiviti termasuklah aktiviti R&D CNI dan semua di dalam peningkatan kesediaan, keupayaan dan juga strategi sektor E&E negara.

Ahli Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan isu mengenai Industri 4.0 seperti *robotic, artificial intelligence, biotechnology* dan sebagainya. Apakah peranan MITI untuk merealisasikan Pelan Industri 4.0?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberikan sedikit butiran yang telah diumumkan di dalam Bajet 2019 yang melibatkan Industri 4.0. Antara galakan yang disediakan adalah potongan cukai dua kali di atas perbelanjaan yang dibuat oleh syarikat yang menyertai Skim Latihan Dual Nasional bagi program Industri 4.0 yang diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Potongan cukai ke atas perbelanjaan kursus baharu dalam bidang kejuruteraan dan teknologi Industri 4.0 oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTs). Maka, kursus baharu ini hendaklah ditentukan oleh Kementerian Pendidikan. Potongan cukai ke atas sumbangan peralatan dan mesin oleh syarikat kepada pusat pembinaan kemahiran politeknik atau kolej vokasional yang disahkan oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Pendidikan.

Potongan dua kali ke atas biasiswa yang diberikan oleh syarikat kepada pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di peringkat teknikal dan vokasional, diploma serta ijazah dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi membangun dan meningkatkan kemahiran pekerja dalam Industri 4.0 ke atas program latihan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Potongan dua kali ke atas perbelanjaan syarikat yang melaksanakan secara langsung program latihan berstruktur dan diluluskan oleh Kementerian Sumber Manusia bagi pelajar di bawah bidang kejuruteraan dan juga teknologi. Jadi, semua perkara ini telah diumumkan dalam Bajet 2019.

Selain daripada galakan cukai, pihak kerajaan akan melaksanakan inisiatif-inisiatif yang lain seperti Program Latihan Tenaga Pengajar untuk meningkatkan kemahiran tenaga pengajar dalam bidang berkaitan dengan Industri 4.0 untuk mengajar dan menghasilkan pakar-pakar bidang teknologi baharu.

Pihak kerajaan juga akan berusaha melengkapkan *facility* universiti dengan teknologi Industri 4.0 untuk menjadi *competent center* dengan izin, bagi membangunkan keupayaan dan kebolehan pelajar dan juga perusahaan kecil dan sederhana.

■1750

Kerajaan telah mengenal pasti 11 teknologi pemboleh bagi Industri 4.0 dan teknologi ini sebenarnya telah bertapak lama di Malaysia. Kerajaan telah pun memperkenalkan beberapa program untuk melibatkan kerjasama awam dan swasta bagi meningkatkan keupayaan dan kebolehan dalam menguasai teknologi tersebut. Sebagai contoh, Program Robotik Malaysia untuk memajukan industri robotik negara dan Pelan Tindakan Strategik IoT Kebangsaan bagi menyokong pembangunan ekosistem IoT. Saya rasa setakat ini sahaja untuk Program Industri 4.0 yang melibatkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya ada tambahan sedikit. Terima kasih. Ada cadangan meminta supaya MIMOS menjadi satu institut bagi melahirkan pemain-pemain Industri 4.0 yang mana Industri 4.0 adalah satu industri yang baharu yang mana ada bidang-bidang yang sudah pasti memerlukan satu inisiatif ataupun kerjasama daripada pelbagai agensi. Jadi, apakah kerajaan bersedia untuk meletakkan MIMOS sebagai salah satu institut untuk melahirkan pemain-pemain Industri 4.0, terutamanya dari kalangan belia Malaysia? Terima kasih.

Dr. Ong Kian Ming: Terima kasih atas soalan tambahan itu. Sebenarnya dari segi Industri 4.0, ada pelbagai sektor yang ada peranan yang penting dalam pelaksanaan Industri 4.0. Dalam sektor pembuatan, ada juga beberapa industri seperti apa yang saya telah katakan tadi seperti industri E&E, *machinery*, *aerospace* dan sebagainya. Kepakaran MIMOS adalah dalam sektor E&E, sektor *manufacturing*, dalam sektor pembuatan.

Jadi, buat masa sekarang tidak ada rancangan untuk membuat MIMOS sebagai satu institusi untuk menggalakkan pemain ataupun pemacu kepada Industri 4.0 dari segi keseluruhan tetapi memberi tumpuan kepada sektor elektrik dan elektronik (E&E) sahaja.

Seperti apa yang saya telah katakan, sekarang ini MITI sedang bekerjasama dengan MIMOS untuk memulakan *E&E Manufacturing Innovation Center* (EEMIC) yang memang akan menjadi pemacu untuk segala aktiviti di bawah Industri 4.0 dalam sektor E&E yang melibatkan R&D, C&I dan sebagainya. Apa yang Yang Berhormat kata adalah betul, MIMOS memang ada peranan yang penting tetapi khususnya dalam sektor E&E sahaja. Untuk industri yang lain dalam sektor pembuatan, saya rasa lebih sesuai untuk menjadikan agensi ataupun institusi yang lain sebagai pemacu.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, maksudnya kita boleh katakan bahawasanya MIMOS hanya memberi tumpuan kepada industri E&E itu, maksud saya.

Dr. Ong Kian Ming: Ya, dalam Industri 4.0 memang MIMOS adalah agensi utama dalam pelaksanaan program E&E dari segi R&D dan dari segi menjadi pemacu. Jadi, kalau tidak ada soalan yang lain dari Yang Berhormat, saya mengakhiri penggulungan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ong Kian Ming, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, telah menjawab dengan panjang lebar dan tepat. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan pula Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Dipersilakan.

5.54 ptg.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada tujuh orang Yang Berhormat Senator yang telah membangkit secara langsung perkara-perkara di bawah tanggungjawab kementerian ini sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di Dewan ini pada Mesyuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Keempat Belas ini. Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, dia ada di sini?

Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen? Kalau tidak ada, saya boleh bagi jawapan secara bertulis. Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen bertanya banyak soalan tetapi dia tidak ada di sini.

Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen bersama dengan Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, ada? Okey. Dia mencadangkan agar cukai pelancongan disalurkan semula kepada negeri-negeri supaya dapat diuruskan sendiri. Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi juga menyentuh mengenai isu yang sama, meminta kementerian menyatakan status kutipan cukai pelancongan dan pengagihan kepada negeri-negeri, termasuk negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, merujuk kepada ucapan Belanjawan 2019 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November 2018 yang lepas, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian *50 percent*, dengan izin, daripada hasil kutipan cukai pelancongan yang diterima di negeri-negeri berkenaan sebagai menyokong usaha kerajaan negeri dalam menggiatkan aktiviti pelancongan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Perlembagaan Persekutuan, hasil kutipan daripada cukai Persekutuan, termasuklah cukai pelancongan hendaklah disalurkan kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Ia adalah di bawah kawal selia Kementerian Kewangan. Sehubungan dengan itu, urusan penyaluran hasil kutipan cukai pelancongan kepada negeri-negeri ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Saya terus kepada soalan...

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Yang Berhormat Menteri, jadi menyentuh tentang kutipan daripada hasil Akta Pelancongan 2017, di mana akhirnya kerajaan membuat keputusan untuk memberi 50 peratus daripada hasil kutipan daripada negeri-negeri dikembalikan kepada negeri-negeri yang telah mengutip cukai tersebut. Adakah itu fahaman saya yang sebetulnya?

Jadi, saya difahamkan, macam mana negeri itu menuntut hasil bahagian mereka? Adakah mereka terus diberi secara *outright*, di balik secara *outright* macam itu ataupun negeri-negeri itu terpaksa mengemukakan program-program yang perlu dianjurkan oleh pihak negeri kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan kemudian Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya mengajukan senarai program-program yang telah dikemukakan oleh negeri untuk Kementerian Kewangan membayar kepada kerajaan negeri. Mohon penjelasan.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada soalan tadi. Sebenarnya, Kementerian Pelancongan, Seni, dan Budaya hanya- tidak dapat memberi jawapan khusus berkenaan dengan bagaimana metodologi yang akan disalurkan kepada negeri masing-masing. Melalui pengumuman Yang Berhormat Menteri Kewangan pada bajet yang lepas, dia mengatakan sebanyak 50 peratus akan dikembalikan kepada negeri masing-masing. Jikalau Sabah kutip RM20 juta umpamanya, RM10 juta akan disalurkan kembali kepada negeri-negeri tersebut.

Tujuan kita mengutip hasil ataupun cukai pelancongan ini, RM10 semalam ialah untuk kita gunakan dana ini untuk memperkasakan infra dan memperkasakan lagi sektor-sektor, produk-produk pelancongan. Jadi dari segi metodologi, dari segi cara, tatacara, proses bagaimana wang itu disalurkan, minta maaf saya tidak dapat jawab dengan tepat kerana ini di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Saya teruskan kepada soalan-soalan yang lain. Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen ini dia tanya sebanyak 10 soalan, jadi kita boleh *skip* sebanyak 10 soalan. Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, ada di sini?... *[Disampuk]* Tidak ada juga?

■1800

Jadi, saya beri jawapan bertulis Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya cepatlah ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid, ada, ada, okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Dia ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ada, ada. Baru jumpa di kedai kopi tadi. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Isa telah membangkitkan isu berkaitan pelancongan masyarakat Orang Asli dan telah meminta kementerian untuk memperkasakan ekopelancongan dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Orang Asli serta apakah usaha kementerian dalam mempromosi dan menyokong daripada segi dana bagi ekopelancongan kampung Orang Asli di Pos Kuala Mu. Pos Kuala Mu ini di Perak. Pos Senderut Pahang.

Kedua, membuat pinjaman perjawatan ke JAKOA bagi menghidupkan seni dan budaya serta meningkatkan ekopelancongan masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016–2025 sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan dan kelestarian segmen ekopelancongan di seluruh negara. Sebanyak 60 kluster ekopelancongan telah dikenal pasti di seluruh negara yang mempunyai pelbagai produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan dan dipromosikan sebagai destinasi

ekopelancongan terkemuka dunia dan pada masa yang sama dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi komuniti setempat ataupun *community based tourism*, dengan izin.

Di bawah pelan ini, kementerian sangat menyokong dan menggalakkan penyertaan masyarakat setempat terutamanya Orang Asli di Pos Kuala Mu, Perak dan Pos Senderut, Pahang bagi membolehkan mereka mendapat limpahan ekonomi melalui aktiviti-aktiviti pelancongan, berteraskan komuniti seperti penghasilan kraf tangan dan penglibatan sebagai pemandu pelancong bagi aktiviti-aktiviti ekopelancongan seperti *bird watching*, dengan izin, dan sebagainya.

Di samping itu, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa komited untuk membantu masyarakat Orang Asli dalam menambahkan pendapatan dan memperkasakan pembangunan sosioekonomi dengan usaha-usaha seperti berikut:

- (i) menganjurkan kursus pemandu pelancong melibatkan Orang Asli ataupun penduduk tempatan;
- (ii) melesenkan Orang Asli sebagai pemandu pelancong sebagai antara kaedah alternatif untuk mengurangkan kebergantungan hidup tradisi mereka kepada hasil hutan; dan
- (iii) menggalakkan perkembangan produk pelancongan untuk diusahakan sebagai IKS yang terdapat di kawasan Orang-orang Asli.

Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga sentiasa berusaha untuk memperkasakan sosioekonomi masyarakat Orang Asli menerusi penghasilan produk kraf beridentitikan etnik dan suku kaum. Sehingga kini, terdapat 18 orang usahawan kraf di kalangan Orang Asli di Pos Kuala Mu menjalankan perusahaan kraf dan menghasilkan produk hasil rimba di sekitar Kampung Bersah, Kampung Toh serta Kampung Gapih.

Pada tahun 2019, Kraftangan Malaysia akan mengadakan makmal pengeluaran kraf hasil rimba bagi penghasilan produk kelarai, kelarai tempo iaitu topi untuk Orang Asli, sumpit, tikar anyaman dan beliung iaitu kapak mini khususnya kepada Orang Asli di Pos Kuala Mu, Perak. Kraftangan Malaysia juga mengadakan hubungan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) negeri Perak untuk membangun dan mempromosikan produk kraf keluaran Orang Asli tersebut. Selain itu, Kraftangan Malaysia akan membantu memberi khidmat nasihat dalam aspek rekaan dan kemasan bagi pengeluaran produk Orang Asli.

Berkenaan dengan peminjaman perjawatan ke JAKOA bagi menghidupkan seni dan budaya masyarakat Orang Asli. Cadangan tersebut berkenaan peminjaman perjawatan ke JAKOA, kementerian ini telah menempatkan dua orang pegawai Jabatan Muzium Malaysia

(JMM) di Muzium Orang Asli, Gombak di bawah JAKOA iaitu seorang Penolong Kurator Gred S29 dan seorang Pembantu Muzium Kanan Gred S22. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Senator supaya kementerian ini membuat pinjaman lain-lain perjawatan ke JAKOA bagi menghidupkan seni dan budaya serta meningkatkan ekopelancongan masyarakat Orang Asli akan diperhalusi oleh kementerian dan perlu mendapat persetujuan daripada Jabatan Perdana Menteri terlebih dahulu kerana JAKOA adalah di bawah bidang kuasa JPM.

Saya terus kepada soalan. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, ada sini? Oh, okey. Kawan lama. Telah memohon kementerian agar memberikan perhatian tempat-tempat pelancongan yang berpotensi yang menarik di negeri Perak yang memerlukan sokongan kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sememangnya menyedari potensi negeri Perak sebagai destinasi pelancongan yang terkemuka. Sehubungan itu, menerusi Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025, kementerian telah mengenal pasti empat kluster ekopelancongan di negeri Perak yang berpotensi dibangunkan dan dipromosikan secara bersepadu, *integrated promotion* iaitu:

- (i) Taiping, Kuala Sepetang, Batu Kurau, Bukit Merah;
- (ii) Ulu Geroh, Gua Tempurung, Gopeng dan Batu Gajah;
- (iii) Royal Belum, Lenggong, Kuala Kangsar; dan
- (iv) Pulau Sembilan, Teluk Senangin, Segari Melintang.

Antara tarikan utama di kluster-kluster ini ialah seperti Taman Negara Royal Belum. Taman Negara Royal Belum ini akan dibawa naik untuk menjadi salah satu Tapak Warisan Dunia UNESCO dan dosirnya telah pun hampir siap dan akan dikemukakan kepada pihak UNESCO di Paris pada bulan Februari 2019.

Gua Tempurung, Kellie's Castle, Kinta Natural Bird Park, Bandar Diraja Kuala Kangsar, Bukit Larut, Pulau Pangkor- Pulau Pangkor pun telah diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai baru-baru ini. Pulau Sembilan, Menara Condong dan Tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong yang telah pun diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

Jabatan Warisan Negara (JWN) masih dalam peringkat kajian untuk mendapatkan bukti-bukti bagi memperluaskan kluster-kluster Tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong yang signifikan dengan *Perak Man* melalui penemuan rangka manusia prasejarah di Lembah Nenggiri, Ulu Kelantan baru-baru ini.

Di samping itu, di bawah *Rolling Plan 4 (RP4)* Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM7.96 juta bagi tiga buah projek peningkatan kemudahan pelancongan dan pembangunan ekopelancongan di Perak seperti berikut:

- (i) pembangunan rumah Lat, kartunis terkemuka tanah air dan galeri di Batu Gajah, Perak sebanyak RM5 juta;
- (ii) pembangunan *ecotourism* di Pusat Ekopelajaran Hutan Paya Laut Matang, Perak sebanyak RM1.96 juta; dan
- (iii) pembangunan *ecotourism* di Lata Tebing Tinggi, Selama sebanyak RM1 juta.

Selain itu, kementerian menerusi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga telah memperkenalkan projek Kraf Komuniti Kuala Kangsar, Kraf Komunitiku Kuala Kangsar pada tahun 2016 di Sayong yang merangkumi empat buah kampung di Kuala Kangsar iaitu Kampung Sayong Tengah, Kampung Pauh, Kampung Bukit Lada dan Kampung Kepala Bendang bagi mempromosi produk kraf tempatan yang seterusnya membantu menjana pendapatan usahawan kraf.

Pelaksanaan projek ini telah melibatkan seramai 104 orang usahawan kraf seramik dengan penjanaan nilai jualan sebanyak RM2.9 juta bagi tempoh 10 bulan antara bulan Januari hingga bulan Oktober 2018. Pada masa yang sama, kementerian melalui Jabatan Warisan Negara juga telah mengisytiharkan sebanyak 20 tapak atau bangunan di negeri Perak sebagai warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] di antaranya ialah Muzium Perak. Muzium Perak ini berumur 135 tahun yang dibina pada tahun 1883 dan merupakan muzium yang paling tua di negara kita.

■1810

Penjara Taiping dan Gereja *All Saints* di Taiping. Kedua, Menara Condong Teluk Intan di Teluk Intan. Ketiga, Masjid Ubudiah dan Istana Kenangan di Bukit Candan, bangunan *big school* Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) di Kuala Kangsar dan keempat, Muzium Darul Ridzuan di Ipoh. Tapak-tapak bangunan ini mempunyai nilai sejarah dan estetika yang boleh menarik lebih ramai pelancong ke negeri Perak.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop turut mencadangkan supaya peruntukan kementerian yang diberikan untuk tahun 2019 digunakan untuk membantu dan memberi peluang kepada pengusaha tempatan dalam memasarkan produk dan perkhidmatan dalam industri pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia sentiasa menyokong dan membantu dalam membangunkan industri pelancongan di Malaysia.

Di antaranya melalui insentif pelancongan yang disediakan iaitu Tabung Khas Pelancongan (TKP) dan Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP). TPIP adalah satu insentif untuk membantu pengusaha yang ingin membangun atau mengembangkan produk-produk pelancongan dalam bentuk kemudahan pembiayaan pinjaman yang dikendalikan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB).

Pinjaman ini adalah satu kemudahan untuk membantu pengusaha pelancongan melalui kadar kaedah pinjaman iaitu empat *percent* sehingga enam *percent* setahun. Manakala, Tabung Khas Pelancongan (TKP) adalah bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan dalam membangunkan industri pelancongan dalam kalangan usahawan industri kecil dan sederhana.

Melalui ucapan Bajet 2019, kerajaan bersetuju untuk dana tabung pelancongan PKS sebanyak RM500 juta disediakan oleh SME Bank dengan kerajaan memberikan kadar faedah sebanyak dua peratus. TKP ini akan memberi pilihan kepada pengusaha industri tempatan, terutamanya pengusaha *homestay* dan kraf tangan bagi tujuan memasarkan produk dan perkhidmatan dalam industri pelancongan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah. Yang Berhormat Senator telah membangkitkan isu mengapakah kawasan pelancongan di negeri Kedah tidak diterokai sepenuhnya? Contohnya, di Lembah Bujang dan tiada penjagaan rapi di kawasan tersebut, pagi tadi saya telah jawab dengan terperinci.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa meneroka mana-mana warisan yang berpotensi dengan melaksanakan kajian sebelum mempertimbangkan pewartaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*]. Selain bertujuan untuk mengenal pasti kepentingannya, ia juga untuk pemeliharaan dan perlindungan, dengan izin, *conservation and protection*. Ini termasuk warisan yang terdapat di negeri Kedah.

Sehingga kini sebanyak 10 tapak dan bangunan di negeri Kedah telah diwartakan. Contohnya, seperti Kota Kuala Kedah, Sekolah Kebangsaan Tunku Putra Baling, Tapak Arkeologi Sungai Batu dan lain-lain. Selepas menetapkan tapak ataupun bangunan sebagai warisan, kementerian ini memohon kerjasama semua pihak, termasuk pihak berkuasa negeri,

pihak berkuasa tempatan dan pemilik tapak atau bangunan supaya menjaganya dengan baik selaras dengan seksyen 42, Akta 645 yang menyatakan bahawa pemunya sesuatu tapak warisan hendaklah memastikan tapak warisan sentiasa dalam keadaan baik dan terjaga.

Untuk makluman, beberapa tapak dalam kawasan Lembah Bujang juga telah diwartakan sebagai kawasan warisan. Ini termasuklah Candi Batu Pahat, Candi Pengkalan Bujang, Candi Bukit Choras dan Tapak Arkeologi Sungai Batu. Jabatan Warisan Negara dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia iaitu Jabatan Arkeologi Universiti Sains Malaysia dan pihak berkuasa negeri, masih meneruskan penyelidikan di Lembah Bujang untuk mengenal pasti dan menetapkan tapak lain di sekitarnya yang berpotensi sebagai warisan.

Selain itu, penyelenggaraan ke atas tapak berkenaan turut dilaksanakan, termasuk membina pelindung, *shelter*, dengan izin, di tapak-tapak arkeologi, pembersihan tapak secara berkala dan mengadakan galeri sementara untuk rujukan pelawat di tapak Sungai Batu. Di samping itu, Jabatan Warisan Negara juga telah menempatkan pejabat sementara dan pegawai di tapak Sungai Batu untuk memantau tapak tersebut dan tapak-tapak lain di kawasan Lembah Bujang bagi memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik.

Untuk makluman tambahan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah, Lembah Bujang seperti yang saya katakan pada pagi tadi mempunyai 97 kotak ataupun tapak *tranches*. Cuma kita baharu meneroka sebanyak 52 kotak kalau tidak silap saya, baru separuh daripada 97 *tranches* tersebut. Usaha ini dilakukan oleh bahagian arkeologi di Universiti Sains Malaysia di bawah seliaan Professor Mokhtar Saidin. Usaha ini mengambil masa yang lama. Kita kena faham bahawa penyelidikan, *the research* ini mengambil masa yang lama, *it takes a long time* dan bukan kita hendak menyembunyikan fakta dan sebagainya.

Akan tetapi proses penyelidikan itu masih berterusan. Pihak EPU juga telah pun meluluskan dana sebanyak, tidak silap saya sebanyak RM19 juta kepada USM untuk membeli peralatan-peralatan bagi mereka menggunakan dalam proses *excavation*, ekskavasi tapak warisan ataupun di Lembah Bujang tersebut.

Jadi, *insya-Allah* kita dan saya juga sempat pergi ke Lembah Bujang ke Sungai Batu. Seperti yang saya katakan tadi, di sana juga melalui proses sonar, kita mendapati ada lima kapal karam yang masih berada di *water loch* Sungai Batu. Ini juga adalah antara kena *distreated with*- kena dilayan dengan baik. Ini kerana kita mahu sebab kita pernah bawa keluar satu paku, satu besi selak keluar daripada kapal tersebut dan selang beberapa hari ia menjadi *brittle* dan pecah, retak kerana ia tidak boleh tahan dengan faktor cuaca, *weathering* dan

sebagainya. Jadi, kita kena berhati-hati dalam kita mengekskavasi tapak-tapak tersebut. Pihak kerajaan negeri juga ada berusaha ataupun sedang berusaha untuk memastikan beberapa kawasan yang perlu digazetkan sebagai *special area plan* dan itu di bawah pihak berkuasa negeri. Kita harap pihak berkuasa negeri dapat mempercepatkan proses menggazetkan kawasan Lembah Bujang sebagai *special area plan*. Ada soalan?

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri memaklumkan tadi bahawa sebanyak RM19 juta telah diberikan kepada USM untuk memberi peralatan *archeologist* untuk mereka terus menggali dan mencari bahan-bahan ini.

Akan tetapi kalau kita lihat dari sudut pelancongan Yang Berhormat, *equipment* itu tidak apalah untuk USM buat *research* tetapi dari segi *income* pelancongan itu yang kita bincang pagi tadi dan sekarang ini. Dari segi pelancongannya, berapa banyak kah kerajaan telah memperuntukkan wang kepada Lembah Bujang dan juga kawasan yang persekitaran, dengan Sungai Batu dan sebagainya?

Yang Berhormat apakah- kalau banyak kita pergi ke negara-negara luar yang terdapat barang-barang begini, *local council* selalunya menjalankan aktiviti-aktiviti pelancongan dan ada sesetengahnya juga menswastakan. Apakah kerajaan bercadang supaya kita swastakan pusat-pusat pelancongan ini supaya ia mendapat *income* dan *income* daripada situ kita boleh memperbesarkan kawasan *research* kita itu. Juga, kapal yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, yang tenggelam tadi ini memerlukan wang untuk menimbulkan kapal-kapal ini.

■1820

Apakah kerajaan sekarang ini tidak ingin menimbulkan semula secara *privatization*, dengan izin? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Yang Berhormat Senator, kapalnya tidak boleh saya katakan tadi, tidak boleh bawa keluar satu benda pun daripada kapal kerana ia akan rosak ataupun *brittle*. Oleh sebab itu, dia *must be remained under water*. Ia kena terus berada dalam air. Memang kita telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan beberapa pihak luar, *international organization* yang telah diiktiraf oleh UNESCO.

Tadi pagi pun saya sebut tentang trip saya ke India untuk mengkaji bagaimana usaha mereka untuk memelihara dan memulihara tapak-tapak warisan yang mengambil masa begitu panjang. Sebenarnya *tourism* ataupun pelancongan akan datang daripada tersebut, daripada hasil usaha *conservation* tersebut. Kalau kita tidak mahu meng *showcase* atau memperlihatkan tapak-tapak warisan tanpa *story line* ataupun *story telling* yang lebih

berkesan. *Evident, document, archive* dan sebagainya untuk kita bentangkan pada para pelancong.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan melalui bajet baru ini telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta pada tahun hadapan untuk membina galeri arkeologi di Sungai Batu. Jumlah inilah yang kita sedang- macam saya kata tadi, bekerjasama dengan badan antarabangsa untuk benar-benar kita buat secara *detail* dari segi konservasinya. Kita tidak boleh terus tanpa *research*, kita terus mengorek dan ia akan sensitif dan boleh mencatatkan usaha kita untuk memelihara.

Apa yang penting ialah untuk memelihara dan memulihara. Kesilapan kita kadangkang di seluruh dunia, ramai orang yang berlumba-lumba untuk mendapatkan tapak dunia mereka sebagai tapak warisan UNESCO untuk tujuan *tourism*. Sebenarnya, apabila dapat tapak warisan UNESCO itu, *the tourism come by itself*. Kita tidak perlu hendak *promote*. Kalau kita sudah beritahu- okey, Georgetown, Melaka adalah tapak warisan dunia UNESCO. Dengan sendirinya, ramai akan datang kerana ia telah diiktiraf sebagai tapak warisan UNESCO.

Jadi, kita juga ada usaha untuk mengambil tanah di kawasan Lembah Bujang tersebut kerana sesetengah itu tanah persendirian. Apabila tanah persendirian, kita risau tentang- dari segi pengambilan ataupun *smuggling out*. Walaupun sekarang ini kita bercakap, kita risau akan mereka yang menyeludup bahan-bahan artifak daripada Lembah Bujang kerana Lembah Bujang ini mempunyai sejarah yang saya kata tadi 582 BC. Begitu lama dari seginya itu. Memang kita sedang mengkaji secara terperinci tentang proses penswastaaan yang akan kita buat kerana kita- macam saya kata tadi, kita selesaikan dahulu masalah *research*, masalah penyelidikan tapak ini.

Apabila kita betul-betul yakin bahawa ini adalah apa yang kita hendak dipamerkan atau hendak *showcase*, maka kita akan bawa badan antarabangsa untuk melihat potensi untuk dimajukan sebagai tapak arkeologi dan tapak UNESCO. Seterusnya untuk kita bawa pelancong-pelancong asing. Boleh saya jawab? Boleh, cukup? *All right*.

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah seterusnya meminta kementerian menyatakan apakah *rural tourism* dan apakah *cultural tourism*. Jadi, fokus kementerian bagi menjana pendapatan pelancongan negara seperti yang dilakukan oleh negara Thailand.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sememangnya telah mengenal pasti potensi segmen *rural tourism*- pelancongan desa,

ini dan *cultural tourism*- pelancongan budaya dalam merancang strategi untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita.

Bermula tahun 1995, kementerian juga telah pun melaksanakan Program Pengalaman *Homestay* Malaysia sebagai salah satu inisiatif di bawah pelan induk pelancongan luar bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar di dalam sektor pelancongan. *Homestay*, adalah merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga, tuan rumah, pengusaha *homestay* yang telah berdaftar dengan kementerian ini. Konsep utama yang ditekankan bagi produk ini adalah lebih kepada produk pelancongan *lifestyle* ataupun berunsurkan pengalaman yang mana para pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta merasai dan menikmati gaya hidup dan budaya masyarakat kampung.

Sehingga bulan Oktober tahun 2018, terdapat seramai 4,404 pengusaha *homestay* yang menawarkan 5,862 bilik di seluruh negara telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Bagi tempoh Januari sehingga Oktober tahun 2018, seramai 288,670 orang pelancong telah menyertai program *homestay* ini yang telah menjana pendapatan sebanyak RM20.95 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian telah mengenal pasti enam tema utama menerusi Pelan Strategik Pelancongan Malaysia yang merupakan pemangkin bagi mencapai sasaran ketibaan 30 juta pelancong dan RM100 bilion pendapatan pelancongan menjelang tahun 2020. Daripada enam segmen tersebut, memberi penekanan kepada pelancongan desa dan pelancongan budaya iaitu *cultural*, *arts*, *heritage* dan *nature adventure*, dengan izin.

Bagi memperkukuhkan lagi peranan kedua-dua segmen ini pada tahun 2016, kerajaan telah merangka Pelan Ekopelancongan Kebangsaan 2016-2025 sebagai hala tuju dalam memperkukuhkan pembangunan dan memastikan kelestarian produk ekopelancongan di seluruh negara di samping menonjolkan kepelbagaian budaya dan adat warisan yang seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi ekonomi komuniti setempat.

Menerusi pembangunan kluster-kluster ini, aktiviti pelancongan berasaskan komuniti atau, dengan izin, *community-based tourism*, termasuk program *homestay* diberi fokus untuk dikembangkan secara holistik dan dipromosikan secara bersepadu dengan destinasi-destinasi pelancongan yang lain-lain yang berada dalam kluster yang sama.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, *cultural tourism* adalah pelancongan yang melibatkan pengalaman persekitaran budaya termasuklah landskap, seni tampak, seni visual

dan nilai serta gaya hidup masyarakat setempat. Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong asing menikmati kepelbagaian etnik dan budaya masyarakat Malaysia yang unik dan menarik, pelbagai perancangan telah dan sedang dilaksanakan oleh kementerian untuk memastikan pelancongan budaya di Malaysia sentiasa diangkat sebagai satu jenama yang menyumbang kepada peningkatan jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia. Antara perancangan dan faktor yang dapat menarik minat pelancong asing telah dikenal pasti. Antaranya:

- (i) mencalonkan lebih banyak tapak warisan yang berpotensi yang saya sebut tadi untuk diiktiraf sebagai tapak warisan dunia, *world heritage sites* sebagai UNESCO seperti Taman Hutan Selangor (FRIM) dan Permatang Kuarza iaitu di Gombak dan Taman Negara Royal Belum di Perak. Tiga tapak ini telah pun diangkat sebagai *tentative list*, senarai tentatif untuk dikenal pasti sebagai tapak yang akan diiktiraf dalam tapak warisan UNESCO;
- (ii) membangun dan mempromosi secara meluas lokasi atau tempat pelancongan budaya menarik di Malaysia. Contohnya, promosi pelancongan Taman Negara Royal Belum di Perak yang kaya dengan sumber-sumber sejarah dan warisan negara yang masih terpelihara;
- (iii) bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuklah orang awam, kerajaan negeri, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta dalam memastikan pelancong asing dapat menikmati citra budaya rakyat Malaysia dengan selamat dan dapat menikmati pengalaman istimewa untuk dibawa balik ke negara mereka;
- (iv) penjenamaan produk-produk budaya. Contohnya, produk-produk kraf Malaysia dipromosikan dan dijual secara meluas di serata negara dengan mengekalkan kualiti dan identitinya serta pakej yang menarik; dan

■1830

- (v) pengisian program-program menarik yang memaparkan warisan dan budaya negara kita. Contohnya, pelbagai program kebudayaan yang dianjurkan oleh jabatan dan agensi kebudayaan. Antaranya Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM), Iftar@Kuala Lumpur, Hari Kraf Kebangsaan, *Kuala Lumpur International Craft Festival (KLICF)*, Pameran Antarabangsa KL Biennale dan Persembahan *Colors of Malaysia*.

Selain itu, terdapat juga pelbagai program kebudayaan di peringkat negeri masing-masing yang mengangkat budaya setiap negeri untuk dinikmati oleh pelancong. Contohnya, Festival Permainan Malaysia di Kuala Lumpur, Festival Kesenian Rakyat Kelantan di Kelantan, Festival Kesenian di Perak, Festival Seni Budaya Selangor di Selangor, Pesta Angin Timur di Perlis, Pesta Air Chenor di Pahang, Ritma Kinabalu di Sabah dan sebagainya.

Saya hendak terus kepada Yang Berhormat Senator...

Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah: Minta sedikit penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkitkan *cultural* dan *rural tourism* ini Yang Berhormat Menteri kerana Thailand— kalau kita tengok Thailand sahaja, *income* daripada *tourism* ini USD57 billion setahun dan Indonesia mendapat lebih kurang USD18 bilion. Kalau kita tengok perbezaan *tourism* Thailand, Indonesia dengan Malaysia, kita banyak menumpu kepada menaikkan taraf, *development of the tourist* punya tempat-tempat ini.

Kadang-kadang kita bagi kepada pejabat daerah untuk buat kedai-kedai macam kedai MARA di tepi *waterfall*. *Waterfall* yang cantik itu kita ambil peruntukan pergi buat. Padahal, *people* hendak tengok benda-benda yang *natural*, lain daripada Indonesia dengan Thailand. Kita pergi di Thailand, tidak ada apa Tuan Yang di-Pertua. Jamban orang kadang-kadang. Di Bali itu, bilik hotel kita ini, depan bilik hotel ada jamban orang kampung dan tanah sawah. *That is what people want to see*, dengan izin. Jadi, kita tidak tumpu kepada pemasaran kita. Ini yang saya timbulkan.

Padahal, di Thailand itu dia gunakan *tag line* mereka, *send, shopping, sayang*—seks. Jadi, mereka memasarkan begini. Padahal kita mengambil peruntukan, buat bangunan, buat yang tinggi-tinggi, bumbung nak ikut- kalau boleh Negeri Sembilan ikut bumbung Negeri Sembilan, Kedah ikut bumbung Kedah dan kita habiskan wang kita untuk perkara-perkara sebegini. Sedangkan tidak kita fokuskan kepada pemasaran kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pohon maaf kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Tidak perlu maaf. Betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator. Sebelum ini- tetapi selepas ini tidak akan jadi macam itu. Sebelum ini memang kita lihat- saya sendiri pergi melawat beberapa tempat yang di mana-umpamanya PBT yang meminta supaya kita adakan *boardwalk* ataupun Jabatan PERHILITAN minta kita buat *boardwalk*.

Saya sendiri pergi melihat *boardwalk* tersebut dan saya sendiri juga melihat beberapa infra yang telah kita bangunkan. Tandas-tandas yang telah kita bangunkan dan tapak penjaja, kosong kerana apa? Ini kerana pihak berkuasa negeri, satu ataupun pihak PBT tidak ada

peruntukan untuk *maintenance*. Kita pandai buat tetapi kita tidak pandai *maintenance*, tidak pandai menyelenggarakan.

Jadi dengan ini, EPU telah pun menggariskan beberapa kriteria apabila kita hendak meluluskan sesuatu projek naik taraf, satu projek baharu, kita hendaklah *factor in maintenance* atau pun penyelenggaraan. Apabila kita buat *boardwalk* untuk jalan di tepi Teluk Cempedak umpamanya, kita kena ada satu *business model* yang *sustainable*, bagaimana *boardwalk* itu boleh diselenggara dan selamat untuk digunakan oleh orang ramai.

Memang saya setuju, betul apa yang Yang Berhormat Senator kata betul, di mana buat di tengah-tengah hutan satu tapak penjaja. Siapa hendak pergi makan tengah-tengah hutan itu? Jadi, memang betul, saya bersetuju. Ini adalah antara perkara-perkara yang kita lihat dalam bahagian prasarana pembangunan. Faktor-faktor inilah yang kita akan tentukan bahawa apa-apa projek yang kita buat mesti *sustainable*. Ia apabila kita hendak serah kepada mana-mana pihak berkuasa negeri atau serah kepada agensi kerajaan, kita hendaklah memastikan bahawa apa yang diserahkan itu—selalunya kita bagi *one-off*.

Kementerian Pelancongan dan Budaya tidak selenggara. Ia buat dan ia akan serah. Bila ia serah itu, kita hendak serah supaya kita hendak memastikan bahawa penyelenggaraan, *sustainable of the place* serta promosi dapat dijalankan dengan baik. Terima kasih oleh sebab memberi teguran tersebut dan *insya-Allah* kerajaan baharu ini kita akan memastikan bahawa mana-mana projek yang kita buat ini mesti *viable*. Kadang-kadang kita dapat banyak jemputan, "*Mailah tengok tempat saya, tempat saya menarik, ada batu berombak*". Ada hantar mesej kepada saya, "*Tempat saya menarik, ada kolam air panas, tempat saya menarik*".

Akan tetapi kami di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya serta EPU, kita kena tengok dari segi *viability*, kita kena tengok dari segi *accessibility*, kita kena tengok dari segi banyak faktor lagi supaya orang yang kata tadi menarik, betul menarik akan tetapi bagaimana hendak akses kepada tempat itu. Jadi, itu yang antara- banyak lagi tempat- memang Malaysia ini kaya dengan tempat-tempat menarik.

Akan tetapi bagaimana kita hendak mempromosikan dan menghasilkan satu produk yang baik, itu adalah cabaran kepada kita. Memang Thailand, saya akui ke depan dari segi sektor pelancongan mereka. Belanjawan mereka untuk promosi sahaja ialah sebanyak USD420 juta. Berapa bilion itu? USD420 juta untuk perbelanjaan promosi pelancongan. Thailand menerima 40 juta orang pelancong setahun, 10 juta orang pelancong China pergi ke Thailand. Walaupun dengan beberapa *travel advisory*, mereka masih lagi dapat menawan hati pelancong-pelancong luar untuk ke negara Thailand.

Saya sempat juga berjumpa dengan Timbalan Menteri Pelancongan Thailand. Saya tidak ingat nama dia, susah hendak sebut. Akan tetapi beliau mengatakan bahawa mereka sanggup bekerjasama dengan kita. Menteri Kebudayaan Thailand pun saya berjumpa, mengatakan bahawa memang Thailand, Malaysia dan Indonesia sepatutnya mempromosikan *region* daripada mempromosikan negara masing-masing, kita mempromosikan *region*. Seperti kita pergi ke Balkan. Balkan itu ada Croatia, Bosnia, Montenegro dan sebagainya.

Begitu juga dengan *region* kita. Kita mempromosikan Thailand, Indonesia dan Malaysia bersekali. Ini akan juga dibincangkan dalam masa *ASEAN Tourism Minister Forum* di Vietnam pada bulan hadapan. Ini adalah antara tajuk yang kita akan bangkitkan dalam mempromosi serantau daripada mempromosi negara masing-masing. Kadang-kadang Thailand pun mengatakan bahawa, kalau boleh kita hendak *spill over* daripada pelancong dia, hendak bawa kepada Malaysia. Kita memang dekat dengan Thailand. Phuket dengan Langkawi cuma *border* sahajakan. Jadi, itu adalah antara usaha yang kita akan buat di Thailand.

Seperti saya kata tadi, tentang *connectivity* serta visa. Thailand menawarkan visa VoA kepada pelancong-pelancong yang kita kenakan visa. Kita kenakan macam-macam. Visa fees RM400, visa *restriction* tiga bulan, dua kali sahaja boleh *multiple entry*. Akan tetapi Thailand, dia lebih *relax* dari segi kemasukan pelancong asing melalui *visa on arrival* (VoA). Jadi, itu antara perkara yang Malaysia harus lihat bagaimana untuk memperbanyakkan lagi pelancong-pelancong yang datang ke negara kita.

Betul soalan tadi, tentang *cultural tourism*. Bila kita buat *cultural tourism*, kita menarik pelancong yang berkualiti, *the affluent tourist*. *Affluent tourist normally they are interested to come and see our cultural, unique culture*. Dia tidak datang untuk melihat ataupun untuk membeli belah. Mereka datang untuk melihat keunikan kebudayaan negara kita. Oleh sebab itu, mereka lebih *affluent* dan ini adalah antara fokus yang kita akan buat pada masa akan datang, okey? Saya menjawab soalan? Boleh saya terus ya.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali. Ada di sini ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada?

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Oh! Kita boleh *skip* lah ya. Boleh saya bagi jawapan bertulis?

Jadi, soalan akhir juga datang daripada Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali. Jadi saya rasa saya akhiri di sini, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian yang bertanya soalan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dan *insya-Allah* kepada Yang Berhormat Senator yang tidak hadir kita akan memberi jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih banyak Yang Berhormat Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik iaitu Timbalan Menteri Pelancongan Seni dan Budaya yang telah banyak memperkatakan tentang kebaikan pelancongan ini dan kita telah buka fikiran banyaknya. Mudah-mudahan kita dapat melaksanakan dengan terbaik.

Sekarang saya panggil pula Menteri Sumber Manusia, dipersilakan.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang, salam harapan.

Tuan Yang di-Pertua, terdahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak KSM, kepada 11 Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh lima kluster utama yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia iaitu kluster peluang pekerjaan dan hak pekerja, kluster pembangunan sumber manusia negara, kluster penggubalan dasar perburuhan, kluster gaji dan gaji minimum dan kluster hal-hal lain ataupun pelbagai.

Seramai lapan orang Yang Berhormat Senator yang iaitu Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan, Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan pemberhentian dan juga hak-hak pekerja serta peluang-peluang pekerjaan.

Saya hendak menyentuh dahulu berkaitan dengan isu pemberhentian pekerja yang berkaitan dengan pekerja-pekerja di media utama di negara kita iaitu Media Prima, *Malay Mail* dan juga *Utusan Malaysia*. Dua orang Yang Berhormat Senator telah menyentuh hal yang berkaitan dengan isu ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang telah pun mengemukakan persoalan ini, tindakan pemberhentian pekerja yang melibatkan pekerja Media Prima, *Malay Mail*, *Utusan Malaysia* juga TV3 dan lain-lain, tindakan pemberhentian boleh dilaksanakan secara pemberhentian biasa melalui tindakan penamatan kontrak oleh majikan kerana syarikat mengalami masalah kewangan ataupun penyusunan semula struktur perniagaan yang mengakibatkan berlakunya lebih tenaga pekerja.

Pekerja yang diberhentikan akan dibayar faedah penamatan sekurang-kurangnya mengikut Akta Kerja 1955 ataupun perjanjian bersama, *collective agreement*. Manakala pemberhentian secara *voluntary separation scheme* (VSS) adalah tindakan alternatif kepada pemberhentian biasa, di mana pekerja sendiri yang menawarkan diri dan bersetuju dengan tawaran yang diberikan untuk ditamatkan pekerjaan dengan syarat majikan menawarkan faedah penamatan ataupun pampasan yang lebih baik daripada peruntukan undang-undang ataupun terma perjanjian bersama.

Kerajaan, khususnya Kementerian Sumber Manusia amat prihatin terhadap isu pemberhentian pekerja. KSM telah menyediakan garis panduan pengurusan pemberhentian pekerja yang bertujuan menetapkan prosedur dan panduan kepada para majikan dalam menguruskan pemberhentian pekerja serta memberikan maklumat mengenai hak-hak pekerja di bawah undang-undang.

Berdasarkan kepada rekod Jabatan Tenaga Kerja (JTK) jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan bagi tahun 2018 sehingga 30 November adalah 21,054 orang iaitu berlaku penurunan berbanding dengan tahun 2017 sebanyak 35,097 orang. Jadi tahun ini 21,054 orang yang melibatkan seramai 15,532 orang, 74 persen yang terlibat dalam pemberhentian secara biasa dan seramai 5,522 orang iaitu 26 persen yang membabitkan pemberhentian secara VSS.

Dalam usaha mengurangkan kadar pemberhentian pekerja, KSM sentiasa mencadangkan kepada pihak majikan agar tindakan pemberhentian pekerja di ambil sebagai langkah terakhir. Bagi membantu pekerja-pekerja yang terlibat dalam pemberhentian pekerja, kementerian menetapkan beberapa strategi berikut.

Pertama, program latihan semula. Program latihan semula pekerja yang diberhentikan ini adalah untuk membantu mereka mendapat latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa pasaran buruh. KSM melalui jabatan dan agensi iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK), Pembangunan Sumber Manusia

Berhad dan Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Sosial (PERKESO) telah menyediakan latihan dan bantuan yuran latihan sebagai nilai tambah kepada pekerja yang terjejas akibat dengan pemberhentian tersebut.

Kemudian yang kedua ialah Sistem Insurans Pekerja (SIP). Kementerian juga menerusi PERKESO telah menguatkuasakan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017, Akta 800 mulai 1 Januari 2018. Akta 800 ini merupakan suatu akta baharu yang memberikan perlindungan insurans kepada pekerja yang diberhentikan supaya dilindungi dan mendapat faedah sekiranya diberhentikan.

Bagi mereka yang kehilangan pekerjaan, SIP memberikan perlindungan tambahan kepada pekerja dengan menyediakan faedah berbentuk bantuan kewangan sementara dan faedah-faedah seperti penempatan pekerjaan, kaunseling kerjaya, elaun mencari pekerjaan, elaun bekerja semula, elaun pendapatan berkurang, elaun latihan dan juga fi latihan.

Jadi esok *insya-Allah*, saya akan ke pejabat PERKESO wilayah untuk menyerahkan bayaran SIP bagi sebahagian daripada bekas-bekas kakitangan *Utusan Malaysia* yang dimiliki oleh UMNO yang terpaksa diberhentikan melalui VSS. Jadi, esok saya akan menyerahkan daripada SIP tersebut.

Selain itu, KSM juga memastikan pekerja yang diberhentikan mendapat hak sewajarnya. Pekerja-pekerja dilindungi di bawah Akta Kerja 1955 atau perjanjian bersama antara majikan dan pekerja. Pekerja yang diberhentikan akan dipastikan akan menerima bayaran faedah yang mereka berhak terima seperti baki gaji, baki cuti tahunan, notis dan faedah-faedah penamatan kerja. Pekerja boleh memfailkan tuntutan di Mahkamah Buruh di JTK sekiranya majikan gagal untuk membuat bayaran faedah-faedah yang berbangkit daripada pemberhentian pekerjaan tersebut.

Di samping itu, peruntukan undang-undang di bawah seksyen 20, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*] memberikan perlindungan kepada pekerja sekiranya terdapat isu pembuangan kerja tanpa sebab atau alasan yang munasabah di mana remedi yang diperuntukkan adalah pemulihan pekerja.

Representasi secara bertulis kepada Ketua Pengarah Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) yang berhampiran dengan tempoh 60 hari daripada tarikh pembuangan pekerja perlu diambil oleh pekerja. Majikan juga diperlukan agar mengikut *code of conduct for industrial harmony* bagi memastikan perhubungan perusahaan kekal kondusif dan juga harmoni.

Pihak majikan juga dikehendaki mematuhi dan melaksanakan prinsip *foreign workers first out* iaitu pekerja asing diberhentikan terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan diberhentikan. Ini adalah undang-undang yang mesti dipatuhi oleh pihak majikan seperti mana yang dikehendaki di bawah seksyen 60N, Akta Kerja 1955.

Sekiranya pemberhentian yang dibuat oleh majikan tidak melibatkan pemberhentian sepenuh maka majikan akan di nasihat supaya mengamalkan konsep *last in, first out*. Ini bagi memastikan pekerja-pekerja yang telah lama berkhidmat dengan majikan tersebut dapat dikekalkan.

Berhubungan dengan pemberhentian pekerja yang melibatkan pekerja Media Prima, *Malay Mail*, *Utusan Malaysia* dan juga TV3. Majikan telah menawarkan skim VSS iaitu mana-mana pekerja yang berminat dengan tawaran tersebut boleh memohon tanpa sebarang paksaan. Bagi kes pemberhentian pekerja di Media Prima dan juga TV3, kementerian ini melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan telah menerima aduan di bawah seksyen 18 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 daripada Kesatuan Sekerja Kakitangan Sistem Televisyen Malaysia Berhad dan Kesatuan Eksekutif Sistem Televisyen Malaysia Berhad, berhubung dengan proses pemberhentian pekerja yang terdiri daripada pekerja berjawatan tetap dan kontrak yang akan ditamatkan perkhidmatan oleh Syarikat Sistem Televisyen Malaysia Berhad. Kes tersebut sedang dalam proses runding damai yang dilakukan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan.

Berkaitan dengan isu penutupan TH Hotel di Sarawak Sendirian Berhad, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi ada?

■1850

Berhubung dengan isu pemberhentian kerja oleh TH Hotel dan juga Pusat Konvensyen Sarawak. Penamatan kontrak perkhidmatan kepada 157 orang pekerja berkuat kuasa pada 1 Mac 2019 seperti mana notis penamatan kontrak bertarikh 1 Disember 2018 yang diberikan kepada para pekerja. Sehubungan dengan itu, pekerja TH Hotel dan juga Pusat Konvensyen Sarawak yang diberhentikan adalah layak mendapat faedah sistem insurans SIP seperti yang saya sebutkan tadi.

Majikan juga telah dinasihatkan supaya membantu pekerja-pekerja yang ingin mencari pekerjaan lain dengan mendaftarkan mereka ke dalam portal JobsMalaysia serta merujuk hal berkenaan dengan pihak PERKESO untuk mendapat faedah-faedah di bawah SIP. Berkaitan dengan isu pengangguran dan peluang pekerjaan dan kebolehpasaran. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran

suku tahun ketiga bagi tahun 2018 mencatatkan kadar 3.4 peratus, tidak berubah berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2017.

Senario kadar pengangguran di bawah kadar 4.0 peratus ini menunjukkan negara berada pada tahap guna tenaga penuh. Bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpasaran, terutamanya belia lepasan sekolah, lepasan institut kemahiran dan siswazah, kerajaan sentiasa melaksanakan program-program bagi membantu pencari kerja, termasuk siswazah untuk memperoleh pekerjaan.

Di antara program-program yang akan dan telah dilaksanakan adalah sistem portal pekerjaan *JobsMalaysia* telah dinaiktaraf sebagai salah satu daripada projek pembangunan kementerian di bawah RMKe-11 untuk meningkatkan kecekapan proses padanan dan penempatan pekerjaan. Program penempatan pekerjaan 3P antaranya ialah karnival kerjaya, temu duga terbuka, kembara kerjaya, lawatan keperluan guna tenaga, kerjasama dengan agensi-agensi lain, *holiday placement for student* dan juga Program Penyesuaian Kerjaya oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

Program-program ini akan terus dilaksanakan dan termasuk juga program generik oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad. Program ini bertujuan untuk membantu graduan menganggur mendapat latihan mengikut keperluan industri serta peluang pekerjaan selepas tamat latihan selain meningkatkan penawaran pekerja berkemahiran kepada majikan. Program kepada golongan pekerja dan *future workers* diberikan pembiayaan latihan kemahiran secara geran oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran kepada lepasan sekolah dan siswazah yang masih menganggur untuk mempersiapkan diri dengan kemahiran supaya mudah untuk mendapat pekerjaan bagi memenuhi keperluan industri setempat.

Sehingga 31 Oktober 2018, sebanyak RM19.52 juta daripada RM40 juta yang diterima pada tahun ini di bawah peruntukan pembangunan telah diluluskan untuk membiayai 1,806 pelatih yang layak. Kerajaan juga mengenakan prasyarat yang ketat bagi semua permohonan penggajian pekerja asing. Setiap permohonan yang dibuat melalui sistem ePPAx juga akan disiasat bagi memastikan kesahihan majikan. Keperluan sebenar mengikut kelayakan, usaha mendapatkan pekerja tempatan, pematuhan undang-undang perburuhan dan penyediaan perumahan pekerja.

Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan terlebih dahulu kepada rakyat tempatan di semua kategori pekerjaan. Dasar dan polisi yang sedia ada di bawah RMKe-11, kerajaan telah mengehadkan penggajian pekerja asing hanya pada 15 peratus daripada jumlah guna tenaga negara menjelang tahun 2020 dan

mengawal selia kemasukan pekerja asing berkemahiran rendah melalui penambahbaikan sistem levi pekerja asing.

Kerajaan juga telah melalui penubuhan Jawatankuasa Bebas Pengurusan Pekerja Asing bagi memperhalus cadangan dan pandangan semua pihak dalam menambah baik pengurusan pekerja asing di Malaysia ini. Isu golongan orang berusia dan juga B40. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Ada dan juga Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Kementerian Sumber Manusia, melalui peneraju Jawatankuasa Pekerjaan di bawah Majlis Penasihat Perundingan Warga Emas Negara telah melaksanakan satu kajian iaitu Kajian Penggajian dan Guna Tenaga Warga Emas. Kajian ini telah dilaksanakan selama 10 bulan dan baru sahaja tamat akhir November 2018.

Kajian ini telah pun dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perundingan Warga Emas Negara pada 14 Disember 2018. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji akan keperluan polisi dan merangka langkah-langkah strategik dalam aspek pekerjaan untuk warga emas.

Hasil daripada kajian, merumuskan sembilan bidang fokus strategik dan 19 inisiatif bagi usaha menyediakan Malaysia menghadapi negara tua menjelang tahun 2030. Malaysia akan menjadi negara tua pada tahun 2030. Maknanya, orang umur 65 tahun lebih banyak pada tahun 2030, termasuk dengan sayalah dan juga Yang Berhormat semua. Tuan Yang di-Pertua sudah masuk lebih daripada negara tua kan. Tuan Yang di-Pertua lebih daripada negara tua.

Timbalan Yang di-Pertua: Akan tetapi hati muda.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Hati muda, hati muda, sebab itu nampak ceria selalu. Menerusi Bajet 2019, kerajaan mencadangkan supaya caruman mandatori KWSP bagi majikan dikurangkan daripada enam peratus kepada empat peratus mulai 1 Januari 2019. Golongan pekerja berusia tidak perlu mencarum. Oleh yang demikian, pendapatan boleh guna mereka akan meningkat.

Selain itu, dicadangkan juga potongan cukai tambahan diberikan kepada majikan ke atas perbelanjaan penggajian golongan ini dengan had jumlah saraan sebanyak RM4,000 sebulan. Langkah ini bagi menggalakkan syarikat mengambil semula golongan ini, terutamanya B40 untuk bekerja. Kalau ada Yang Berhormat selepas ini sudah tidak jadi

Senator, termasuk dengan saya. Maksudnya, kalau berasa hendak kerja lagi selepas umur 65 tahun, boleh masuklah kategori ini. Itu pun kalau B40.

Kementerian juga turut memberi perhatian golongan berusia dan golongan B40 melalui program-program di bawah pepadanan pekerjaan melalui portal *JobsMalaysia* dan melalui program-program penempatan pekerjaan di dalam semua sektor pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap pendidikan, kemahiran dan juga pengalaman. Inisiatif ini bukan sahaja bagi memastikan para golongan berusia dan juga B40 dapat meneruskan kelangsungan hidup tetapi menyumbang kepada penyertaan guna tenaga negara.

Saya pun tidak tahu juga Yang Berhormat tetapi saya tengok Tuan Yang di-Pertua nampak sihat, *fit*, boleh duduk dalam Dewan. Dalam keadaan sejuk ini pun boleh tahan. Akan tetapi kebanyakan orang di Malaysia ini, saya tidak tahulah sama ada mereka macam Jepun ataupun tidak. Umur 65 tahun ke atas pun mereka masih boleh bekerja. Akan tetapi kalau di Malaysia ini, 65 tahun ini manja duduk di rumah main dengan cucu sahaja. Kecuali dalam Malaysia ini ada satu Perdana Menteri, dia masih bekerja, termasuk juga dengan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Berdasarkan kepada Laporan Penempatan Pusat *JobsMalaysia*, pada tahun 2018 sehingga Oktober 2018, seramai 240 orang pesara terdiri daripada 156 lelaki dan 84 wanita yang berumur 60 tahun dan ke atas telah berjaya ditempatkan di dalam pekerjaan. Antara usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia melalui *JobsMalaysia* (JTK) adalah melaksanakan program pekerjaan yang memberikan peluang pekerjaan kepada golongan berumur 60 tahun dan ke atas melalui temu duga terbuka, karnival kerjaya dan kerjasama antara agensi.

Di samping itu, kementerian juga telah menguatkuasakan peraturan-peraturan kerja, pekerja separa masa di bawah Akta Kerja 1955 mulai tahun 2010 yang bertujuan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia, termasuk pesara dan juga golongan B40 menyertai pasaran pekerjaan. Peraturan kerja memberikan alternatif kepada sistem bekerja separuh masa, menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran buruh dan menyediakan waktu kerja yang mesra pekerja dan juga mesra keluarga.

Pekerjaan OKU dan juga graduan OKU. Ya, Yang Berhormat memang *famous* dalam memperjuangkan hak-hak OKU. Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia dari semasa ke semasa membantu rakyat Malaysia meningkatkan taraf sosioekonomi melalui penawaran peluang-

peluang pekerjaan dan latihan kemahiran kepada golongan rentan, termasuk orang-orang kurang upaya (OKU), termasuk graduan OKU.

KSM juga menyelaraskan tanggungjawab semua peranan jabatan dan agensi di bawah kementerian dan mempengerusikan Jawatankuasa Pekerjaan bagi Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU), menggalakkan majikan memberikan peluang pekerjaan kepada OKU. Manakala Jabatan Tenaga Kerja (JTK) berfungsi sebagai menjaga hak dan kebajikan dari aspek penggajian melalui Akta Kerja 1955 [Akta 265].

■1900

Berdasarkan kepada Laporan Penempatan GMC sehingga Oktober 2018, seramai 616 orang terdiri daripada 403 orang lelaki dan juga 213 orang wanita orang-orang kurang upaya telah berjaya ditempatkan di dalam pekerjaan.

Kerajaan melalui KSM terus komited untuk meneruskan Program Skim Bantuan Galakan Perniagaan Orang Kurang Upaya. Peruntukan sebanyak RM10 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi tempoh 2016 sehingga 2020 bagi membantu usahawan-usahawan OKU yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan menerusi pemberian geran perniagaan yang bertujuan meningkatkan penyertaan OKU dalam perniagaan, seterusnya penggajian OKU.

Sehingga 30 November 2018, pada tahun ini, seramai 59 orang OKU telah berjaya dibantu oleh kementerian melalui geran yang telah disediakan untuk RM2 juta bagi setiap tahun. Ini kita telah juga meletakkan satu syarat kepada usahawan-usahawan OKU ini supaya mereka juga dapat mengambil pekerja-pekerja daripada kalangan OKU. Akan tetapi sudah tentu, mereka tidak boleh mengambil dengan satu jumlah pekerja OKU disebabkan mereka juga OKU. Jadi, mereka juga harus memastikan pekerja mereka, pekerja yang boleh membantu mereka yang OKU ini untuk melancarkan lagi usahawan ataupun perniagaan mereka.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Pembangunan Sumber Manusia telah memperkenalkan *OKU Talent Enhancement Programme* (OTEP) pada tahun 2016 bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan latihan kepada pekerja dan bakal pekerja yang kelainan upaya (OKU) untuk bekerja dengan majikan berdaftar dengan PSMB. Dari tahun 2016 sehingga November 2018, sebanyak RM2.7 juta telah digunakan bagi melatih lebih 400 pekerja OKU di seluruh negara.

Bermula tahun 2019, pemeraksanaan pembangunan modal insan pekerja OKU akan terus diberikan fokus oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Kementerian juga

mengambil inisiatif untuk mewujudkan jaringan kerjasama dengan pelbagai pihak termasuk dengan agensi-agensi pekerjaan dan juga termasuk program khas kerjasama pihak swasta iaitu agensi swasta Jobs Smack Sdn. Berhad sebagai alternatif penempatan OKU di pasaran pekerjaan.

Dasar kerja fleksibel, penyertaan wanita. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad, ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad ada.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Menurut statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, pada suku tahun ketiga 2018, jumlah tenaga buruh di negara kita ialah sebanyak 15.4 juta orang, manakala jumlah penduduk bekerja ialah sebanyak 14.9 juta dan kadar penyertaan tenaga buruh negara adalah sebanyak 68.5 peratus. Daripada jumlah penduduk bekerja 14.9 juta, jumlah penduduk bekerja perempuan adalah 5.78 juta dan kadar penyertaan tenaga buruh wanita hanyalah 55.5 peratus.

Pada masa ini, dasar dan perundangan perburuhan tidak mempunyai sebarang sekatan ke atas majikan untuk melaksanakan pelbagai bentuk pekerjaan seperti bekerja dari rumah atau sistem kerja anjal di tempat kerja sekiranya majikan dan pekerja telah bersetuju di bawah satu kontrak perkhidmatan dan bersesuaian dengan sifat sesuatu kerja tersebut. Fleksibiliti ini diberikan untuk membolehkan pekerja dan majikan menyusun atur struktur kerja masing-masing dengan lebih berkesan tanpa campur tangan kerajaan.

Kerajaan juga telah mewujudkan Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 di bawah Akta Kerja 1955 yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya wanita menyertai pasaran pekerjaan. Peraturan kerja itu bertujuan untuk:

- (i) memberikan alternatif kepada sistem bekerja separuh masa;
- (ii) menggalakkan penyertaan tenaga kerja rentan seperti suri rumah dan pesara;
- (iii) menggalakkan fleksibiliti kepada pasaran buruh; dan
- (iv) waktu kerja mesra pekerja terutama kepada wanita dan menjana peluang pekerjaan yang lebih luas.

Dalam memastikan pelaksanaan *flexible working hours* ini dapat dilaksanakan, kerajaan bercadang mewujudkan bahagian baharu berkaitan dengan *flexible working agreement* di bawah Akta Kerja 1955. Bahagian ini akan memperincikan berhubung permintaan bertulis seseorang pekerja kepada majikan untuk mengubah terma dan syarat

pekerjaan pekerja, berhubung dengan fleksibiliti pekerja berkenaan termasuklah jam kerja atau hari bekerja dan tempat pekerjaan mengikut syarat-syarat yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu majikan dan juga pekerja.

Bagi menggalakkan para majikan melaksanakan *flexible working arrangements* ini, Talent Corporation Malaysia Berhad, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia telah memberikan khidmat nasihat kepada para majikan untuk melaksanakan *work-life practices* ke arah keseimbangan yang lebih baik antara integrasi kerja dan kehidupan serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga atau *family-friendly*.

Inisiatif ini di antara lain bertujuan untuk mengekalkan bakat dalam organisasi dan meningkatkan produktiviti tenaga kerja di Malaysia. Salah satu daripada kategori *work-life practices* adalah *flexible work arrangements* yang merujuk kepada aturan kerja bertujuan untuk memberikan fleksibiliti kepada pekerja seperti tempat kerja, jadual kerja, jumlah jam bekerja dan juga peranan kerja. Contohnya seperti waktu bekerja berperingkat, minggu kerja mampat, bekerja daripada rumah, pulang awal daripada masa bekerja dan juga lain-lain.

Isu berkaitan dengan diskriminasi pekerjaan. Yang Berhormat Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, ada. Malaysia sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi. Kerajaan memberikan kebebasan kepada rakyat untuk memilih bidang dan jenis pekerjaan yang mereka inginkan, tidak menyekat atau memaksa mana-mana pekerja untuk bekerja di mana-mana premis pekerjaan dan tidak memaksa mana-mana majikan untuk menerima mana-mana kategori pekerja atau mengecualikan mana-mana kategori pekerja daripada diterima bekerja. Kriteria kelayakan akademik, pengalaman yang diperlukan mengikut kategori pekerjaan dan kriteria yang diinginkan yang bersesuaian dengan jawatan yang ditawarkan tanpa sebarang sekatan dari segi warna kulit, pegangan agama dan keturunan.

Oleh yang demikian, sesuatu kontrak pekerjaan wujud di mana pekerja dan juga majikan bersetuju dengan syarat-syarat dan terma-terma penggajian yang tidak berlawanan dengan sesuatu peruntukan perundangan negara yang sedia ada. Kementerian melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) tetap akan menerima aduan-aduan yang dilaporkan. Siasatan setiap aduan akan dijalankan dan sekiranya aduan tersebut didapati berasas, majikan diminta supaya tidak mengamalkan diskriminasi dalam memilih dalam pemilihan calon pekerja.

KSM sedang dalam usaha meminda Akta Kerja 1955 [*Akta 265*] dengan mentakrifkan diskriminasi dalam kerjaya, pekerjaan dan memasukkan larangan diskriminasi terhadap pekerja sebagai salah satu cadangan pindaan. Melalui cadangan pindaan ini, mana-mana

majikan yang mengamalkan diskriminasi dalam pekerjaan boleh didakwa atas kesalahan tersebut dan dikenakan penalti jika disabitkan dengan kesalahan.

Yang Berhormat macam hendak bangun.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah Yang Berhormat?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Silakan.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cukup jelas. Cuma saya menyatakan kebimbangan saya dalam Malaysia baharu pada hari ini yang dikendalikan oleh Pakatan Harapan di mana rakyat juga mempunyai harapan yang cukup tinggi. Suka ataupun tidak suka, realitinya Yang Berhormat, pada hari ini memang ada diskriminasi terhadap graduan Melayu. *Full stop.*

Itu realiti, jangan kita hendak persoalkan sebab banyak *research* telah dibuat. Bahkan pensyarah dari Universiti Malaya (UM), Dr. Lee Hwok Aun, *Senior Lecturer* UM mengatakan bahawa hanya 1.8 peratus pemohon pekerja Melayu yang diterima untuk ditemu duga oleh syarikat-syarikat kaum Cina, *1.8 percent*. Memang ada diskriminasi, ini bukan perkara baharu. Bukan itu sahaja, adakala sudah diambil kerja pun, yang graduan Melayu itu akan dibayar gaji lebih rendah daripada graduan Cina walaupun mempunyai kelulusan yang sama, jawatan yang sama. Di kalangan graduan Melayu perempuan pula, yang pakai tudung selalunya ditolak juga. So, banyaklah maksudnya saya pasti Yang Berhormat memang faham dan tahu perkara ini berlaku.

Saya hendak memohon sangatlah kerajaan baharu- Kita pun tidak mahu menuduhlah. Dalam kalangan orang Melayu, memang kita merasakan kitalah yang paling teruk didiskriminasikan, di kalangan orang Melayu. Ia persepsi di bawah, saya rasa itu betul kerana banyak *research* telah dibuat.

■1910

Jadi harapan kami, bahkan soalan saya, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, sebab kita sudah tahu dan saya bersyukur ada terima aduan-aduan dan juga akta-akta yang akan diambil selanjutnya untuk memastikan supaya diskriminasi ini tidak akan berlaku. Persoalan saya lagi untuk mengambil langkah yang kukuh demi untuk kesejahteraan rakyat dan perpaduan di antara kaum.

Apakah langkah-langkah dan tindakan yang konkrit pihak Kerajaan Pakatan Harapan untuk memastikan graduan-graduan Melayu tidak lagi menjadi mangsa diskriminasi oleh

syarikat-syarikat kaum Cina. Ini adalah harapan kami, Yang Berhormat Menteri. Kalau ini juga tidak dilakukan, saya rasa harapan akan tinggal harapan kosong. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya sangat tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat tentang isu kononnya ada diskriminasi. Saya sudah sebut tadi bahawa jika ada sebarang bentuk diskriminasi dalam apa bentuk sekali pun sama ada kaum dan warna kulit dan sebagainya, *report* harus dibuat.

Kita sentiasa terbuka untuk membuat siasatan dan ada peruntukan undang-undang. Sememangnya kita pun akan- saya sebut tadi akan- kalau Yang Berhormat tanya, apakah langkah-langkah seterusnya. Kita juga akan meminda undang-undang, membuat pindaan-pindaan undang-undang untuk memberikan pentakrifan terhadap soal diskriminasi dan sebagainya dan tindakan ini lebih tegas akan diambil jika terdapat.

Jadi, kalau tidak ada *report* yang dibuat kepada pihak kementerian, khususnya kepada pihak JTK, sudah tentu soal tindakan kita tidak boleh lakukan. Jadi, saya minta maaf kepada Yang Berhormat. Itu jawapan yang dapat saya berikan. Malah, saya percaya bahawa bukan sahaja kepada tindakan yang berasaskan diskriminasi warna kulit ataupun bangsa dan sebagainya. Kalau daripada satu bangsa kepada satu bangsa kalau berlaku diskriminasi pun akan kita ambil. Kita tidak boleh melindungi walaupun kerana dia daripada bangsa yang sama tetapi melakukan diskriminasi terhadap anak bangsa dia pun harus juga diambil. Jadi, bukan atas bersifat perkauman dan sebagainya. Akan tetapi sebarang bentuk diskriminasi saya kata tindakan akan diambil dan kita tidak akan melindungi ataupun menyembunyikan apa-apa isu yang berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan isu yang berkaitan dengan isu kadar pengangguran di Sabah. Datuk Ir. Yong Wui Chung ada? Tidak ada. Tidak ada, saya teruskan. Berkaitan dengan isu pembangunan kluster kedua, pembangunan sumber manusia. Ramai, Datuk Razali bin Idris ada? Ada, Datuk Razali bin Idris ada. Juga beberapa orang yang lain yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan sumber manusia, termasuk berkaitan dengan TVET dan sebagainya.

Seramai tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Senator Datuk Razali bin Idris dan juga Senator Puan Lim Hui Ying yang membangkitkan isu pembangunan sumber manusia. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) sering mengemas kini Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) setiap lima tahun ataupun berdasarkan kepada permintaan dan keperluan industri.

NOSS yang dikemas kini dengan kerja sama industri menjadi asas kepada penghasilan kurikulum yang digunakan bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran kepada pelatih di pusat bertauliah awam dan swasta di bawah pentauliah JPK. Disebabkan itu, kandungan mata pelajaran sentiasa seiring dan selari dengan keperluan-keperluan industri.

Sebagai tambahan, kerajaan menyedari keperluan Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan graduan TVET berkemahiran tinggi dengan keupayaan mengaplikasikan teknologi-teknologi baharu. Oleh sebab itu, KSM melalui JPK giat membudayakan pembangunan modal insan yang dipacu industri dengan melantik 29 *industry lead body* yang berperanan memastikan sumber tenaga mahir yang dihasilkan memiliki kemahiran yang diperlukan dan dapat mengisi peluang pekerjaan dalam pasaran buruh.

Kerjasama strategik ini dapat menutup jurang *mismatch* dan meningkatkan ke boleh pekerjaan graduan yang berkemahiran. Selain itu, bermula tahun 2018, JPK telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) yang menerapkan elemen-elemen teknologi IR 4.0 berdasarkan pada 9 teras utama revolusi berkenaan seperti *cyber security*, *augmented reality* dan *internet opting*. Sehingga November 2018, sebanyak 30 NOSS berkaitan dengan IR 4.0 itu telah dibangunkan dan akan diteruskan pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh masa latihan yang diperlukan bagi pelatih untuk mahir dalam satu-satu tugas seperti ditetapkan di dalam NOSS adalah rekomendasi daripada pakar-pakar industri dan juga pengajar yang berpengalaman luas dalam sesuatu bidang kemahiran.

Kerajaan berpandangan, dalam kita ghairah mahu menghasilkan lebih ramai graduan TVET memasuki pasaran buruh, dalam masa yang sama, kita tidak boleh mengorbankan kualiti hasil kerja mereka sebelum dipastikan layak untuk masuk ke dalam industri. Walau bagaimanapun, ada kursus-kursus berbentuk *modular* dan juga *customize* berjangka masa pendek yang dianjurkan oleh pusat bertauliah awam dan juga swasta mengkhususkan kepada kemahiran tertentu.

Program sebegini sangat digalakkan untuk disertai oleh pekerja yang mahu menambah atau memperbaharui kemahiran sedia ada, sesuai dengan konsep pembelajaran sepanjang ayat. Bagi mengatasi kekangan akses kepada perkakasan berteknologi tinggi dalam latihan kemahiran, KSM melalui JPK telah melaksanakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) yang berkonsepkan 70 peratus latihan praktikal di tempat kerja dan 30 peratus pembelajaran teori di institusi latihan.

Program ini dikendalikan dengan usaha sama syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan. Sebagai rekod, sejak program ini mula dilaksanakan pada tahun 2005 sehingga

Oktober 2018, seramai 106,768 perantis telah menyertai program ini dengan 7,166 syarikat telah terlibat untuk menjalankan latihan menggunakan kaedah SLDN ini.

Berkenaan dengan tahap *soft skills* graduan TVET, NOSS yang dihasilkan oleh JPK dengan kerjasama industri telah memasuki elemen *core abilities* agar pelatih-pelatih mempunyai kebolehan insaniah dan *soft skills* yang diperlukan oleh industri. Antara kemahiran-kemahiran yang diterapkan ialah kemampuan menganalisis informasi, komunikasi berkesan, interaksi dan juga kolaborasi dalam kumpulan, pengurusan sumber dan juga runding cara mengikut budaya dan suasana setempat.

Kesimpulannya, kerajaan sentiasa peka kepada peralihan zaman dan teknologi serta memberikan perhatian yang serius kepada perkara-perkara berkaitan penyampaian latihan kemahiran berkualiti supaya semua graduan TVET yang dihasilkan relevan dengan kehendak pekerjaan dalam industri.

Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu telah membangkitkan berkaitan dengan isu yang berkaitan dengan TVET juga yang berkaitan dengan JPK. Usaha penyelarasan akreditasi Program TVET telah bermula sejak tahun 2016 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. TVET sedia ada sedang diperkukuhkan melalui penubuhan sistem jaminan kualiti tunggal TVET yang akan diguna pakai oleh *Malaysian Qualifications Agencies* (MQA) dan juga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan TVET yang lebih baik.

Sistem baharu ini bertanggungjawab mengakreditasi Program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan kepada kerangka kelayakan Malaysia edisi kedua *Malaysian Qualifications Framework* (MQF). Pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan juga JPK akan dibuat berasaskan kepada *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* yang hampir selesai dibangunkan.

Apabila sistem jaminan kualiti tunggal TVET ini dilaksanakan nanti, dijangka ianya akan dapat meningkatkan pengiktirafan Program TVET, membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET, membuka peluang kerjaya graduan TVET supaya lebih kompetitif dan memperluaskan peluang pembelajaran sepanjang hayat. Pada masa kini, Memorandum Jemaah Menteri berkenaan dengan pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal (TVET) tersebut sedang disediakan untuk diangkat ke dalam Mesyuarat Jemaah Menteri.

Berkaitan dengan JTM, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris ada? Tuan Yang di-Pertua, pengukuhan TVET Malaysia dalam membangunkan tenaga mahir boleh dibuat dengan mengintegrasikan pembelajaran sedia ada dengan teknologi-teknologi baharu

yang diperlukan dalam Revolusi Industri 4.0. Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia, selaku peneraju latihan kemahiran negara telah mengorak langkah awal dengan memainkan peranan penting melatih, menyediakan tenaga kerja mahir lengkap dengan perkembangan teknologi Revolusi Industri 4.0.

Dalam mempersiapkan pelatih TVET bagi menghadapi Revolusi Industri 4.0, Kementerian Sumber Manusia melalui 32 buah institusi latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia mempergiatkan usaha bagi memberikan pendedahan kepada semua pelatih berkenaan dengan teknologi Industri 4.0 yang digunakan dan kemahiran yang perlu ada pada setiap tenaga kerja dalam industri tersebut.

■1920

Pelbagai seminar telah dianjurkan dan antaranya KSM telah menganjurkan ekspo TVET Malaysia yang diadakan pada 22 hingga 23 Mac 2018 di PWTC, melibatkan ketujuh-tujuh kementerian yang terlibat dengan TVET, di mana di antara pengisian-pengisian ekspo tersebut adalah Seminar Industri 4.0. Melalui seminar ini, pelatih-pelatih didedahkan dengan asas-asas Industri 4.0.

Syarikat-syarikat yang telah mengadaptasikan Industri 4.0 seperti Face2Malaysia, Zimmen Malaysia Sdn Bhd, dan juga Fabric Sdn Bhd juga menyertai ekspo ini dengan membuat sesi perkongsian ilmu dan demonstrasi bagi memberikan gambaran yang lebih jelas berkaitan Industri 4.0 ini. Dua institusi latihan Jabatan Tenaga Manusia iaitu JMTI di Pulau Pinang dan juga Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di Shah Alam merupakan pelopor kepada pelaksanaan latihan berasaskan Revolusi Industri 4.0.

Salah satu projek menaik taraf yang sedang dilakukan oleh pengajar dan pelajar di JMTI adalah menaik taraf peralatan latihan di bengkel automasi yang bertaraf IR 3.0 kepada Revolusi Industri 4.0. Jadi ini akan mengurangkan kos kerana kita masih boleh menggunakan peralatan yang lama, yang hanya perlu dinaiktarafkan sahaja dan saya difahamkan di Jerman, merupakan pelopor kepada IR 4.0 ini, ada peralatan yang umurnya 1,800 tahun lebih dan berjaya dinaik taraf untuk dimasukkan dalam industri 4.0 ini.

Selain daripada dapat menaik taraf peralatan latihan sedia ada, kaedah ini juga akan dapat memberikan pendedahan kepada pelajar akan kemahiran yang diperlukan dan juga para pengajar juga dapat melakukan kajian dan penyelidikan berhubung dengan teknologi terkini yang boleh diaplikasikan. Pendekatan berkonsepkan *project-based learning* ini dapat membantu pelajar memahami dan menggunakan semua kemahiran dan pengetahuan yang

dipelajari secara serentak dan merentas bidang. Kaedah ini juga turut menekankan pembelajaran yang memupuk semangat kerjasama dalam pasukan yang tinggi.

Selain itu, jabatan turut merancang perolehan peralatan baharu dan terkini yang dapat memenuhi keperluan Industri 4.0 tersebut bagi memastikan aspek *theoretical* yang dipelajari itu di institut, adalah selari dengan teknologi yang digunakan di industri. Sejumlah RM5.25 juta telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) menerusi *Rolling Plan* Tiga, RRP Tiga, RMKe-11 untuk tujuan ini, di mana fasa awal perolehan peralatan ini akan memberikan tumpuan kepada institut pelopor iaitu JMTI dan ADTEC Shah Alam.

Kerangka pelaksanaan Revolusi Industri 4.0, JTM sedang membangunkan dengan memberikan tumpuan kepada pengintegrasian bidang-bidang latihan yang ada di institut tersebut serta memberikan penekanan pembelajaran kepada kemahiran dan pengetahuan untuk menaik taraf peralatan dan juga sistem-sistem sedia ada bagi memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0. Kerangka pelaksanaan Industri 4.0 ini akan menjadi rujukan kepada semua institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia untuk membuat persiapan menghadapi revolusi ini.

Dengan mengandungi lima teras utama yang telah pun ditentukan. Kerangka yang bakal dibangunkan secara holistik ini amat penting kerana ini ia akan menjadi panduan kepada Jabatan Tenaga Manusia untuk memastikan program latihan yang dijalankan di institut latihan di bawah JTM mampu untuk memenuhi keperluan Revolusi Industri 4.0.

Bagi persediaan untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten, JTM juga sedang merancang terus *train the trainer* (TOT) kepada para pengajar yang akan menyampaikan ilmu pengetahuan yang mereka peroleh kepada pelajar. Serentak dengan itu juga, peralatan dan kelengkapan pembelajaran akan dinaikkan taraf untuk disesuaikan dengan keperluan teknologi semasa, melalui kerjasama dengan pihak industri.

Bagi menarik industri bekerjasama dengan institusi latihan dalam melaksanakan Industri 4.0 ini, kerajaan sedang merancang pelan insentif Industri 4.0, seperti potongan cukai *single tax*, bagi syarikat-syarikat yang menyumbang peralatan kepada institusi bagi tujuan pembelajaran dalam Industri 4.0 dan juga potongan cukai berganda bagi syarikat yang menaja pelajar dalam bidang diploma kejuruteraan atau teknologi yang mengambil jurusan yang berkaitan dengan Industri 4.0.

Saya akan pergi kepada isu dasar penggubalan dasar perburuhan sumber manusia, juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, berkaitan dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OHS Act). Untuk Yang Berhormat Senator yang

telah membangkitkan isu ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sedang dalam proses meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*]. Pada masa sekarang, status pindaan ini masih dalam peringkat semakan di Jabatan Peguam Negara dan dijangka akan dibentangkan dalam sidang Parlimen pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua tahun 2019.

Tujuan pindaan ini adalah untuk menggabungkan Akta 514 dan Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*], di mana Akta 139 lebih bersifat *prescriptive* berbanding dengan Akta 514 yang lebih bersifat sendiri (*self-regulation*). Dengan pindaan ini, Akta 139 yang dikuatkuasakan selama 51 tahun ini akan turut dimansuhkan. Pindaan akta ini juga akan melibatkan penggubalan terhadap peraturan-peraturan di bawah yang berdasarkan kepada penilaian risiko, pemakaian kod standard, dan praktis kejuruteraan serta teknologi terkini agar bersesuaian dengan perkembangan industri dan juga teknologi semasa.

Sebagai contoh, Peraturan-peraturan Kilang dan Jentera 1970 mengehendaki majikan memasang pengadang pada jentera yang berbahaya. Walau bagaimanapun, kaedah ini sudah tidak sesuai untuk diaplikasikan pada masa sekarang memandangkan kebanyakan jentera berteknologi tinggi telah dilengkapi dengan *electronic detector* dan juga tidak perlu dipagar menggunakan kaedah fizikal sebelum daripada ini.

Peraturan-peraturan yang berkaitan dengan lif elektrik penumpang dan juga barang-barang kilang dan jentera 1970, masih mengguna pakai kod reka bentuk yang lama dan tidak selari dengan kod reka bentuk yang diguna pakai secara global sekarang seperti kod reka bentuk EN 18.1- reka bentuk lif dan pemasangan, kod EN 18.1.

Kluster yang keempat, gaji dan juga gaji minimum. Datuk Haji Yahya, ada?

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas. Tidak ada.

Dato' Mahfuz Bin Haji Omar: Tidak ada. Puan Bathmavathi Krishnan? Tidak ada juga? Tidak ada. Saya tidak perlu jawab, boleh balik awal. Saya pun kesian juga tengok Timbalan Yang di-Pertua, jadi tidak tergamak juga hendak suruh balik sampai pukul 11 lebih. Saya ini simpati kepada orang tua, sebab saya pun sudah tua.

Timbalan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Sila.

Dato' Mahfuz Bin Haji Omar: Kluster hal-hal lain. Kluster yang terakhir. Puan Asmak binti Husin, ada? Yang membangkitkan isu tahap kesedaran majikan terutamanya sektor swasta terhadap tanggungjawab mereka untuk menyediakan ruang penyusuan yang selesa dan kondusif bagi kakitangan wanita dan ramai pekerja wanita terpaksa mengepam susu di

ruangan stor atau di kawasan surau. Beliau ingin tahu, apakah langkah kerajaan untuk menyediakan ruang penyusuan untuk pekerja-pekerja wanita.

Jadi saya pun setuju, tambah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan lagi setuju ya. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin telah membangkitkan isu yang telah pun saya sebut sebentar tadi. Bagi maklumat Dewan yang mulia, Akta Kerja 1955, melalui peraturan-peraturan di bawahnya, menggalakkan pekerjaan secara fleksibel yang boleh diamalkan oleh majikan dan pekerja.

Tiada halangan bagi mana-mana pekerja dan majikan bersetuju untuk melaksanakan waktu-waktu kerja yang fleksibel, terutamanya masa bagi tujuan untuk penyusuan anak kepada kakitangan wanita dan menyediakan ruang penyusuan yang kondusif di tempat pekerjaan. Di Parlimen ini ada, di Parlimen ini memang disediakan tempat untuk menyusu, tempat untuk menyusu.

■1930

Dalam erti kata yang lain, majikan digesa untuk meningkatkan kebajikan pekerja wanita melalui penyediaan pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja bagi mengekalkan dan menarik minat tenaga kerja wanita menyertai pasaran tenaga kerja. Cuma di Parlimen ini walaupun disediakan tetapi tidaklah Ahli-ahli Parlimen bawa anak *mai dok* menyusu di sini. KSN mengambil kira keprihatinan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin mengenai kebajikan pekerja wanita.

Kementerian sentiasa berusaha merencana pelbagai inisiatif menarik selaras dengan hasrat kerajaan memperkasakan peranan wanita dalam negara melalui penyertaan wanita di sektor awam dan swasta. Penggajian wanita dilindungi di bawah peruntukan perundangan melalui perlindungan penggajian wanita. Pada masa yang sama juga, amalan-amalan terbaik perburuhan negara maju juga diambil kira dalam usaha meningkatkan kebajikan dan perlindungan terbaik kepada pekerja wanita.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan Kementerian Sumber Manusia semasa perbahasan belanjawan di Dewan yang mulia, yang belum sempat saya jawab ataupun yang mungkin tidak begitu *detail*, kementerian ini amat menghargai segala cadangan, teguran dan komen yang telah dikemukakan dan kementerian akan mengambil tindakan-tindakan yang lanjut. *Insyaa-Allah*, itu akan membantu membangunkan negara yang tercinta yang ini dalam menggalas amanah dan juga membangunkan negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, Dato' Mahfuz bin Haji Omar yang telah menjawab dan menggulung perbahasan kita itu dengan panjang lebar, baik dan tepat. Kita semua faham, lagi-lagi Yang Berhormat Dato'. Terima kasih banyak ya.

Sekarang, saya jemput pula Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menggulung ya, silakan.

7.31 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Salam sejahtera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 di Dewan yang mulia ini.

Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator berhubung perkara yang telah dibangkitkan terutamanya yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan amat kami hargai. Saya ingat saya tidak payah hendak sebut satu persatu Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan, 23 orang semuanya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab kementerian ini. Pertamanya ialah Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker, tidak ada? Saya *skip*. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani juga tidak ada, saya *skip*. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada? Tidak ada ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tidak ada, saya *skip*. Juga Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, saya *skip* lagi. Datuk Haji Ismail bin Ibrahim, saya *skip* lagi. Ya, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Oh! Keluar, saya *skip*. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah lagi, saya *skip*.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali. Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, ada.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ada, ada, okey.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: [*Ketawa*] Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali bertanyakan tentang sejauh mana kerajaan memantau tukaran wang asing antarabangsa melalui *Monetary Federal Reserve* Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, rizab persekutuan Amerika Syarikat iaitu *US Federal Reserve* telah menaikkan kadar faedah sebanyak lapan kali sejak akhir tahun 2015 berikutan pengukuhan ekonomi domestik di Amerika Syarikat iaitu sehingga 13 Disember 2018.

Oleh yang demikian, peningkatan kadar faedah di Amerika Syarikat ini bukan satu fenomena yang baru dan proses peningkatan kadar faedah Amerika Syarikat ke paras wajar dijangkakan akan berterusan. Sepanjang tempoh peningkatan kadar faedah Amerika Syarikat ini, pasaran kewangan global akan mengalami episod peningkatan *volatility* berikutan jangkaan pelabur terhadap prospek hala tuju kadar faedah di Amerika Syarikat yang sentiasa berubah-ubah.

Namun begitu dasar semasa Bank Negara telah dan akan terus membantu Malaysia mengharungi tempoh *volatility* ini tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara. Dasar ini termasuk:

- (i) kadar pertukaran Ringgit yang fleksibel, yang akan memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran dengan izin, *shock absorber* tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik; dan
- (ii) memastikan keadaan pasaran kewangan lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah-langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran bagi mengelakkan *volatility* Ringgit yang ketara dan akhirnya penggunaan *reserve* antarabangsa mengikut keperluan dan secara berhemat untuk menstabilkan pasaran.

Dalam jangka masa yang lebih panjang, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia akan terus mengkaji langkah pembangunan pasaran untuk terus memperdalam dan meningkatkan daya tahan pasaran kewangan domestik terhadap *volatility* yang ketara.

Seterusnya saya pergi kepada usaha menangani kejatuhan nilai mata wang yang dibangkitkan Yang Berhormat Senator Hajah Sabani binti Mat.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018, Ringgit telah menyusut nilai sebanyak 2.9 peratus berbanding Dolar Amerika iaitu sehingga 13 Disember. Selaras dengan penyusutan nilai mata wang global yang lain termasuk mata wang negara maju. Namun begitu, kadar penyusutan nilai ringgit semakin pulih dicerminkan oleh penyusutan nilai yang semakin mengecil pada suku ketiga iaitu *minus* 2.5 peratus dan suku keempat *minus* satu peratus.

Sehingga 13 Disember 2018, berbanding dengan penyusutan nilai Ringgit pada suku kedua iaitu sebanyak *minus* 4.4 peratus pada tahun ini. Prestasi Ringgit juga adalah lebih stabil berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah menyusut nilai sebanyak poin satu peratus hingga 10.7 peratus berbanding Dolar Amerika Syarikat dalam jangka masa yang sama.

Negara serantau seperti Malaysia dan Thailand yang mempunyai asas ekonomi yang lebih kukuh seperti lebih akaun semasa dan kadar inflasi yang rendah, tidak mengalami penyusutan nilai mata wang yang mendadak berbanding Dolar Amerika Syarikat dan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding mata wang negara serantau.

Namun begitu, *volatility* Ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Oleh yang demikian, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Sehubungan itu, beberapa langkah telah diambil bagi mencapai tujuan tersebut. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah mata wang Ringgit diniagakan di luar pesisir untuk mengekang aktiviti spekulasi.

Dalam jangka masa panjang, nilai Ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia perlu menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

■1940

Oleh itu, nilai Ringgit akan terus meningkat seiring dengan pengukuhan asas ekonomi negara dan pasaran kewangan global. Sebagai maklumat Yang Berhormat Senator, Yang Berhormat Senator juga meminta supaya kita membuat perbandingan dengan prestasi mata wang negara maju berbanding Dolar Amerika Syarikat. Pada tahun 2018 sehingga 13 Disember, sementara Malaysia menyusut -2.9 peratus, *Pound Sterling* berbanding Amerika Syarikat menyusut 6.2 peratus lebih besar dan lebih teruk daripada Malaysia. *Euro*, -4.8 peratus berbanding kita 2.9 peratus. Hanya Yen Jepun sahaja yang hampir-hampir tidak berubah. Mereka juga terkesan sedikit, iaitu hanya -0.6 peratus.

So, we are not doing that bad, dengan izin, tetapi yang lebih pentingnya ialah untuk memastikan bahawa dasar ataupun kedudukan kita itu, kita mempunyai asas ekonomi yang teguh dan *insya-Allah* ia akan dapat kita tahan daripada serangan ataupun duit yang kita *depreciate against* Dolar Amerika Syarikat.

Kemudian, pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing, tidak ada. Saya *skip*. Juga daripada- ini tentang kutipan cukai digital yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kemudian juga Datuk Lee Tian Sing, pengecualian cukai kepada penyumbang tabung penyelenggaraan. Saya sebutlah juga di sini walaupun beliau tidak ada. Seperti mana yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2019, semua pihak yang menyumbang kepada Tabung Penyelenggaraan Sekolah Kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam layak menuntut potongan cukai pendapatan ke atas sumbangan tunai yang dibuat mulai 1 Januari 2019.

Kemudian pertanyaan yang sama berkenaan bagaimana kalau disumbangkan kepada sekolah jenis kebangsaan. Adakah mendapat layanan pengecualian cukai yang sama? Tuan Yang di-Pertua, penubuhan tabung serta mekanisme pengagihan dana sumbangan kepada sekolah kerajaan dan institusi pengajian tinggi awam di atas adalah di bawah Kementerian Pendidikan.

Manakala bagi sumbangan kepada sekolah jenis kebangsaan (SJK), penyumbang layak menuntut potongan cukai sehingga 10 peratus bagi syarikat dan sehingga tujuh peratus bagi bukan syarikat sekiranya sebuah sekolah jenis kebangsaan tersebut telah mendapat kelulusan. Dia kena dapat kelulusan dulu di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967 bagi Penubuhan Tabung Pembinaan Sekolah dan Tabung Sumbangan Wang Awam Sekolah ataupun SUWA. Perkara ini kena dapat kebenaran daripada LHDN yang bertujuan untuk

pembelajaran dan pengajaran. Jadi, jawabnya boleh juga tetapi sekolah tersebut mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, isu Bank Pembangunan, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Tuan Yang di-Pertua, terdapat enam buah institusi kewangan pembangunan ataupun DFI yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 iaitu DFIA iaitu:

- (i) Bank Pembangunan;
- (ii) SME Bank;
- (iii) EXIM Bank;
- (iv) Bank Kerjasama Rakyat;
- (v) Bank Pertanian; dan
- (vi) Bank Simpanan Nasional.

Sebagai institusi yang diberi mandat untuk menggalakkan pertumbuhan sektor ekonomi yang telah dikenal pasti, DFI memainkan peranan seperti bank komersial dengan menyediakan kemudahan kewangan serta kemudahan lain terutamanya dalam bentuk khidmat nasihat dan rundingan kepada kumpulan sasaran.

Walaupun DFI berperanan seperti bank komersial namun DFI perlu mengimbangi antara mandat dan kemapanannya iaitu *sustainability*. Oleh yang demikian, DFI harus kekal fokus dalam melaksanakan mandat mereka bagi memastikan kesemua sektor ekonomi mempunyai akses kepada pembiayaan.

Sektor yang dipertanggungjawabkan merangkumi sektor pertanian, sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pembangunan infrastruktur, perkapalan dan industri berintensif modal dan berteknologi tinggi, infrastruktur, perkilangan, eksport, pengusaha bumiputera, pembiayaan mikro serta pengemblengan deposit.

Sejak DFI diperkenalkan pada tahun 2002, pertumbuhan pembiayaan DFI telah meningkat sebanyak lima kali ganda dengan jumlah pemberian pembiayaan sebanyak RM141.9 bilion pada akhir Oktober 2018 berbanding RM25.2 bilion pada tahun 2002 di mana sejumlah 2.8 juta orang peminjam telah mendapat pembiayaan daripada DFI.

Modal perniagaan yang lebih mampan dengan jumlah keseluruhan modal sebanyak RM33.7 bilion di Oktober 2018 dan nisbah modal berwajaran risiko tinggi ataupun *risk weighted capital ratio (RWCR)* sebanyak 23.4 peratus berbanding dengan institusi kewangan yang lain hanya 17.2 peratus menunjukkan keupayaannya untuk menyokong sektor strategik. Apa yang saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua, ialah DFI kita mengambil risiko yang agak tinggi

memberi pembiayaan kepada institusi ataupun kepada syarikat-syarikat yang berisiko tinggi untuk perniagaan mereka gagal dan mereka telah sebanyak 23.4 peratus daripada *loan* yang diberikan adalah kepada syarikat-syarikat yang sedemikian kerana dia berisiko tinggi berbanding dengan bank komersial lain hanya 17.2 peratus.

Sebagai institusi kewangan pembangunan, DFI berada di dalam kedudukan yang kukuh dalam memupuk dan membentuk sektor strategik untuk berdaya saing dan berpotensi untuk mencapai tahap kemajuan yang seterusnya. Oleh yang demikian, kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk merombak pengurusan mahupun menstrukturkan semula DFI. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa memantau prestasi dan perkhidmatan DFI supaya sentiasa efisien dalam melaksanakan objektif yang telah dimandatkan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing ada, hadir.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tentang penangguhan, pembatalan projek-projek rundingan semula dan sebagainya ini. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan Pakatan Harapan sedang dan telah meneliti semula projek-projek mega seperti MRT, HSR, LRT 3 dan ECRL dengan rapi memandangkan projek-projek ini melibatkan jaminan kerajaan dan secara tidak langsung memberi implikasi kewangan kepada kerajaan. Kerajaan telah mengambil pendekatan holistik dalam usaha untuk mengurangkan kos kedua-dua projek tersebut bagi memastikan manfaat yang besar kepada rakyat tanpa mengabaikan aspek keselamatan pengguna.

Bagi projek LRT 3, Kerajaan Pakatan Harapan telah berjaya mengurangkan jumlah kos keseluruhan projek daripada RM31.65 bilion kepada RM16.63 bilion atau penjimatan sebanyak 47 peratus daripada anggaran kos asal. Manakala bagi projek MRT 2, kos keseluruhan berjaya dikurangkan sebanyak 18.1 peratus daripada RM56.93 bilion kepada RM46.65 bilion. Bagi projek MRT 3, kerajaan secara dasarnya telah membuat keputusan untuk membatalkan projek ini bagi tujuan mengurangkan bebanan hutang kerajaan. Dengan pembatalan MRT 3 sahaja, kerajaan telah dapat menjimatkan kos projek sebanyak RM66 bilion.

■1950

Bagi Projek ECRL, Kerajaan Malaysia telah mengarahkan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. mengeluarkan notis penggantungan, *suspension notice* kerja serta-merta pada 3 Julai 2018 kepada kontraktor utama iaitu China Communications Construction Company Limited dan China Communications Construction Company Malaysia Sdn. Berhad. Kerajaan masih belum memuktamadkan secara rasmi hala tuju projek ini dan masih mengkaji kaedah terbaik untuk

menampung kos projek bagi memastikan kerajaan mendapat nilai yang baik iaitu *value for money* serta dapat memberi impak yang besar kepada peningkatan ekonomi di sepanjang koridor ECRL dan jika Projek ECRL ini diteruskan. Sehingga kini, rundingan sedang dilaksanakan dengan Kerajaan China bagi memastikan sama ada projek ini perlu diteruskan atau dibatalkan.

Manakala bagi Projek HSR, Kerajaan Malaysia dan Singapura pada 30 Ogos 2018 telah bersetuju supaya Projek HSR ditangguhkan untuk tempoh dua tahun. Anggaran kos penangguhan Projek HSR dianggarkan sebanyak SG15 juta ataupun kurang lebih RM45 juta bagi pembayaran *abortive cost*. Kerajaan bersama pihak MyHSR Corporation Sdn. Berhad masih perlu berunding dengan pihak Singapura mengenai perubahan skop dan kos projek dalam tempoh penangguhan.

Projek yang sama- ECRL, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas memang tidak adapun, saya sudah jawab tadi. Begitu juga tentang ECRL, Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh, tidak ada juga. Kemudian implikasi penerbitan REIT daripada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, tidak ada, saya *skip*. Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram? Ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram, ada hadir.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Berkenaan dengan status terkini pelaburan Skim Amanah Saham 1Malaysia yang dikhaskan kepada masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 30 November 2018, status langganan pelaburan Skim Amanah Saham 1Malaysia yang kini dikenali sebagai ASN 3 yang dikhaskan untuk masyarakat India sebanyak 1.5 bilion unit adalah sebanyak 557.84 juta unit bersamaan dengan 37 peratus.

Isu kewangan dan pinjaman tentang pembukaan dan penutupan cawangan-cawangan bank. Menjawab daripada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, ya. Yang Berhormat Senator, pembukaan atau penutupan sebuah cawangan bank, sekarang ini pun ramai yang *dok complaint* tentang bank-bank yang ditutup, contohnya di Kuala Nerang, Daerah Padang Terap. Bank yang sudah wujud sekian lama yang berubah-ubah namanya daripada Bank Bumiputera, *Bank of Commerce* dan seterusnya jadi CIMB, yang akhirnya dibuat keputusan untuk ditutup. Begitulah juga yang lain menyebabkan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook membangkitkan perkara ini.

Pembukaan atau penutupan sebuah cawangan bank merupakan keputusan yang dibuat berdasarkan pertimbangan perniagaan bank perdagangan tersebut. *Very much a*

commercial decision by the bank, dengan bank itu sendiri, dengan izin. Secara umumnya, faktor-faktor yang diambil kira oleh sebuah bank perdagangan dalam membuat penilaian bagi pembukaan atau penutupan cawangan. Antara lain ialah kesesuaian lokasi, infrastruktur dan persekitaran yang kondusif, keperluan terhadap perkhidmatan kewangan seiring dengan pembangunan setempat serta anggaran atau penggunaan sebenar perkhidmatan kewangan oleh penduduk.

Pembukaan cawangan oleh bank perdagangan mungkin boleh dipertimbangkan sekiranya faktor-faktor ini dapat dipenuhi. Walau bagaimanapun, akses kepada perkhidmatan perbankan tidak terhad kepada penubuhan cawangan bank perdagangan sahaja. Pada masa ini, kesemua 144 daerah di Malaysia telah pun mempunyai sekurang-kurangnya satu pusat akses kepada perkhidmatan perbankan, sama ada melalui cawangan bank ataupun ejen bank yang dilantik oleh institusi kewangan. Contohnya di pejabat pos, kedai runcit dan juga stesen minyak.

Lima institusi kewangan domestik telah melantik 6,631 ejen bank di seluruh negara. Melalui ejen bank ini, penduduk di semua daerah di Malaysia boleh mendapatkan perkhidmatan perbankan asas seperti deposit dan pengeluaran wang, pembayaran bil, pembayaran pinjaman di ejen Maybank, RHB dan Bank Rakyat sahaja. Tiga bank ini untuk membuat bayaran pinjaman dan pembukaan akaun di ejen BSN sahaja.

Dua daripada lima institusi kewangan yang telah melantik ejen bank tersebut ialah bank perdagangan. Lima institusi tersebut adalah bank perdagangan iaitu Malaysian Banking Berhad (Maybank), RHB Bank Berhad (RHB) dan institusi kewangan pembangunan ialah Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. Ada yang ditutup di Kelantan, Yang Berhormat? Tanya sahaja, sudah bangkit.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Hendak tambah sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Kita memang maklum tentang keputusan bank untuk tutup di mana yang tidak sesuai dan sebagainya. Contoh, macam di sini pun banyak cawangan yang dahulu kita kata selesai sebab *parking* banyak tetapi dia tutup, dia pergi tempat yang kurang strategik tetapi itu keputusan dia. Akan tetapi yang saya perlukan intervensi daripada kementerian adalah di luar bandar, macam saya bagi contoh di Tumpat, tempat saya itu ataupun di Pasir Mas. Bank ditutup, okey tetapi perkhidmatan asas tadi macam kata itu, ATM dan juga *deposit machine* itu sepatutnya ada mencukupi yang bersesuaian.

Contoh, macam tempat saya di Tumpat itu hanya ada Maybank, hanya ada satu mesin ATM dan satu mesin cek deposit tunai yang diletak dalam stesen Petronas. Jadi, apabila mesin

itu rosak, bertunggu-tunggulah pelanggan. Jadi, kalau boleh ada bilangan yang mencukupi di taburan yang bersesuaian supaya kemudahan itu senang dicapai oleh penduduk setempat, terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Sempat saya minum *ayaq sat*, sudah tanya soalan. Ya, saya ingat apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi itu memang cukup relevan. Sebenarnya, kita sentiasa untuk berbincang dengan bank-bank komersial pun tentang perkara ini.

Paling tidak Yang Berhormat Senator, saya ingat beberapa bank yang telah kita sebutkan tadi itu, institut kewangan pembangunan, contohnya Bank Simpanan Nasional yang berada terus di bawah Kementerian Kewangan yang mungkin boleh kita berbincang untuk memastikan bahawa mereka juga dapat meletakkan ATM *machine* mereka dan juga melantik ejen-ejen bank di tempat-tempat yang tertentu. Setidak-tidaknya dapat memberikan beberapa perkhidmatan asas bagi memastikan bahawa kesemua penduduk di negara kita ini mendapat perkhidmatan yang *inclusive* daripada sektor perbankan ini.

Seterusnya ialah Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris yang membangkitkan tentang GTFS – Skim Pembiayaan Teknologi Hijau. Tuan Yang di-Pertua, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) ini telah dilaksanakan mulai tahun 2010 dengan tempoh permohonan dibuka mulai 1 Januari 2010 sehingga 31 Disember 2017. Seterusnya, Bajet 2018 telah mengumumkan perlanjutan tempoh pelaksanaan GTFS ini dengan peruntukan sebanyak RM5 bilion dan tempoh permohonan selama lima tahun lagi.

■2000

Umum untuk Bajet 2018 tetapi kita pun tahu bahawa permulaan tahun itu, sementara dia nak bermula dan sebagainya, selepas itu masing-masing sibuk dengan pilihan raya umum. Kemudian berlaku pertukaran kerajaan. Jadi, selaras dengan komitmen pihak kerajaan dalam mengawal perbelanjaan dan mengurangkan beban kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan telah mengukuhkan kedudukan kewangan semasa negara. Semua program dan projek yang diumumkan melalui Bajet 2018 telah disemak dan diteliti semula berikutan perubahan dalam unjuran hasil kerajaan. Kita, *being affected* dengan harga minyak yang turun dan sebagainya.

Melalui Bajet 2019, program ini telah diumumkan semula dengan jumlah dana sebanyak RM2 bilion, kurang sedikit, berserta subsidi kadar faedah sebanyak dua peratus. *Subsidize* sebanyak dua peratus bagi tempoh lima tahun. Kerajaan yakin GTFS berupaya dan mampu menggalakkan pertumbuhan industri berasaskan teknologi hijau termasuk bidang

kecekapan tenaga. Mulai tahun depan Yang Berhormat, benda ini ada dan bolehlah mana-mana syarikat untuk memohon untuk mendapatkan GTFS ini bagi projek-projek yang hendak mereka jalankan untuk memastikan apa yang dapat dibuat itu memberikan kecekapan penggunaan tenaga dalam negara kita.

Kemudian Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya belum dijawab. Saya nak tanya berkenaan dengan had pembiayaan kewangan sama ada masih lagi berada dalam skim tersebut iaitu RM100 juta kepada pengeluar dan pengguna dan RM50 juta masih dalam skim itu. Maksudnya pemain boleh membuat pinjaman tersebut. Itu nombor satu.

Kedua, bon. *Sukuk* hijau yang RM300 juta selama 15 tahun bagi syarikat pengeluar dan 10 tahun bagi syarikat pengguna. Adakah dua pinjaman ini masih berada dalam skim tersebut? Itu soalan saya sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Razali. Tentang had pembiayaan sebanyak RM100 juta bagi pengeluar dan RM50 juta bagi pengguna, sebenarnya *detail* nya masih kita *find tune* untuk tahun 2019. So, sebaik sahaja benda ini sudah *difinalizekan*, akan diumumkan untuk dimohon oleh syarikat-syarikat sama ada syarikat pengeluar ataupun syarikat pengguna. Masih belum *finalize*. Kita masih tengah *find tune* kan lagi.

Tentang terbitkan *sukuk* itu, saya mohon untuk menjawab secara bertulis, Yang Berhormat Datuk Razali sebab saya ingat saya tidak ada jawapannya di sini. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat, *insya-Allah*.

Kawalan pelaburan modal asing ke luar negara oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Secara amnya, syarikat-syarikat bukan pemastautin di Malaysia adalah bebas untuk membuat sebarang pelaburan dalam dan luar negara selaras dengan peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa. Bagi syarikat pemastautin yang mempunyai pinjaman ringgit domestik, syarikat tempatan ada pinjaman ringgit domestik.

Pelaburan luar negara adalah tertakluk kepada had RM50 juta setahun secara agregat bagi kumpulan syarikat tersebut sekiranya pelaburan tersebut dibiayai dengan penukaran ringgit. So, ada syarat-syaratnya. Kalau dia syarikat luar bukan pemastautin, tidak ada sekatan. Sebarang pelaburan luar negara melebihi had tersebut, Bank Negara Malaysia akan menjalankan penilaian secara menyeluruh dengan mengambil kira antara lain dasar-dasar *prudent* Bank Negara Malaysia dan kesan terhadap kestabilan kewangan negara. Pihak Bank

Negara Malaysia akan terus memantau aliran masuk dana bagi memastikan keadaan pasaran kewangan semasa kekal teratur.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Yang Berhormat Senator bertanya tentang pengurangan jumlah jaminan kerajaan.

Untuk makluman, jaminan kerajaan hanya diberikan ke atas pinjaman yang dibuat oleh syarikat berkaitan kerajaan, badan berkanun dan anak syarikat kerajaan negeri. Tujuan jaminan kerajaan adalah untuk melaksanakan projek-projek strategik negara yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhan merangkumi sektor pendidikan, perkhidmatan, infrastruktur, kewangan, pegangan pelaburan dan utiliti.

Sehingga 30 Jun 2018, sektor infrastruktur adalah penerima terbesar iaitu sebanyak 47.8 peratus daripada jumlah *contingent liability* kerajaan sebanyak RM258.39 bilion di mana jumlah *committed guarantee* adalah berjumlah RM117.5 bilion.

Oleh itu, kerajaan perlu berhati-hati dalam meluluskan projek-projek mega di masa hadapan kerana ia melibatkan implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan. Pada masa kini, kerajaan tidak meluluskan permohonan pinjaman ataupun terbitan *sukuk* ataupun bon berjaminan kerajaan yang baharu, sebaliknya terbitan dan pinjaman berjaminan kerajaan sedia ada hanya dibuat berdasarkan kelulusan terdahulu. Bagi mengurangkan impak secara langsung, jaminan kepada jumlah liabiliti kerajaan, kerajaan akan sentiasa memantau prestasi kewangan penerima jaminan bagi meminimumkan kemungkinan berlakunya *event of default*, dengan izin.

Property crowdfunding saya telah jawab di dalam soalan lisan sebelum ini. Tentang projek PPP PFI yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Tuan Yang di-Pertua, Inisiatif Kerjasama Awam Swasta (PPP) di Malaysia secara umumnya terbahagi kepada penswastan dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). PPP telah pun dilaksanakan oleh kerajaan sejak 30 tahun yang lalu dan sehingga Jun 2018, hanya 100 projek melibatkan komitmen kewangan kepada kerajaan. Inisiatif PFI telah dilaksanakan secara meluas merangkumi sektor sosial, ekonomi dan keselamatan.

Melalui kaedah ini, syarikat konsesi akan menanggung semua kos dan risiko pembinaan, melaksanakan penyelenggaraan dan penggantian aset mengikut KPI yang ditetapkan bagi memastikan *facility* tersebut sentiasa dalam keadaan terbaik sepanjang tempoh konsesi dan sewaktu diserahkan kembali kepada kerajaan.

Obligasi kerajaan di bawah kontrak *build, list, maintain, transfer* (BLMT) merangkumi *availability charges* iaitu sewaan, *maintenance charges* atau selenggaraan dan *maintenance reserve fund* iaitu penggantian aset. Kerajaan hanya akan membuat bayaran setelah projek siap dan diserahkan kepada kerajaan tertakluk kepada KPI yang telah ditetapkan dalam perjanjian. Sehingga Oktober 2018, jumlah komitmen kewangan kerajaan untuk 100 projek ini dari tahun 2018 sehingga tahun 2047 adalah sebanyak RM135.1 bilion.

Seterusnya, tentang geran bagi mengurangkan *non-revenue water* di Kelantan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada, bukan?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ada, ada. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan melalui Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah memperuntukkan sebanyak RM995 ribu iaitu kaedah pembiayaan secara pinjaman bagi tahun 2019 di bawah peruntukan pembangunan bagi projek bertajuk Kerja Kajian dan Pelaksanaan Program *Non-Revenue Water* (NRW) seluruh negeri Kelantan bagi fasa kedua. Projek ini bertujuan mengurangkan kadar NRW sekurang-kurangnya enam peratus dalam masa tiga tahun dan mewujudkan satu polisi nasional dan fleksibel bagi tempoh jangka panjang dalam pengawalan NRW.

■2010

Skop kerja bagi projek tersebut meliputi sistem pengurusan GIS dan pengagihan air, SCADA dan telemetri, *network hydraulic analysis, establishment and reestablishment of District Metering Area (DMA), active leakage detection and leak repairs, pressure and demands management* dan program penukaran meter pengguna.

Seterusnya, tentang peruntukan penyelenggaraan jalan masuk ke kampung oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang. Yang Berhormat Senator, pemberian penilaian jalan raya negeri MARRIS adalah mengikut peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan. Pemberian MARRIS meliputi jalan-jalan negeri seperti berikut; jalan standard, jalan substandard, jalan kawasan perumahan kos rendah, jalan lorong belakang, jalan pelancongan, jalan kampung dan jalan pertanian.

Jadi, ini semua termasuk di dalam pemberian yang kita berikan melalui MARRIS. Kemudian tentang nilai geran tahunan pihak berkuasa tempatan, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Nilai geran tahunan kepada pihak berkuasa tempatan Kerajaan Persekutuan di negeri Kelantan sehingga 30 November 2018, adalah berjumlah

RM21.93 juta. Manakala, pertanyaan bagi penyelenggaraan jalan negeri MARRIS untuk negeri Kelantan sehingga 30 November 2018 adalah berjumlah RM198.2 juta.

Penambahbaikan tentang Bantuan Sara Hidup yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, tidak ada. Saya *skip*. Kemudian yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang, juga tidak ada, saya *skip*. Tentang ECER (Wilayah Ekonomi Pantai Timur) yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) ditubuhkan untuk memastikan pengagihan kekayaan yang saksama di seluruh negara selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi. Pertumbuhan yang saksama dan mapan di ECER telah membawa manfaat sosioekonomi yang ketara kepada rakyat melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

Mesyuarat Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Bilangan 1/2018 pada 31 Oktober 2018 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan Hala Tuju Strategik Pelan Induk ECER 2.0 lonjakan seterusnya iaitu bagi tahun 2018 hingga 2025 berlandaskan model pembangunan bersepadu ECER yang merangkumi pelaksanaan projek strategik, pelaburan swasta dan program pembangunan modal insan.

Setakat penghujung tahun 2017, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) telah berjaya menarik sejumlah RM111.6 bilion pelaburan swasta terkumpul yang telah mewujudkan 108,400 peluang pekerjaan dan 9,600 perniagaan.

Wilayah ini telah memperlihatkan kenaikan KDNK per kapita sebanyak 62 peratus kepada RM24,108 pada tahun 2016 berbanding hanya RM14,851 pada tahun 2009, juga kenaikan pendapatan bulanan isi rumah sebanyak 87 peratus kepada RM3,917 pada tahun 2016 berbanding hanya RM2,098 pada tahun 2009.

Kesemua 67 projek dan program di bawah RMKe-9, manakala 32 projek dan program di bawah RMKe-10 dan dua projek dan program di bawah RMKe-11 telah siap dilaksanakan. Sebanyak 12 lagi projek dan program di bawah RMKe-10 dan 20 projek di bawah RMKe-11 berada di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Program-program pembangunan modal insan ECER telah melahirkan sejumlah 14,000 usahawan baharu dan membimbing 8,105 orang usahawan yang sedia ada serta berjaya mewujudkan sejumlah 41,000 peluang pekerjaan.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga bertanya tentang ECER *Halal Park* di Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Taman Industri Halal

Pasir Mas (PMHP) di negeri Kelantan berkeluasan 108 ekar dan dibangunkan secara berperingkat oleh pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC). Kesemua pembangunan Taman Industri Halal Pasir Mas telah pun siap dan sedia beroperasi sepenuhnya.

Sehingga akhir bulan November 2018, terdapat dua buah syarikat dan satu pusat latihan di bawah Program Empower ECER telah beroperasi di sembilan unit di Pusat Pembangunan Usahawan. Program Empower ECER ini telah mula memberikan latihan sejak Disember 2017 kepada 200 orang peserta. Sehingga kini, terdapat enam syarikat yang komited dalam menjalankan perniagaan mereka di taman industri ini dengan nilai pelaburan sebanyak RM28 juta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan berjumlah RM80 juta telah diluluskan untuk pembangunan Taman Industri Halal Pasir Mas ini.

Tentang pembangunan koridor dan unjuran peluang pekerjaan yang ditanya oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Sehingga kini, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM4.35 bilion peruntukan di bawah RMKe-11 bagi kelima-lima wilayah ekonomi koridor iaitu ECER, NCER, IRDA, SCORE dan SDC untuk melaksanakan sebanyak 113 projek merangkumi projek-projek infrastruktur, ekonomi, bekalan air, perumahan, pembangunan modal insan dan sebagainya.

Pelaksanaan projek di wilayah ekonomi koridor ini dianggarkan dapat mewujudkan hampir 349,000 peluang pekerjaan dari tahun 2016 hingga tahun 2020. Bagi peruntukan yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur Negeri Kelantan adalah sebanyak RM1.05 bilion, di mana RMKe-9 adalah sebanyak RM0.18 bilion, permulaan waktu itu. Kemudian RMKe-10 sebanyak RM0.46 bilion dan RMKe-11 RM0.41 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira itu antara perkara yang ingin saya sebutkan dalam perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kalau ada yang tertinggal...

Tuan Aknan a/l Ehtook: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Mungkin nanti akan kita jawab secara bertulis.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Yang Berhormat Menteri, cuma sedikit peringatan Menteri. Ada satu benda yang saya ingin bangkitkan, pendek sahaja, tentang ASB dan ASNB yang saya tanya sama ada- Saya hendak pengesahan daripada Kementerian Kewangan bahawa kes semacam di Tabung Haji tidak berlaku di ASNB. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Yang Berhormat Senator, saya ingat polisinya ataupun perkara secara umumnya, *no news is good news. So, when there is no news about ASB and ASNB, maknanya still good news*, dalam pengawalan dan pengendalian yang baik

oleh pihak PNB. Kita tahu bahawa sekarang ini pun PNB mendapat seorang pengurusinya yang baharu yang kita tahu tentang bagaimana beliau mengurus dulunya di Bank Negara dan sebagainya. *Rest assured*, dengan izin, *it is still in good hands* Yang Berhormat Senator. Jadi, akhir sekali...

Dr. Zaiedi Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, mohon saya mencelah Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan dua perkara di dalam perbahasan saya. Satu ialah mengenai peruntukan yang diberi kepada negeri Sarawak iaitu diumumkan seperti yang dibentangkan dalam belanjawan ini ialah RM4.346 bilion.

■2020

Jadi, persoalan saya adakah peruntukan ini termasuk dengan peruntukan untuk meneruskan pembinaan projek Pan Borneo. Perkara ini telah saya kemukakan juga tadi dengan Kementerian Kerja Raya dan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah bahawa peruntukan ini untuk negeri Sarawak adalah RM6 bilion lebih lah. Jadi, adakah bermakna bahawa RM4.346 bilion ini tidak termasuk Pan Borneo dan Pan Borneo diperuntukkannya sendiri, bermakna dalam RM2 bilion itu yang pertama.

Keduanya, disebut juga dalam belanjawan ini ialah bahawa 50 peratus daripada cukai pelancongan tahun 2017 akan dipulangkan kepada negeri masing-masing. Jadi, saya juga membangkitkan perkara ini dan bertanya kepada Kementerian Pelancongan bagaimana Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan, bagaimanakah 50 peratus ini di *reimburse* balik kepada negeri masing-masing.

Jadi, Kementerian Pelancongan menyatakan bahawa oleh kerana cukai ini masuk di dalam *consolidated fund*, bermakna cukai yang dikutip telah dimasukkan kepada Kementerian Kewangan. Jadi, apakah prosedur bagi Kementerian Kewangan untuk membayar balik wang kutipan cukai pelancongan itu kepada negeri masing-masing. Jadi, bolehkah Menteri menjelaskan tentang perkara ini? Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat. Dua perkara yang dibangkitkan pertamanya ialah tentang peruntukan kepada Sarawak sebanyak RM4.436 bilion, adakah ianya termasuk dengan projek Pan Borneo yang dikatakan RM6 bilion *plus-plus* itu. Saya sehingga kini masih belum dapat apa-apa, adalah *kot* ini.

Pelaksanaan projek pembangunan sebenarnya semua ini di bawah penyeliaan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, maknanya mereka akan lihat semua projek-projek yang telah dikemukakan oleh pihak negeri dan juga pihak kementerian dan kemudiannya akan diberi keutamaan dan selepas itu akan dimaklumkan kepada kita. Jadi Yang Berhormat, yang ini

pun saya ingat saya mohon untuk menjawab secara bertulis tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi tentang projek Pan Borneo itu.

Keduanya, adalah tentang 50 *percent* daripada cukai pelancongan. Seperti yang telah disebutkan, memang cukai yang telah dikutip ini dimasukkan dalam *consolidated fund* dan 50 *percent* adalah menjadi hak negeri. Jadi, saya ingat setelah kita dapat kenal pasti berapa jumlah yang dikutip oleh setiap negeri seperti jugalah macam peruntukan untuk MARRIS dan sebagainya dan juga macam *capitation grant* contohnya, setelah kita tahu berapa ia punya nilainya, ini akan dipulangkan kepada negeri mengikut kutipan yang telah kita buat melalui negeri masing-masing di bawah cukai pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang...

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Tuan Yang di-Pertua, ada satu lagi minta...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Berapa kali tanya sudah?... [*Dewan ketawa*]

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dalam bahasa saya telah membawa isu *Trans Sabah Gas Pipeline* tetapi memandangkan ianya mungkin tidak dicatat, jadi saya ingin minta penjelasan, apakah status? Saya difahamkan projek ini telah dibatalkan dan apakah tindakan pihak kementerian untuk memastikan, sebab apa yang kita tahu adalah 80 persen daripada projek ini sudah dibayar.

Jadi kita mahu tahu, adakah kementerian ada berhasrat untuk *repropose* ataupun merunding semula untuk memastikan bahawa wang yang telah dibayar kepada syarikat ini tidak sia-sia begitu saja dan kita di Sabah tidak mahu kehilangan projek yang sepatutnya menjana ekonomi di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat tentang *Trans Sabah Gas Pipeline* ini yang seperti yang disebutkan sudah hampir 80 peratus dibayar tetapi projeknya entah ke mana. Jadi, memang hasrat kitalah untuk lihat semula tentang projek ini dan ialah duit terbayar, fizikal *works* entah ke mana.

So, kita harap kita dapat duduk berbincang dan ada suatu akhirnya penyelesaian yang *win-win* kerana projek ini memang diperlukan, cuma keadaan yang terjadi itu menyebabkan ia agak sukar untuk kita meneruskan tetapi pun kita akan berbincang dan untuk memastikan bahawa projek yang begitu manfaat untuk rakyat Sabah ini, dapat kita teruskan nanti.

Akhir sekali buat kali yang keempatnya... [*Dewan ketawa*] saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian

dalam perbahasan dan mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian Kementerian Kewangan.

Kita mengharapkan *insya-Allah* apa yang telah sama-sama kita rancangkan di dalam Bajet 2019 ini hasrat dan kehendak kerajaan dan juga Yang Berhormat sekalian untuk melihat negara kita untuk terus maju ke hadapan, membawa projek-projek pembangunan, pembangunan sosial dan sebagainya ini akan dapat kita jalankan dan manfaat itu akan dapat kita luas dan ratakan kepada seluruh rakyat yang ada dalam negara kita.

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Waalaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan kita yang telah bertanggungjawab untuk menjawab dan menggulung bagi perbahasan Belanjawan 2019. Yang Berhormat telah menjawab dengan panjang lebar, tepat dan teratur terima kasih dan sekarang kita ucap terima kasih, kita pergi kepada agenda teruskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Bacaan Kali Yang Ketiga

8.29 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2019 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu telah disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2), rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak. Sudah jam 8.30 malam Ahli-ahli Yang Berhormat bersama saya di medan perjuangan. Syabas dan tahniah.. *[Dewan tepuk]* Tadi dua, tiga orang Yang Berhormat Menteri memuji sikap kita. Sikap kita dihormati. Kita- bukan kita tua, ilmu kita yang tua. Ilmu itu yang pernah saya katakan berpaksi kepada hormat.

*Bunga melur bunga melati;
Mari pakai di ufuk hati;
Budaya orang kita yang tua dihormati;
Yang muda dikasihi... [Dewan tepuk]*

Kejayaan suatu benda itu berpaksi kepada kesetiaan. Kesetiaan itu mustahak juga. Apa juga pegang dan gagal kalau ada yang tidak setia, itu dia. Jadi, ingatlah apa yang saya hendak baca dua pantun di sini, bahayanya kalau tidak setia itu.

*Nasi dingin bersayur mumbang;
Sayur dimasak dalam belanga;
Kami tidak ingin melihat kumbang;
Kalau kumbang merosakkan bunga.*

*Dari jauh tersenyum sinis;
Ingat teruna pada si dara;
Berhadapan saja mulutnya manis;
Paling belakang lain bicara.... [Dewan tepuk]*

Ingat itu. Terima kasih banyak. Kita doakanlah Yang Berhormat sekalian sihat, dan diberi Allah SWT kekuatan tenaga dan fikiran untuk lahirkan sebuah negara yang maju dan dinamik. Pada Yang Berhormat sekalian, terima kasih banyak dan selamat pulang. Berhati-hati di jalan raya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Rabu, 19 Disember 2018. Terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.34 malam]